



2023


Laporan Tahunan
Annual report



LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

20
23

PERBADANAN
ASET KERETAPI
Railway Assets Corporation



CETAKAN PERTAMA 2025

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak PERBADANAN ASET KERETAPI.

Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City,
63502 Putrajaya Sepang, Selangor Darul Ehsan

Tel: +603 8939 2020 Faks: +603 8939 2222/6018
Media Sosial: Railway Assets Corporation
Laman Sesawang: www.rac.gov.my

ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENTS

005	Visi, Misi dan Moto <i>Vision, Mission and Motto</i>
006	Perkhidmatan Kami <i>Our Services</i>
007	Pencapaian RAC 2023 <i>RAC Achievements 2023</i>
008	Sorotan 2023 <i>2023 Highlights</i>
012	Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah <i>Chairman's Message</i>
018	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif <i>Chief Executive Officer's Message</i>



01

PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE

028	Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>
032	Denotasi Logo RAC <i>RAC's Logo Denotation</i>
033	Penubuhan RAC <i>RAC's Establishment</i>
036	Punca Kuasa RAC <i>Powers of RAC</i>
039	Piagam Pelanggan <i>Client's Charter</i>
040	Saluran Khidmat Pelanggan <i>Customer Service Channels</i>
041	Jenis-Jenis Aset Kereta Api <i>Types of Railway Assets</i>
042	Data Tanah dan Infrastruktur Kereta Api <i>Railway Land and Infrastructure Data</i>
045	Senarai Aktiviti Komersial RAC <i>List of RAC's Commercial Activities</i>
046	Carta Organisasi RAC 2023 <i>RAC's Organisational Chart 2023</i>
047	Barisan Pihak Pengurusan RAC 2023 <i>RAC Management Line-up 2023</i>



02

KEPIMPINAN LEADERSHIP

054	Lembaga Pengarah RAC <i>RAC Board of Directors</i>
057	Barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC 2023 <i>Members of RAC's Board of Directors in 2023</i>
066	Jadual Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC 2023 <i>RAC Board of Directors' Meetings in 2023</i>
070	Jawatankuasa yang Dipengerusikan dan Dianggotai oleh Lembaga Pengarah RAC 2023 <i>Committees Chaired and Membership Held by The RAC Board of Directors in 2023</i>



03 TADBIR URUS KORPORAT, INTEGRITI DAN PEMATUHAN *CORPORATE GOVERNANCE, INTEGRITY AND COMPLIANCE*

- 080 Pengenalan
Introduction
- 081 Kawalan Dalam
Internal Control
- 085 Penubuhan Railway Assets
Holding Sdn. Bhd.
*The Establishment of Railway Assets
Holding Sdn. Bhd.*
- 092 Laporan Audit Dalam 2023
Internal Audit Report 2023



05 MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN INFRASTRUKTUR REL *BOOSTING RAILWAY LAND DEVELOPMENT & IMPROVING RAIL INFRASTRUCTURE*

- 134 Perancangan Pembangunan Tanah
Kereta Api
Railway Land Development Planning
- 142 Projek Pembangunan Infrastruktur dan
Kemudahan Kereta Api
*Infrastructure Development Projects
and Railway Facilities*
- 161 Penubuhan Unit REL
Establishment of the RAIL Unit




04 PENGURUSAN HARTANAH SECARA HOLISTIK *HOLISTIC PROPERTY MANAGEMENT*

- 098 Aktiviti Komersial RAC
RAC Commercial Activities
- 107 Prestasi Hasil dan Tunggakan
Revenue Performance and Arrears
- 111 Pengurusan Tanah Kereta Api
Railway Land Management
- 126 Pengurusan Aset Kereta Api
Management of Railway Assets



06 MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN *EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION*

- 176 Memperkasa Fungsi RAC
Empowering RAC's Functions
- 177 Kemuktamadan Perjanjian
Finalised Agreements



07

**PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA BERKUALITI DAN
PEMBUDAYAAN ICT
*DEVELOPMENT OF QUALITY
HUMAN RESOURCES AND
INCULCATING ICT CULTURE***

- 186 Pengurusan Sumber Manusia
Human Resource Management
- 200 Pembukaan Pejabat Urusan
Wilayah RAC
Opening of the RAC's Regional Office
- 201 Pengukuhan ICT
Strengthening ICT
- 203 Perolehan
Procurement



09

**INISIATIF TENAGA BOLEH
BAHARU RAC DAN
KELESTARIAN HIJAU
*RAC'S RENEWABLE ENERGY
AND GREEN SUSTAINABILITY
INITIATIVES***

- 232 Inisiatif Tenaga Boleh Baharu
Renewable Energy Initiatives



08

**PENGURUSAN ADUAN AWAM
& PENGUKUHAN IMEJ DAN
JENAMA RAC
*PUBLIC COMPLAINTS
MANAGEMENT & RE-IMAGING
AND BRANDING OF RAC***

- 208 Pengurusan Aduan Awam
Management of Public Complaints
- 210 Pengukuhan Imej dan Jenama RAC
Re-Imaging and Branding of RAC
- 224 Program Tanggungjawab Sosial
Korporat
*Corporate Social Responsibility
Programme*
- 228 Keberkesanan Media Sosial
Effectiveness of Social Media



10

**PENGURUSAN KEWANGAN
DAN AKAUN
*FINANCIAL AND ACCOUNTS
MANAGEMENT***

- 238 Pengurusan Kewangan dan Akaun
Financial and Accounts Management
- 239 Penubuhan Kumpulan Wang
Perbadanan Aset Keretapi
*Establishment of Railway Assets
Corporation Fund*
- 240 Analisis Prestasi Kewangan
Financial Performance Analysis
- 246 Analisis Kedudukan Kewangan
Financial Position Analysis



11

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR

31 DISEMBER 2023

*AUDITOR-GENERAL'S
REPORT ON RAC'S FINANCIAL
STATEMENT
FOR THE YEAR ENDED 31
DECEMBER 2023*

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai
Penyata Kewangan Perbadanan Aset
Keretapi bagi Tahun Berakhir 31
Disember 2023

*Auditor-General's Report on RAC's
Financial Statement for the Year Ended
31 December 2023*

VISI VISION

**PENERAJU TRANSFORMASI
PENGURUSAN ASET KERETA API YANG
MAMPAN MENJELANG 2030**

**LEADING THE TRANSFORMATION
OF SUSTAINABLE RAILWAY ASSET
MANAGEMENT BY 2030**

MISI MISSION

Kami komited untuk :

- Mengurus dan melaksanakan pembangunan aset kereta api secara dinamik, efisien dan sistematik untuk memajukan industri rel negara dan menjana pendapatan yang mampan.
- Perbadanan Aset Keretapi berperanan sebagai :
 - i. Pengurus dan pentadbir bagi aset-aset kereta api dengan RAC mengambil alih semua liabiliti yang ditanggung oleh Pentadbir KTM bagi membolehkan syarikat pengganti, iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang.
 - ii. Pengurus dan perancang perniagaan bagi menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

We are committed to:

- *Manage and develop railway assets dynamically, efficiently and systematically to drive growth of the national rail industry and generate long-term sustainable income.*
- *The role and functions of Railway Assets Corporation are as below:*
 - i. *As manager and administrator of railway assets, RAC also assumed all liabilities incurred by the Malayan Railway Administration (KTM) to enable the successor company, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) to operate without any debt.*
 - ii. *RAC functions as manager and business planner to govern and interpret railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government.*

MOTO MOTTO

**MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETA API
NEGARA
EXCELLENT IN NATIONAL RAILWAY ASSET
MANAGEMENT**



PERKHIDMATAN KAMI

OUR SERVICES



PENYEWAAN/PAJAKAN

RENTAL/LEASE

Penyewaan dan pajakan tanah-tanah kereta api di sepanjang koridor bagi tujuan komersial.

Rental and lease of railway land along the corridor for commercial purposes.



PEMBANGUNAN TANAH

LAND DEVELOPMENT

Projek pembangunan berasaskan transit telah digariskan sebagai satu daripada teras strategi dalam usaha RAC meningkatkan pendapatan dan memastikan hasil yang berterusan.

Transit-oriented development project has been underlined as one of RAC's strategic thrusts to boost income and ensure continuous revenue.



PENGIKLANAN

ADVERTISING

Cabang komersial yang akan diperkasakan melalui libat urus secara aktif aktiviti ini di atas tanah-tanah kereta api di sepanjang jajaran.

Commercial arm to be empowered through active public engagement on railway land along the alignment.



PENGUATKUASAAN

ENFORCEMENT

Pengeluaran notis, pengusiran dan pemantauan bagi aktiviti pencerobohan demi keselamatan operasi kereta api.

Issuing notices as well as conducting evictions and monitoring works to ensure railway operational land is safe from illegal occupation and encroachment.



PENTADBIRAN TANAH

LAND ADMINISTRATION

Tadbir urus bagi tanah-tanah kereta api berstatus hak milik dan pewartaan bagi tanah-tanah kereta api di bawah kategori rizab.

Administration of titled railway land and gazetting of railway land under reserve category.



TUMPANG LALU

WAYLEAVE

Kebenaran yang diberikan kepada agensi mana-mana pihak untuk menggunakan tanah kereta api.

Approval to relevant agencies/parties for use of railway land.



PELUPUSAN ASET

DISPOSAL OF ASSETS

Pengurusan aset dilaksanakan secara sistematik untuk menjimatkan perbelanjaan bagi menampung kos penyelenggaraan yang tinggi.

Systematic asset management helps minimise or reduce maintenance costs.



PENYELENGGARAAN ASET

ASSET MAINTENANCE

Memastikan aset dan infrastruktur dipantau, diselenggara dan dibaik pulih supaya ia sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

To ensure assets and infrastructure are monitored, managed and maintained so that they are always in good working order and safe for use.

PENCAPAIAN RAC 2023

RAC ACHIEVEMENTS 2023



RM78

JUTA / MILLION

Jumlah kutipan hasil daripada urusniaga pertukaran

Total collection in revenue

RM46

JUTA / MILLION

Jumlah hasil sewaan

Total rental collection income



RM27.69

JUTA / MILLION

Jumlah diperuntukan bagi penyediaan kemudahan lif untuk kegunaan OKU di lapan (8) buah stesen

Total allocation for providing elevator facilities for the disabled (OKU) at eight (8) stations



Perasmian Stesen Kereta Api Kajang 2 pada 13 April 2023

Inauguration of Kajang 2 Train Station on April 13, 2023



RM3.0

BILION / BILLION

Anggaran nilai Gross Development Value (GDV) untuk Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral (PPHIS)

Estimated Gross Development Value (GDV) for the Ipoh Sentral Property Development Project (PPHIS)

KERJASAMA PEMBANGUNAN HIJAU

GREEN DEVELOPMENT COLLABORATION

Kluang Heritage Railway Linear Park - kerjasama strategik RAC, Majlis Perbandaran Kluang, SIPP-YTL JV dan Think City Sdn. Bhd. bagi mewujudkan jaringan hijau dan menyokong pembangunan rendah karbon

Kluang Heritage Railway Linear Park - Strategic cooperation between RAC, Kluang Municipal Council, SIPP-YTL JV and Think City Sdn. Bhd. to create a green network area and support low-carbon development



RM14.6

JUTA / MILLION

Jumlah peruntukan untuk pengenggaraan aset keretapi

Total allocation for railway asset maintenance

Pembinaan **Kluang Heritage Railway Linear Park** telah diwartakan dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kluang Tahun 2030

The construction of Kluang Heritage Railway Linear Park has been gazetted in the Kluang Municipal Council Local Plan 2030



Pelancaran aplikasi Mudah Alih **RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAIS)** untuk pelanggan RAC

Launch of RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAIS) Mobile application for RAC customers



RM22.28

JUTA / MILLION

Jumlah peruntukan pembinaan platform baharu di 17 buah hentian dan stesen kereta api bagi Jajaran Sektor Pantai Timur

Total allocation for the construction of new platforms at 17 stops and train stations in the East Coast Sector Line

RM9.57

JUTA / MILLION

Jumlah peruntukan pelaksanaan projek naik taraf Stesen Keretapi Seremban

Total allocation for the upgrading project of Seremban Train Station



PROGRAM REJUVENASI KERETA API WARISAN

HERITAGE RAILWAY REJUVENATION PROGRAMME

Kerjasama strategik antara RAC dengan Think City Sdn. Bhd. untuk pemuliharaan dan pemeliharaan aset-aset kereta api dengan nilai komersial dan elemen tarikan pelancongan

Strategic cooperation between RAC and Think City Sdn. Bhd. for the conservation and preservation of railway assets with commercial value and tourism attraction elements



RM7

JUTA / MILLION

Jumlah pengurangan tunggakan berbanding pada tahun 2022 iaitu RM32 juta

Total reduction compared to 2022, which amounted to RM32 million



Pelancaran Buku **Organisation Anti Corruption Plan (OACP) RAC 2022-2026**

Organisation Anti Corruption Plan (OACP) RAC 2022-2026 book launch

Inisiatif Tenaga Boleh Baharu diteruskan dengan pemeteraian perjanjian solar antara RAC, KTMB dan Malakoff Radiance Sdn. Bhd. bagi pembangunan, operasi dan penyelenggaraan sistem solar carport dan sistem solar di bumbung pada aset-aset kereta api

Renewable Energy Initiative continued with the signing of a solar agreement between RAC, KTMB and Malakoff Radiance Sdn. Bhd. for the development, operation and maintenance of solar carport systems and rooftop solar systems on railway assets

SOROTAN 2023

2023 HIGHLIGHTS

JANUARI JANUARY

18 Januari 2023 ○ Kunjungan
Hormat Majlis Daerah Lipis

18 January 2023 ○ Courtesy Visit
to Lipis District Council



19 Januari 2023 ○
Kunjungan Hormat
Majlis Daerah Tumpat

19 Januariy 2023 ○
Kunjungan Hormat
Majlis Daerah Tumpat



13 April 2023 ○ Stesen Kereta Api Kajang 2
yang dibina hasil kerjasama dengan Srijang
Kemajuan Sdn. Bhd. telah siap dan sedia
beroperasi

13 April 2023 ○ Kajang 2 Railway Station
developed in collaboration with Srijang
Kemajuan Sdn. Bhd., was completed and ready
for operation



APRIL

MEI MAY

25 Mei 2023 ○ Kunjungan
hormat En. Wan Azli bin Wan
Mohamed Ali, Ketua Pegawai
Eksekutif Ipoh Cargo Terminal
ke atas Ketua Pegawai Eksekutif
RAC YBhg. Dato' Azhar Ahmad

25 May 2023 ○ Courtesy Visit by
En. Wan Azli bin Wan Mohamed
Ali, Chief Executive Officer of Ipoh
Cargo Terminal, to YBhg. Dato'
Azhar Ahmad, Chief Executive
Officer of RAC



JUN JUNE



1 Jun 2023 ○ Kunjungan hormat Ketua Jajahan
Pejabat Tanah & Jajahan Gua Musang Tuan Haji Ab.
Pattah Hasbullah dan delegasinya ke atas Ketua
Pegawai Eksekutif RAC YBhg. Dato' Azhar Ahmad

1 June 2023 ○ Courtesy Visit by Chief District Officer
of Gua Musang Land & District Office, Tuan Haji Ab.
Pattah Hasbullah and his delegation to YBhg. Dato'
Azhar Ahmad, Chief Executive Officer of RAC

SOROTAN 2023 2023 HIGHLIGHTS



FEBRUARI FEBRUARY

7 – 10 Februari 2023 ○ Perbincangan Isu Cukai Taksiran Harta Teknikal RAC di bawah Majlis Perbandaran Tanah Merah dan Majlis Daerah Tumpat serta lawatan tapak bagi aset-aset RAC di Kelantan

7 ○ 10 February 2023 - Discussion on RAC's Technical Property Assessment Tax Issues under the Tanah Merah Municipal Council and Tumpat District Council, along with site visits to RAC assets in Kelantan

MAC MARCH



10 Mac 2023 ○ Majlis Perasmian Stesen Kereta Api Kajang 2 telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook Menteri Pengangkutan

Stesen kereta api ini yang dibina di kawasan seluas 87,120 kaki persegi dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya 500 tempat letak kenderaan, jejantas pejalan kaki, empat (4) buah eskalator, fasiliti OKU, lapan (8) kios jualan yang sedia untuk disewa

10 March 2023 ○ The Official Opening Ceremony of Kajang 2 Railway Station by YB Loke Siew Fook, Minister of Transport

The station was built on an area of 87,120 square feet and equipped with various facilities including 500 parking spaces, a pedestrian bridge, four (4) escalators, facilities for OKU and eight (8) retail kiosks available for lease

19 Mac 2023 – Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral

Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian antara RAC dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral

19 March 2023 – Ipoh Sentral Property Development Project

Memorandum of Agreement signing ceremony between RAC and the Perak State Secretary Incorporated for the Ipoh Sentral Property Development Project

21 Mac 2023 ○ Pelancaran Aplikasi Mudah Alih RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS)

Pelancaran aplikasi RAILS oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Pelanggan RAC boleh memuat turun aplikasi ini secara percuma melalui Google Playstore, Apps Store dan Huawei Apps Gallery

21 March 2023 ○ Launch of the RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS) Mobile Application

The RAILS application was launched by YB Loke Siew Fook, Minister of Transport. RAC customers can download the app for free from Google Play Store, Apple App Store, and Huawei App Gallery



JULAI JULY



21 Julai 2023 ○ Majlis Penyerahan Pengurusan dan Penyenggaraan Hentian Keretapi Kuala Gris

Majlis penyerahan pengurusan dan penyenggaraan Hentian Keretapi Kuala Gris kepada Jawatankuasa Masjid Mukim Kampung Kuala Gris selepas dinaiktaraf untuk keselesaan pengguna terutama golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

21 July 2023 ○ Handover Ceremony for the Management and Maintenance of the Kuala Gris Train Stop

The handover ceremony for the Kuala Gris Railway Train Stop management and maintenance to the Mukim Kampung Kuala Gris Mosque Committee after it was upgraded for the comfort of users, especially the elderly and Persons with Disabilities (OKU)

SOROTAN 2023

2023 HIGHLIGHTS

24 Ogos 2023 ○ Pameran Hartanah RAC 2023

Pameran Hartanah RAC yang julung kalinya diadakan oleh RAC telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook Menteri Pengangkutan. Seramai 40 pemaju dan pemain-pemain industri hartanah terkemuka telah hadir ke acara ini

24 August 2023 ○ RAC Property Showcase 2023

The first-ever RAC Property Showcase 2023 was officiated by YB Loke Siew Fook, Minister of Transport. The event was attended by 40 prominent developers and key players in the real estate industry



OGOS AUGUST

DISEMBER DECEMBER



12 Disember 2023 ○ Menyokong Inisiatif Mobiliti Hijau, RAC dan Keretapi Tanah Melayu Berhad bersama Malakoff Corporation Berhad mengumumkan kerjasama di dalam inisiatif yang menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara.

12 December 2023 ○ In support of Green Mobility Initiatives, RAC and Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) in partnership with Malakoff Corporation Berhad, announced a collaboration in initiatives supporting the National Energy Transition Roadmap.

SEPTEMBER



7 September 2023 ○ Kluang Heritage Railway Linear Park

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman kerjasama strategik antara RAC, Majlis Perbandaran Kluang, SIPP - YTL JV dan Think City Sdn. Bhd. Pembinaan taman rekreasi di bawah viaduct sepanjang 2.8 km ini berhasrat untuk mengubah landskap persekitaran kawasan tersebut bagi mewujudkan jaringan hijau dan menyokong pembangunan rendah karbon

Signing of a Memorandum of Understanding (MoU) for Strategic Collaboration between RAC, Kluang Municipal Council, SIPP - YTL JV, and Think City Sdn. Bhd. The 2.8 km-long recreational park, built under the viaduct, aims to transform the surrounding landscape by creating a green network and supporting low-carbon development



29 November 2023 ○ RAC telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Network Rail, UK, untuk kerjasama dalam industri rel di Stesen King's Cross, London.

29 November 2023 ○ RAC signed a Memorandum of Understanding with Network Rail, UK, for collaboration in the railway industry at King's Cross Station, London.

SOROTAN 2023 2023 HIGHLIGHTS



OKTOBER OCTOBER

16 Oktober 2023 ○ Taskforce 'Big Data'

Sebanyak anggaran 2,459.6 ekar bagi tanah kereta api jajaran Gemas ke Padang Besar yang berpotensi berjaya dikenalpasti untuk dibangunkan dan dikomersialkan.

16 October 2023 ○ 'Big Data' Taskforce

Approximately 2,459.6 acres of railway land along the Gemas to Padang Besar route were successfully identified as having development and commercialisation potential.



23 Oktober 2023 ○ RAC berjaya memuktamadkan hak penamaan Stesen Keretapi Kajang 2 kepada Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB). Stesen Kajang 2 ditukarkan kepada Stesen Kereta Api MKH Kajang 2.

23 October 2023 ○ RAC successfully finalised the naming rights of Kajang 2 Railway Station to Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB). The Kajang 2 Railway Station was officially renamed MKH Kajang 2 Railway Station.

NOVEMBER



7 November 2023 ○ Kunjungan Hormat Turkish Railway Vehicles Industry Inc. (TURASAS)

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad menerima kunjungan hormat daripada En. Yusuf Aldemir, Timbalan Pengurus Besar TURASAS, pemain industri perkeretaapian terbesar di Turkiye

7 November 2023 ○ Courtesy Visit by Turkish Railway Vehicles Industry Inc. (TURASAS)

YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Chief Executive Officer of RAC, welcomed a courtesy visit from Mr. Yusuf Aldemir, Deputy General Manager of TURASAS, the largest railway industry player in Türkiye

15 November 2023 ○ Pelancaran Buku Pelan Antirasuah Organisasi RAC 2022-2026

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan merasmikan Pelancaran Buku Organisation Anti Corruption Plan (OACP) RAC 2022-2026 yang turut disaksikan oleh YB Timbalan Menteri Pengangkutan, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan, dan Ketua Pegawai Eksekutif RAC.



15 November 2023 ○ Launch of RAC's 2022-2026 Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

YB Loke Siew Fook, Minister of Transport, officiated the launch of RAC's Organisation Anti Corruption Plan (OACP) 2022-2026, witnessed by the Deputy Minister of Transport, Secretary-General of the Ministry of Transport, and RAC's Chief Executive Officer.





PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

CHAIRMAN'S MESSAGE

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia
MADANI kepada semua pihak
berkepentingan yang dihormati.**

Tahun 2023 merupakan satu lagi pencapaian penting bagi Perbadanan Aset Keretapi (RAC). Dengan penuh rasa syukur dan bangga, saya ingin berkongsi kejayaan yang telah kita capai menerusi Laporan Tahunan RAC dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023. Laporan ini bukan sekadar dokumen rujukan tetapi juga bukti usaha gigih dan komitmen kita dalam memperkasakan industri rel negara.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan penting dalam penerbitan laporan tahunan ini. Dokumen ini mencerminkan dedikasi kita sebagai pemilik dan pengurus aset kereta api utama negara.

PRESTASI KEWANGAN YANG MEMBERANGSANGKAN

Berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, RAC berjaya mencatatkan hasil keseluruhan sebanyak RM1.127 bilion. Sebahagian besar peningkatan hasil ini disumbangkan oleh pelunasan geran daripada jumlah pembayaran yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek perkeretaapian berjumlah RM1.049 bilion, manakala RM78 juta diperoleh daripada urusan niaga pertukaran, meningkat RM21 juta berbanding RM57 juta pada 2022. Urus niaga pertukaran ini terdiri daripada aktiviti penyewaan yang menyumbang RM46 juta serta pendapatan lain termasuk faedah simpanan tetap sebanyak RM32 juta.

Peningkatan hasil ini mencerminkan pencapaian signifikan dalam memperkukuhkan kedudukan kewangan RAC. Sepanjang tahun ini, perbelanjaan pentadbiran dan operasi berjumlah RM70 juta, dengan RM33 juta bagi belanja pentadbiran dan RM37 juta untuk operasi. Bagi peruntukan susut nilai hartanah, loji dan peralatan, sejumlah RM615 juta direkodkan, mengambil kira nilai keseluruhan aset RAC yang berjumlah RM26.48 bilion.

**Greetings and Salam Malaysia MADANI
to all esteemed stakeholders.**

The year 2023 marks another significant milestone for the Railway Assets Corporation (RAC). With gratitude and pride, I am pleased to share our achievements through the RAC Annual Report and Financial Statements for the financial year ending 31 December 2023. This report is not merely a reference document but a testament to our unwavering efforts and commitment to strengthening the nation's railway industry.

I would like to extend my appreciation to all parties who have played a crucial role in the publication of this annual report. This document reflects our dedication as the owner and manager of the country's key railway assets.

REMARKABLE FINANCIAL PERFORMANCE

Based on the audited financial statements for the year ending 31 December 2023, RAC recorded a total revenue of RM1.127 billion. Most of this revenue increase was contributed by the grant disbursement from the total payments made by the Federal Government for the railway project amounting to RM1.049 billion, while RM78 million was generated from exchange transactions, an increase of RM21 million compared to RM57 million in 2022. These exchange transactions consisted of leasing activities contributing RM46 million, as well as other income, including fixed deposit interest earnings of RM32 million.

This revenue growth reflects a significant achievement in strengthening RAC's financial position. Over the year, administrative and operational expenditures totalled RM70 million, with RM33 million allocated for administrative expenses and RM37 million for operational costs. Meanwhile, depreciation for property, plant and equipment amounted to RM615 million, considering RAC's total asset value of RM26.48 billion.

PERUTUSAN PENGURUSI LEMBAGA PENGARAH CHAIRMAN'S MESSAGE

Dengan pengurusan kewangan yang cekap, RAC mencatatkan lebih sebelum cukai sebanyak RM442 juta dan lebih bersih selepas cukai sebanyak RM434 juta, meningkat 119.2% atau RM236 juta berbanding tahun sebelumnya.

Pada 2023, perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak RM32.4 juta berbanding 2022, disebabkan oleh kos pembaikan dan penyelenggaraan lif serta eskalator, kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan tanah milik RAC. Semua perbelanjaan ini dibiayai menggunakan dana RAC sendiri.

Daripada segi keupayaan kewangan, aset semasa RAC melebihi liabiliti semasa dengan perbezaan RM153 juta. Nisbah semasa aset kepada liabiliti ialah 1.32 kali ganda, membuktikan keupayaan RAC untuk menanggung liabiliti semasa dan terus melaksanakan fungsi utamanya sebagai pemilik aset kereta api negara.

PEMBANGUNAN HARTANAH, PROJEK REL DAN PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR

RAC terus mengorak langkah agresif dalam membangunkan tanah kereta api berpotensi tinggi melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP), termasuk penganjuran Pameran Hartanah RAC 2023. 10 tapak di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Johor Bahru dan Kelantan ditawarkan, dengan 17 kertas cadangan pembangunan diterima untuk lapan (8) tapak tersebut.

Tahun 2023 juga menyaksikan pembukaan Stesen Kereta Api Kajang 2 pada 13 April 2023 hasil kerjasama dengan Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. Stesen ini berkapasiti 400 penumpang pada satu masa dan dilengkapi dengan 500 lot tempat letak kenderaan, lapan (8) kios jualan, lif dan eskalator.

RAC juga berjaya mewujudkan syarikat usaha sama, Ipoh Sentral Sdn. Bhd. (ISSB), bersama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI Perak) untuk membangunkan Projek Hartanah Ipoh Sentral yang akan mengubah landskap bandar raya Ipoh menjadi lebih lestari dan berdaya huni.

With prudent financial management, RAC recorded a surplus before tax of RM442 million and a net surplus after tax of RM434 million, reflecting an increase of 119.2% or RM236 million compared to the previous year.

In 2023, operating expenses rose by RM32.4 million compared to 2022 due to the costs of repairing and maintaining elevators and escalators, cleaning services and land maintenance under RAC's ownership. All these expenses were funded through RAC's own resources.

In terms of financial capability, RAC's current assets exceeded its current liabilities by RM153 million. The current asset-to-liability ratio stood at 1.32 times, demonstrating RAC's ability to meet its current liabilities while continuing to fulfil its core function as the owner of the nation's railway assets.

PROPERTY DEVELOPMENT, RAIL PROJECTS AND INFRASTRUCTURE IMPROVEMENTS

RAC continues to take proactive steps in developing high-potential railway land through the Request for Proposal (RFP) method, including organising the RAC Property Showcase 2023. A total of 10 sites in Kuala Lumpur, Selangor, Penang, Perlis, Johor Bahru and Kelantan were offered, with 17 development proposals received for eight (8) of these sites.

The year 2023 also witnessed the opening of the Kajang 2 Railway Station on 13 April 2023, in collaboration with Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. This station has a capacity of 400 passengers at any given time and is equipped with 500 parking lots, eight (8) retail kiosks, elevators and escalators.

RAC successfully established a joint venture company, Ipoh Sentral Sdn. Bhd. (ISSB), with the Perak State Secretary Incorporated (SSI Perak) to develop the Ipoh Sentral Property Project, which will transform Ipoh's urban landscape into a more sustainable and lively city.

PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah *CHAIRMAN's MESSAGE*

Dalam usaha menyokong Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan (MOT), RAC memperuntukkan RM2.78 juta bagi pembinaan platform di lapan (8) hentian bagi projek tren *Diesel Multiple Unit* (DMU) di Pantai Timur. Fasa kedua projek ini diteruskan dengan peruntukan RM19.5 juta di bawah RP3, RMKe-12, melibatkan sembilan (9) lokasi tambahan.

Untuk memastikan kemudahan rel lebih mesra pengguna, terutamanya untuk Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan wanita mengandung, RAC memperuntukkan RM27.69 juta untuk pemasangan lif di lapan (8) stesen, termasuk Bukit Ketri, Sungkai, Slim River, Rasa, Serendah, Batang Kali, Batu Gajah dan Padang Besar.

Dalam menjaga warisan sejarah, RM9.57 juta diperuntukkan untuk membaik pulih Stesen Keretapi Seremban yang telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan.

INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU (TBB)

RAC terus memacu inisiatif tenaga hijau dengan kerjasama Malakoff Radiance Sdn. Bhd. dan KTMB dalam membangunkan sistem solar *carport* serta pemasangan sistem solar di stesen dan depoh. Perjanjian ini dijangka menjana kapasiti sehingga 1.42 MWp dan menjimatkan kos elektrik sebanyak RM9.7 juta, selari dengan sasaran negara untuk mencapai 70% campuran kapasiti TBB menjelang 2050.

PENGUKUHAN IMEJ DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Pelbagai inisiatif CSR dilaksanakan, termasuk penyerahan pengurusan dan penyelenggaraan Hentian Keretapi Kuala Gris kepada Jawatankuasa Masjid Mukim Kampung Kuala Gris serta pembangunan Kluang Heritage Railway Linear Park. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kemudahan awam tetapi juga mengurangkan kos penyelenggaraan tanah RAC.

In support of the Government through the Ministry of Transport (MOT), RAC allocated RM2.78 million for the construction of platforms at eight (8) stops under the Diesel Multiple Unit (DMU) train project in the East Coast region. The second phase of this project continues with an allocation of RM19.5 million under RP3, the 12th Malaysia Plan (RMKe-12), covering nine (9) additional locations.

To enhance rail accessibility, particularly for Persons with Disabilities (OKU), senior citizens, and pregnant women, RAC allocated RM27.69 million for the installation of elevators at eight (8) stations, including Bukit Ketri, Sungkai, Slim River, Rasa, Serendah, Batang Kali, Batu Gajah and Padang Besar.

In preserving railway heritage, RM9.57 million was allocated for the restoration of the Seremban Railway Station, which has been designated as a National Heritage Building.

RENEWABLE ENERGY INITIATIVES (TBB)

RAC continues to drive green energy initiatives in collaboration with Malakoff Radiance Sdn. Bhd. and KTMB to develop solar carport systems and install solar panels at stations and depots. This agreement is expected to generate a capacity of up to 1.42 MWp and save RM9.7 million in electricity costs, aligning with the national goal of achieving a 70% renewable energy capacity mix by 2050.

STRENGTHENING THE IMAGE AND CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)

Various CSR initiatives have been implemented, including the handover of management and maintenance of the Kuala Gris Railway Stop to the Kuala Gris Village Mosque Committee and the development of the Kluang Heritage Railway Linear Park. These initiatives not only improve public amenities but also help reduce RAC's land maintenance costs.

PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah *CHAIRMAN'S MESSAGE*

Selain itu, usaha pemuliharaan aset bersejarah seperti Bangunan Malayan Railway diteruskan dengan kolaborasi bersama Think City Sdn. Bhd. bagi memastikan warisan kereta api terus terpelihara.

PENGHARGAAN DAN HARAPAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengarah RAC, pengurusan dan warga kerja RAC, serta pihak berkepentingan termasuk Kementerian, Agensi Kerajaan, rakan industri dan media atas sokongan padu yang diberikan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada YBhg. Datuk Seri Sundarajoo a/l Somu atas sumbangan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC serta mengalu-alukan YBrs. Tuan Ong Keng Siew sebagai Ahli Lembaga Pengarah baharu mulai 21 Disember 2023.

Melangkah ke hadapan, Lembaga Pengarah RAC komited untuk terus menyemak model perniagaan dan memperkukuhkan organisasi dalam mencapai aspirasi negara. Dengan usaha berterusan ini, saya yakin kita dapat membina masa depan yang lebih baik untuk masyarakat dan negara.

Sekian, terima kasih.



DATO' JANA SANTHIRAN MUNIYAN

Pengerusi Lembaga Pengarah RAC
Chairman, Board of Directors RAC

Additionally, efforts to conserve historic assets such as the Malayan Railway Building continue in collaboration with Think City Sdn. Bhd. to ensure the preservation of railway heritage.

APPRECIATION AND HOPE

I would like to extend my highest appreciation to the RAC Board of Directors, management and staff, as well as stakeholders, including ministries, government agencies, industry partners and the media for their unwavering support.

I also wish to express my utmost gratitude to YBhg. Datuk Seri Sundarajoo a/l Somu for his contributions as a member of the RAC Board of Directors and warmly welcome YBrs. Tuan Ong Keng Siew as a new Board Member, effective 21 December 2023.

Moving forward, the RAC Board of Directors is committed to continuously reviewing the business model and strengthening the organisation to achieve national aspirations. Through these ongoing efforts, I am confident that we can build a better future for society and the nation.

With that, thank you.





PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S MESSAGE



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Segala puji-pujian kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabat baginda.

In the name of Allah, the Most Gracious, the Most Merciful. All praises and thanks be to Allah Almighty, prayers and peace of Allah be upon the noble Prophet and upon his family and companions, the honourable followers.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kami telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif strategik dan program penting sepanjang 2023. Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah MOT, kami terus melangkah maju, mendepani cabaran dengan matlamat untuk menjadi peneraju dalam pengurusan aset kereta api yang mampan serta mendukung matlamat pembangunan industri rel negara.

PENGUKUHAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN ASET KERETA API

Sebagai pengurus dan pemilik aset kereta api, kami telah memperkukuhkan peranan itu melalui pelbagai prakarsa penting. Sepanjang tahun ini, gerak kerja audit dan verifikasi telah menghasilkan data tanah dan infrastruktur kereta api yang lebih terperinci. Kini, jumlah keluasan tanah di bawah kategori operasi meliputi kawasan seluas 27,931 ekar manakala tanah berstatus rizab dan surplus masing-masing mencatat keluasan 22,290 ekar dan 1,862 ekar. Data ini penting menjadi asas kepada perancangan strategik, termasuk pengubahan zon guna tanah bersama PLANMalaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Greetings,

Alhamdulillah, I extend my utmost gratitude to Allah S.W.T. for His blessings and permission, which have enabled us to successfully implement various strategic initiatives and important programmes throughout 2023. As a Federal Statutory Body under the MOT, we continue to move forward, facing challenges with the goal of becoming a leader in sustainable railway asset management while supporting the development goals of the national rail industry.

STRENGTHENING GOVERNANCE AND RAILWAY ASSET MANAGEMENT

As the manager and owner of railway assets, we have strengthened this role through various significant initiatives. Throughout the year, audit and verification activities have resulted in more detailed data on railway land and infrastructure. Currently, the total land under operational use covers an area of 27,931 acres, while reserve and surplus land amounts to 22,290 acres and 1,862 acres, respectively. This data is essential as a foundation for strategic planning, including land-use zoning in collaboration with PLANMalaysia and local authorities (PBT).

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S MESSAGE

Ke arah ini, antara tindakan penting yang dilaksanakan adalah penubuhan *Taskforce Big Data* bertujuan untuk mendapatkan senarai, rumusan data serta statistik keluasan tanah hak milik dan tanah rizab kereta api yang berpotensi untuk dibangunkan dan dikomersialkan. Tahniah saya ucapkan atas pelaksanaan inisiatif ini! Pelaksanaan *taskforce* ini telah berjaya mengenalpasti kira-kira seluas 2,459.6 ekar tanah kereta api di sepanjang jajaran Gemas ke Padang Besar yang boleh dibangunkan dan dikomersialkan.

Dengan pengetahuan yang mendalam mengenai status dan potensi aset-aset ini, kami dapat merancang pembangunan tanah-tanah ini dengan lebih berkesan, termasuk memaksimumkan penggunaan tanah untuk projek-projek Pembangunan berorientasikan transit yang sekaligus dapat meningkatkan nilai komersial aset-aset tersebut. Langkah ini sejajar dengan usaha kami untuk menjana pendapatan yang berterusan bagi membolehkan kemudahan infrastruktur kereta api ditambah baik dari semasa ke semasa disamping memenuhi kehendak masyarakat serta pemegang taruh di seluruh negara.

Selain itu, pentadbiran tanah kereta api turut dibuat melalui tindakan penguatkuasaan antaranya melalui penyampaian Notis Pengosongan Kediaman yang telah dibuat di Taman Sinaran Kempas. Langkah ini diambil susulan tindakan kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPNJ) menganugerahkan rumah ganti sebagai penyelesaian isu setinggan di kawasan tersebut. Turut dilaksanakan adalah serahan Notis Pencerobohan di tiga (3) lokasi pendudukan secara tidak sah di Selangor.

To this end, one of the key actions taken was the establishment of the Big Data Taskforce aimed at obtaining a comprehensive list, data summaries, and statistics on railway-owned and reserve land that has the potential for development and commercialisation. Congratulations on the initiative! The taskforce has successfully identified approximately 2,459.6 acres of railway land along the Gemas to Padang Besar alignment that can be developed and commercialised.

With deeper knowledge about the status and potential of these assets, we can plan the development of these lands more effectively, including optimising land use for transit-oriented development projects, thereby enhancing the commercial value of these assets. This aligns with our efforts to generate sustainable income to enable railway infrastructure facilities to be continuously improved while meeting the needs of communities and stakeholders nationwide.

Additionally, railway land administration efforts include enforcement actions, including the issuance of Eviction Notices for residences in Taman Sinaran Kempas. This action was taken following the State Government's initiative through the Johor State Housing Development Corporation (PKPNJ) to provide replacement homes as a solution to the squatter issue in the area. Furthermore, Notices of Trespass were issued at three (3) locations in Selangor for illegal occupation.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S MESSAGE

Pada 2023, aspek pengkomersialan aset-aset kereta api secara sewaan, pajakan dan tumpang lalu telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5.3 peratus menjadikan jumlah hasil yang dijana melalui aktiviti ini adalah sebanyak RM46 juta berbanding RM36.68 juta pada 2022. Kenaikan hasil pada tahun semasa adalah didorong oleh Program Pemutihan yang telah dibuat sepanjang jajaran tanah kereta api bermula dari Kepong Sentral-Sungai Buloh-Kuang. Ini disebabkan bayaran kadar sewa yang dikenakan telah mengambil kira kadar semasa berbanding dengan kadar yang ditawarkan pada tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun semasa, kami telah meluluskan sejumlah 343 permohonan sewaan yang baharu.

Pada tahun semasa juga, jumlah tunggakan yang direkodkan telah mengalami pengurangan sebanyak RM7 juta atau 23 peratus. Situasi ini menjadikan jumlah tunggakan terkini adalah sebanyak RM23 juta berbanding tunggakan hasil yang direkodkan pada 2022 sebanyak RM33 juta. Setiap tahun, kami sentiasa menambahbaik proses tuntutan tunggakan serta melipatgandakan tindakan pemantauan bagi memastikan tuntutan bayaran sewa tidak melebihi daripada 90 hari, mengambil langkah litegasi bagi penyewa ingkar, mengeluarkan tuntutan melalui notis pentadbiran RAC, peringatan melalui panggilan telefon serta tawaran bayaran sewa berjadual yang mana pada tahun semasa seramai 40 penyewa telah memilih opsyen ini. Proses ini juga turut disokong oleh aktiviti turun padang dan lawatan kutipan sewa secara berkala oleh kakitangan di Pejabat Urusan Wilayah terutama di lokasi-lokasi pendalaman.

PENGUKUHAN URUS TADBIR DAN PENDIGITALAN

Integriti merupakan antara elemen paling penting dalam pentadbiran dan tatakelola yang dilaksanakan di RAC selaras dengan peranan kami pemilik dan pengurus aset kereta api yang bernilai RM26.48 bilion. Sebagai organisasi yang sentiasa komited melaksanakan fungsinya sebagaimana yang digariskan dalam Akta Keretapi 1991, Ahli Lembaga Pengarah kami terus memastikan tahap tadbir urus yang teguh dan prinsip integriti tertinggi, ketelusan dan akauntabiliti menjadi tunjang dalam operasi di RAC.

In 2023, the commercialisation of railway assets through rental, leasing, and right-of-way activities showed an increase of 5.3%, generating a total revenue of RM46 million compared to RM36.68 million in 2022. The revenue increase this year was driven by the Legalisation Programme, which was carried out along the railway land alignment from Kepong Sentral-Sungai Buloh-Kuang. This was due to rental rates being adjusted to reflect current rates compared to those offered in previous years. During the year, 343 new rental applications were approved.

Additionally in the current year, the total outstanding rental arrears recorded for the year decreased by RM7 million or 23%. This brings the current outstanding arrears to RM23 million compared to RM33 million recorded in 2022. Each year, we continue to improve arrears collection processes and intensify monitoring efforts to ensure rental payment arrears do not exceed 90 days. This includes taking legal action against defaulting tenants, issuing claims through RAC administrative notices, reminders via phone calls, and offering scheduled rental payment plans, with 40 tenants opting for this option in the current year. This process is also supported by on-site visits and periodic rental collection visits by regional office staff, especially in remote locations.

ENHANCING GOVERNANCE AND DIGITALISATION

Integrity is a key element in the administration and governance of RAC, in line with our role as the owner and manager of railway assets valued at RM26.48 billion. As an organisation committed to fulfilling its functions as outlined in the Railways Act 1991, our Board of Directors continues to ensure strong governance standards, upholding the highest principles of integrity, transparency, and accountability as the cornerstone of RAC's operations.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S MESSAGE

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 80 peratus daripada 20 pelan tindakan di bawah empat (4) bidang utama yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Organisasi RAC 2022-2026 telah berjaya dilaksanakan. Pelan yang dibangunkan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) bermatlamat untuk menyediakan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah di RAC dengan lebih jelas dan berkesan, membudayakan amalan kerja yang berteraskan kecemerlangan melalui sistem pentadbiran yang cekap, berintegriti, bermoral dan beretika serta mempunyai minda kelas pertama. Selain itu, sebanyak empat (4) pengauditan pematuhan dan satu (1) pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan pada 2023 serta dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (JKARI) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sejajar dengan perkembangan operasi dan tugas kerja yang semakin berkembang, kami telah mengambil inisiatif dengan membuka pejabat operasi di tiga (3) wilayah mulai 2 Januari 2023 mengikut zon iaitu di Bukit Mertajam untuk Zon Utara, Zon Timur di Gua Musang, Kelantan dan Pulau Sebang untuk Zon Selatan.

Pengoperasian pejabat-pejabat wilayah ini juga telah diperkasakan dengan penambahan sembilan (9) kakitangan baharu bagi melaksanakan pengurusan aset dan infrastruktur secara lebih efisien. Melalui pengukuhan pejabat wilayah ini, kami bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan operasi, tetapi juga memastikan setiap zon mendapat perhatian yang lebih baik dalam aspek pengurusan aset, pembangunan infrastruktur dan penyelesaian aduan. Langkah ini sejajar dengan visi kami untuk terus memperkasakan sektor perkeretaapian negara melalui pengurusan aset yang sistematik dan efisien.

Sepanjang tahun semasa juga, kami telah melaksanakan sebanyak 315 perolehan dengan nilai sebanyak RM13.59 juta melalui beberapa kaedah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Dalam hal ini, 100 peratus perolehan telah dianugerahkan kepada syarikat bumiputera sejajar dengan dasar Kerajaan yang memberi peluang dan keutamaan kepada syarikat/ kontraktor bertaraf bumiputera.

As of 31 December 2023, 80% of the 20 action plans under the four (4) main areas outlined in the RAC Organisational Anti-Corruption Plan 2022-2026 have been successfully implemented. This plan, developed in collaboration with the Malaysian Institute of Integrity (IIM), aims to provide a framework and direction for effective preventive measures against corruption issues in RAC, fostering a work culture rooted in excellence through efficient, ethical, moral, and first-class governance systems. Additionally, four (4) compliance audits and one (1) financial management audit were conducted in 2023 and presented to the Audit, Risk, and Integrity Committee (JKARI) for review and approval.

In line with the growing scope of operations and work assignments, we took the initiative to open operational offices in three (3) regions starting on 2 January 2023, located in Bukit Mertajam for the Northern Zone, Gua Musang in Kelantan for the Eastern Zone, and Pulau Sebang for the Southern Zone.

The operations of these regional offices have been strengthened with the addition of nine (9) new staff to manage assets and infrastructure more efficiently. By enhancing these regional offices, we not only improve operational capabilities but also ensure better attention to asset management, infrastructure development, and complaint resolution in each zone. This step aligns with our vision to empower the national rail sector through systematic and efficient asset management.

Throughout the year, we implemented 315 procurements valued at RM13.59 million through various methods in compliance with current regulations and circulars. Notably, 100% of procurements were awarded to Bumiputera contractors, aligning with government policies to provide opportunities and priority to Bumiputera companies/ contractors.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S MESSAGE

Mendukung usaha pendigitalan, strategi-strategi yang telah disenaraikan di dalam Pelan Strategik Pendigitalan RAC 2021-2025 telah dan sedang giat dilaksanakan, antaranya mengintegrasikan data aset kereta api secara berpusat. Pada tahun semasa, aplikasi mudah alih *Railway Assets Intelligence System (RAILS)* telah diperkenalkan bagi membolehkan pelanggan mengakses maklumat aset dan perkhidmatan RAC secara mudah dan cepat sekaligus mencerminkan komitmen kami dalam mendekatkan perkhidmatannya kepada rakyat melalui teknologi moden. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma melalui platform *Google Play Store* (Android), *Play Store* (iOS) dan *Huawei Store*.

RAC MELEBARKAN SAYAP

Pada 6 April 2023, secara rasminya kami telah menubuhkan anak syarikat milikan sepenuhnya iaitu *Railway Assets Holding Sdn. Bhd. (RAHSB)* bertujuan untuk mewujudkan satu entiti berasingan daripada RAC bagi menjalankan aktiviti perniagaan melalui kerjasama strategik dan perkongsian keuntungan. Sebagai anak syarikat, RAHSB beroperasi di bawah naungan dan panduan strategik RAC, memanfaatkan sumber dan kepakarannya untuk membantu RAC mencapai matlamat perniagaannya.

Memandangkan RAC merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai sumber tenaga yang terhad serta peraturan-peraturan yang agak membataskan gerak kerja dan operasinya, maka penubuhan anak syarikat ini dilihat satu kaedah yang bersesuaian dan berkesan untuk kami melaksanakan fungsi dan peranannya selaras dengan punca kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Akta 463 sebagai akta tubuh RAC.

Kawalan dalaman dirangka untuk mengukuhkan akauntabiliti, integriti, ketelusan dan kecekapan seterusnya meningkatkan kualiti pengurusan agar objektif organisasi tercapai. Ciri-ciri kawalan dalaman sedia ada di RAC adalah:

- Terma rujukan semua jawatan kuasa dan mesyuarat ditakrif dengan jelas dan menggariskan peranan dan tanggungjawab setiap anggota secara terperinci;
- Struktur organisasi di RAC mempunyai panduan yang jelas mengenai tanggungjawab, penurunan kuasa dan tanggungjawab pegawai-pegawai di semua peringkat pengurusan;
- Pengurusan juga tertakluk kepada garis panduan dan polisi serta had penurunan kuasa dalam melaksanakan operasi harian, perolehan dan pelupusan aset;
- Mesyuarat Pengurusan Pegawai Kanan diadakan setiap minggu untuk mengenal pasti, membincang dan menyelesaikan isu-isu utama melibatkan pengurusan sumber manusia, pengurusan hartanah, operasi dan kewangan;
- Mesyuarat berkaitan dengan bidang kerja dan fungsi setiap unit/ bahagian diadakan secara berkala oleh unit/bahagian berkenaan bagi mengenal pasti dan membincangkan isu-isu yang berbangkit;
- Prosedur Operasi Standard (SOP) diwujudkan sebagai suatu panduan yang menjelaskan secara terperinci mengenai bagaimana suatu proses harus dilaksanakan dan peranan serta fungsi tiap-tiap posisi dalam organisasi diketahui dengan jelas;
- Penyediaan pelan operasi dan belanjawan tahunan oleh setiap unit dan bahagian dinilai oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah;

To strategise and ensure that RAC can effectively perform its functions in 2023, RAC's governance practices and organisational development are continuously enhanced to foster growth and adapt to dynamic internal and external environments.

Internal control mechanisms are designed to reinforce accountability, integrity, transparency and efficiency, thereby improving management quality to achieve organisational objectives. The existing features of internal control at RAC include:

- *Clear terms of reference for all committees and meetings, outlining roles and responsibilities in detail.*
- *A well-defined organisational structure detailing responsibilities, authority delegation and duties across all management levels.*
- *Adherence to guidelines, policies and delegation of authority for daily operations, procurement and asset disposal.*
- *Weekly Senior Officers Management Meetings to identify, discuss and resolve critical issues related to human resources, property management, operations and finance.*
- *Regular meetings by each unit/department to address and discuss arising issues in their respective areas.*
- *Standard Operating Procedures (SOPs) detailing processes and roles of organisational positions clearly.*
- *Annual operation and budget plans reviewed by management and approved by the Board of Directors.*

KAWALAN DALAMAN INTERNAL CONTROL

- Garis panduan mengenai pengambilan dan pemecatan petugas disediakan, penyediaan dan penganjuran program latihan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan bagi memastikan pegawai berdaya saing dan diberi latihan sewajarnya bagi menjalankan tanggungjawab mereka;
- Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Perbadanan Aset Keretapi yang merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi diwujudkan;
- Mewujudkan *Whistleblowing Policy* yang merujuk kepada dasar atau prosedur yang disediakan untuk menggalakkan kakitangan RAC melaporkan tindakan yang tidak beretika, tidak sah atau melanggar peraturan. Polisi ini bertujuan untuk melindungi pemberi maklumat (*whistleblower*) daripada tindakan balas dan memastikan laporan mereka disiasat dengan adil dan menyeluruh.
- Melantik Pegawai menganggotai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau AKRAB yang membantu daripada aspek kaunseling dalam pengurusan sumber manusia;
- Peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang digubal oleh Kerajaan dari semasa ke semasa diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah bagi memastikan pengurusan organisasi, sumber manusia, aset, perolehan dan lain-lain aspek pengurusan dijalankan yang teratur dan berhemat;
- Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) ditubuhkan sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Penubuhan unit ini juga akan melaksanakan inisiatif integriti, memantapkan tadbir urus terbaik dan membudayakan kerja berintegriti dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salah laku di dalam organisasi;
- Melantik pegawai audit dalam yang berperanan sebagai penilaian bebas terhadap keberkesanan kawalan dan proses tadbir urus yang baik serta memastikan perbelanjaan dilakukan dengan teratur dan dibenarkan selaras dengan peraturan semasa. Perancangan jadual lawatan pengauditan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
- *Guidelines for staff recruitment and dismissal, training programmes, annual performance evaluations and other relevant procedures ensuring competitive and adequately trained staff.*
- *The Organisational Anti-Corruption Plan (OACP), a corporate-level anti-corruption document addressing governance, integrity and corruption challenges.*
- *A Whistleblowing Policy to encourage reporting of unethical, illegal, or regulatory violations, safeguarding whistleblowers from retaliation and ensuring impartial investigations.*
- *Appointing Civil Service Peer Counselors (AKRAB) to support human resource management through counseling.*
- *Adoption and Board approval of government regulations and circulars to ensure systematic and prudent management across various organisational aspects.*
- *Establishing the Integrity and Compliance Unit (UIP) as the focal point for integrity issues, implementing integrity initiatives, promoting best governance practices and cultivating an anti-corruption culture.*
- *Appointing internal audit officers for independent assessments of governance processes and ensuring lawful and systematic spending. Audit schedules are approved by the Audit Committee of the Board.*

KAWALAN DALAMAN INTERNAL CONTROL

- Pemantapan SOP RAC dilakukan dari semasa ke semasa oleh Unit Pengurusan Strategik bagi memastikan SOP sentiasa dikemas kini dan mengikut tatakelola dan pekeliling yang berkuatkuasa;
- Penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan melalui memo arahan dalaman yang dibuat bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan memastikan operasi di RAC dipermudahkan; dan
- Penubuhan Unit Rel selaras dengan usaha RAC untuk memantapkan tadbir urus dan aspek teknikal kereta api. Penubuhan unit ini menggariskan dua (2) fungsi utama iaitu Penetapan Polisi dan Perancangan Sektor Rel serta Pengurusan Aset Rel (Operasi Kereta Api).
- Regular updates of RAC SOPs by the Strategic Management Unit to align with prevailing governance and circulars.
- Financial management enhancements via internal directives to minimise bureaucracy and simplify RAC operations.
- Establishing the Rail Unit to improve governance and technical aspects of railways, with two key functions: Policy and Planning for the Rail Sector and Railway Asset Management (Train Operations).

The following is a list of meetings held by RAC:

Berikut adalah senarai mesyuarat yang diadakan di RAC:

MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI SENIOR LEADERSHIP TEAM MEETING	Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif Chairman: Chief Executive Officer
MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN JOINT DEPARTMENT COUNCIL MEETING	Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif Pengerusi Pihak Pekerja : Puan Nazarisah binti Md Resat Chairman: Chief Executive Officer Chairman of Joint Council of Employees: Puan Nazarisah binti Md Resat
MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN AKAUN FINANCIAL ACCOUNTS MANAGEMENT COMMITTEE MEETING	Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif Chairman: Chief Executive Officer
MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN GOVERNMENT ASSET MANAGEMENT COMMITTEE MEETING	Pengerusi: Pengurus Pentadbiran dan Kewangan Chairman: Administration and Finance Manager
MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH ANTI-CORRUPTION COMMITTEE MEETING	Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif Chairman: Chief Executive Officer
MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT ICT STEERING COMMITTEE MEETING	Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif Chairman: Chief Executive Officer
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN DEVELOPMENT WORKING COMMITTEE MEETING	Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif Chairman: Chief Executive Officer

KAWALAN DALAMAN INTERNAL CONTROL

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYEWaan
DAN PAJAKAN TANAH
LAND TENANCY AND LEASE COMMITTEE
MEETING

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif
Chairman: Chief Executive Officer

MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT
PANEL MEETING

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif
Chairman: Chief Executive Officer

MESYUARAT PENTADBIRAN TANAH
LAND GOVERNANCE MEETING

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif
Chairman: Chief Executive Officer

MESYUARAT JAWATANKUASA
SEBUT HARGA
QUOTATION COMMITTEE MEETING

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif
Chairman: Chief Executive Officer

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN
ASET KERAJAAN (FASILITI)
GOVERNMENT ASSET (FACILITIES)
MANAGEMENT COMMITTEE MEETING

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif
Chairman: Chief Executive Officer

MESYUARAT KOORDINASI DI ANTARA
RAC & KTMB
RAC & KTMB COORDINATION MEETING

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif RAC dan
Ketua Pegawai Eksekutif KTMB
Chairman: RAC and KTMB Chief Executive Officers

PENUBUHAN RAILWAY ASSETS HOLDING SDN. BHD.

ESTABLISHMENT OF RAILWAY ASSETS HOLDING SDN. BHD.

Pada 6 April 2023 secara rasminya RAC telah menubuhkan anak syarikat milik penuhnya iaitu Railway Assets Holding Sdn. Bhd. (RAHSB). Penubuhan anak syarikat ini adalah bagi mewujudkan satu entiti berasingan daripada RAC untuk menjalankan aktiviti perniagaan melalui kerjasama strategik dan perkongsian keuntungan.

Penubuhan ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Bil 3 Tahun 2022 bertarikh 30 Jun 2022 dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) melalui MOT. Kelulusan penubuhan RAHSB daripada MOF diterima pada 30 Jan 2023.

Sebagai anak syarikat, RAHSB beroperasi di bawah naungan dan panduan strategik RAC, memanfaatkan sumber dan kepakarannya untuk membantu RAC mencapai matlamat perniagaannya.

TUJUAN PENUBUHAN RAHSB

Selaras dengan fungsi dan peranan yang telah diperuntukkan di bawah **Seksyen 89 (8) Akta 463**, RAC bertanggungjawab melaksanakan mandat yang telah digariskan dan perlu memastikan bahawa pelaksanaan fungsi dan peranan tersebut adalah teratur, berkesan dan dilaksanakan dengan tatakelola yang baik sekaligus memberikan manfaat kepada industri kereta api dan rakyat secara keseluruhannya.

Memandangkan RAC merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai sumber tenaga yang terhad serta peraturan-peraturan yang membataskan gerak kerja dan operasinya, maka penubuhan ini dilihat sebagai kaedah yang bersesuaian dan berkesan untuk RAC melaksanakan fungsi dan peranannya selaras dengan punca kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Akta 463.

RAHSB berperanan menjadi satu badan yang berasingan (*separate legal entity*) bagi menjalankan sebarang bentuk operasi dan peranan sebagai entiti perundangan yang berasingan bagi mengelakkan RAC daripada sebarang bentuk tuntutan dan liabiliti berhubung pelaksanaan fungsi dan peranannya sekaligus melindungi kepentingan RAC merujuk kepada:



On April 6, 2023, RAC officially established its wholly-owned subsidiary, Railway Assets Holding Sdn. Bhd. (RAHSB). This entity was created to conduct business activities through strategic collaborations and profit-sharing arrangements.

The establishment was approved by RAC's Board of Directors in Meeting No. 3 of 2022 on June 30, 2022, and subsequently sanctioned by the Ministry of Finance (MOF) through the MOT. MOF's approval was granted on January 30, 2023.

RAHSB operates under RAC's strategic guidance, leveraging RAC's resources and expertise to achieve its business goals.

PURPOSE OF RAHSB'S ESTABLISHMENT

*Aligned with **Section 89 (8) of Act 463**, RAC is mandated to ensure efficient and effective implementation of its functions for the benefit of the railway industry and society.*

Given RAC's status as a federal statutory body with limited resources and restrictive regulations, establishing the subsidiary was deemed an effective approach to fulfilling RAC's mandate under Act 463.

RAHSB serves as a separate legal entity to carry out RAC's operations and roles, insulating RAC from liability and ensuring independence as detailed in corporate legal principles:

PENUBUHAN RAILWAY ASSETS HOLDING SDN. BHD. ESTABLISHMENT OF RAILWAY ASSETS HOLDING SDN. BHD.

"in addition to the statutory effects of incorporation, there is also a fundamental difference between an incorporated and an unincorporated association, in that an incorporated association has a legal personality of its own apart from the persons who comprise it. The separate legal personality of a company is not specifically provided for in the Companies Act. Nevertheless, the whole scheme of the Act is predicated upon the company's separate existence...."

Selain itu, penubuhan RAHSB juga adalah bagi membolehkan projek berbentuk pelaburan untuk aktiviti komersial seperti pengiklanan façade lighting di Menara RAC dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Pelaburan ini dijangka akan menjadi antara sumber pendapatan yang penting kepada anak syarikat ini dalam tempoh jangka panjang. Oleh kerana RAC merupakan badan berkanun persekutuan, sebarang bentuk pelaburan yang dibuat, perlu mendapatkan kelulusan daripada MOT dan juga Menteri Kewangan. Hal ini menyebabkan proses pelaksanaan sesuatu projek pelaburan akan mengambil masa yang lama dan menyebabkan kerugian kepada RAC.

Melalui RAHSB juga projek pembangunan hartanah RAC dengan kerjasama agensi/syarikat luar yang memerlukan penubuhan Special Purpose Vehicle (SPV) boleh direalisasikan. Dalam hal ini, cadangan Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral yang kini sedang giat dijalankan dilaksanakan melalui penubuhan Ipoh Sentral Sdn. Bhd., syarikat yang ditubuhkan hasil kerjasama RAHSB dengan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI Perak).

Secara keseluruhannya, RAHSB berfungsi sebagai komponen penting dalam visi RAC untuk menjadi Peneraju Transformasi Pengurusan Aset Kereta Api Yang Mampan Menjelang 2030. Mandat RAHSB adalah untuk merekrut individu/personel yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman selaras dengan komitmen besar RAC untuk mengoptimalkan penggunaan aset kereta api menjadi harta yang bernilai serta mampu menjana pendapatan berterusan kepada Kerajaan demi peningkatan industri rel di negara ini.

Dalam melaksanakan fungsi perekrutannya, RAHSB bekerjasama rapat dengan RAC untuk menyelaraskan strategi pengambilan bakat dengan mengenal pasti set kemahiran yang diperlukan untuk memajukan sektor perkeretaapian dan secara aktif mencari individu yang memiliki kualiti-kualiti ini.

RAHSB also facilitates investment projects such as façade lighting advertising on RAC Tower, anticipated as a significant long-term revenue source. Regulatory approvals required by RAC cause delays in project execution, leading to potential losses.

Through RAHSB, property development projects involving external agencies/companies, such as the Ipoh Sentral Development Project through the Special Purpose Vehicle (SPV) Ipoh Sentral Sdn. Bhd. are realised.

RAHSB plays a crucial role in RAC's vision to lead sustainable railway asset management transformation by 2030. Its mandate includes recruiting skilled personnel aligned with RAC's commitment to optimise railway assets for continuous revenue generation and the railway industry's advancement.

RAHSB collaborates with RAC to align talent acquisition strategies, identifying and sourcing candidates with the requisite skills to advance the railway sector.

UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN

INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT

Organisasi yang ditadbir urus dengan baik dan bebas daripada amalan rasuah adalah sangat penting bagi meningkatkan keyakinan pelanggan, komuniti dan pemegang taruh terhadapnya. Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) bertanggungjawab melaksanakan fungsi teras yang digariskan pekelingling serta fungsi audit dalaman.

Aspek tadbir urus yang cekap, berintegriti, kawalan dalaman yang kukuh dan amalan pengurusan risiko yang mantap menjadi teras kepada penubuhan RAC sebagai pengurus dan pemilik aset-aset kereta api yang dibiayai Kerajaan. Tadbir urus yang baik mampu membantu menjadikan industri rel negara berkembang secara tersusun mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

Bagi memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi, beberapa aktiviti pengukuhan integriti telah diadakan sepanjang tahun 2023 seperti berikut:

A) PENERBITAN DAN HEBAHAN POSTER INFO INTEGRITI

Sebagai panduan dan peringatan kepada kakitangan RAC, sebanyak 14 poster berkaitan integriti telah diedarkan secara berkala bermula dari 20 Februari 2023 - 14 November 2023.

A well-governed organisation free from corrupt practices is crucial for enhancing the confidence of customers, the community, and stakeholders. The Integrity and Compliance Unit (ICU) is responsible for implementing the core functions outlined in the circulars as well as internal audit functions.

Efficient governance, integrity, strong internal controls, and robust risk management practices form the foundation of RAC's establishment as the manager and owner of government-funded railway assets. Good governance can aid in the structured development of the national rail industry in line with the policies set by the Government.

INTEGRITY STRENGTHENING PROGRAMME

To ensure the cultivation, institutionalisation, and implementation of integrity within the organisation, several integrity strengthening activities were conducted throughout 2023 as follows:

A) PUBLICATION AND DISSEMINATION OF INTEGRITY INFO POSTERS

As a guide and reminder to RAC staff, a total of 14 posters related to integrity were periodically distributed from 20 February 2023 - 14 November 2023.



UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT

B) TAKLIMAT CERAMAH

Pada tahun semasa, sebanyak dua (2) taklimat bertajuk Modul Pembudayaan Integriti telah dianjurkan pada tarikh berikut:

i) Taklimat Modul Pembudayaan Integriti 1/2023:

Tajuk : Pegawai Berintegriti, Organisasi Berkualiti

Tarikh : 5 September 2023

Tempat : Bilik Limau Kasturi, Aras 16

Penceramah : Ustaz Syamsul Amri bin Ismail (Syamsul Debat)

Warga kerja RAC berpeluang mengikuti Program Ceramah Integriti yang disampaikan oleh Encik Syamsul Amri bin Ismail (Ustaz Syamsul Debat) dengan tajuk Pegawai Berintegriti Organisasi Berkualiti.

Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan integriti semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Program ini yang disiarkan juga secara langsung melalui Facebook Live telah berjaya menarik 900 tontonan.

B) Briefing Sessions

In the current year, two (2) briefings titled Integrity Cultivation Modules were organised on the following dates:

i) Integrity Cultivation Module Briefing 1/2023:

Title: Integrity Officers, Quality Organisation

Date: 5 September 2023

Venue: Limau Kasturi Room, Level 16

Speaker: Ustaz Syamsul Amri bin Ismail (Syamsul Debat)

RAC staff had the opportunity to attend an Integrity Talk Programme presented by Ustaz Syamsul Amri bin Ismail (Syamsul Debat) with the title Integrity Officers, Quality Organisation.

This programme aimed to raise awareness about the importance of integrity in performing assigned duties and responsibilities.

The programme, also broadcast live on Facebook Live, successfully attracted 900 views.



UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT

ii) Taklimat Modul Pembudayaan Integriti 2/2023:

Tajuk: Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam
Tarikh : 5 Disember 2023
Tempat : Bilik Limau Kasturi, Aras 16
Penceramah : Tuan Mohamad Izam bin Abd Nasir, Penolong Pesuruhjaya SPRM

Ceramah yang disampaikan oleh Tuan Mohamad Izam bin Abd Nasir, Penolong Pesuruhjaya SPRM yang bertajuk Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam bertujuan sebagai perkongsian ilmu kepada warga RAC berkenaan jenis-jenis rasuah, tatacara melaporkan rasuah serta akibat daripada terlibat dengan aktiviti rasuah terutama bagi penjawat awam.

Beliau juga berkongsi pengalaman dalam mengendalikan kes yang berlaku yang melibatkan penjawat awam yang telah berjaya diselesaikan oleh SPRM sebagai rujukan kes pengajaran kepada warga RAC.

Aktiviti ceramah yang melibatkan pihak SPRM ini juga merupakan aktiviti yang akan sentiasa dianjurkan bagi mengukuhkan etika kerja dan integriti warga kerja RAC serta menunjukkan komitmen dan kerjasama RAC bersama pihak SPRM bagi membanteras rasuah.

ii) Integrity Cultivation Module Briefing 2/2023:

Title: Corruption in Public Service
Date: 5 December 2023
Venue: Limau Kasturi Room, Level 16
Speaker: Tuan Mohamad Izam bin Abd Nasir, Assistant Commissioner MACC

The talk presented by Tuan Mohamad Izam Bin Abd Nasir, Assistant Commissioner, MACC titled Corruption in Public Service, aimed to share knowledge with RAC staff regarding the types of corruption, procedures for reporting corruption and the consequences of engaging in corrupt activities, especially for public servants.

He also shared his experiences in handling cases involving public servants that were successfully resolved by the MACC, serving as case studies for RAC staff.

This talk, involving the MACC, is part of ongoing activities to strengthen work ethics and integrity among RAC employees and demonstrate RAC's commitment and collaboration with the MACC in combating corruption.



UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT

PELANCARAN BUKU OACP RAC 2022-2026

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah menyempurnakan Pelancaran Buku Organisation Anti Corruption Plan (OACP) RAC 2022-2026 pada 15 November 2023 yang turut disaksikan oleh Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif RAC.

OACP RAC mula dilaksanakan pada Julai 2021 serta telah berjaya disiapkan sepenuhnya dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah RAC pada Oktober 2022.

Objektif utama OACP RAC 2022-2026 adalah:

1. Menggariskan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah khususnya di dalam Perbadanan dengan lebih jelas dan berkesan;
2. Membudayakan amalan kerja yang berteraskan kecemerlangan melalui sistem pentadbiran RAC yang cekap, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama;
3. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga RAC membanteras rasuah; dan
4. Meningkatkan imej RAC dan kepercayaan pemegang taruh serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh RAC.

Pembangunan pelan ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada warga kerja RAC serta pihak berkepentingan yang lain dalam usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah agar setiap aktiviti yang dibuat sentiasa mematuhi peraturan serta bebas daripada salah guna kuasa dan penyelewengan.

Pelan ini yang dibangunkan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM), telah menggariskan 20 pelan tindakan di bawah empat (4) bidang utama iaitu:

THE LAUNCH OF RAC OACP 2022-2026 BOOK

YB Loke Siew Fook, the Minister of Transport, officiated the launch of the RAC Organisation Anti-Corruption Plan (OACP) Book 2022-2026 on 15 November 2023, witnessed by Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Deputy Minister of Transport, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Secretary General of the Ministry of Transport, and YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad, Chief Executive Officer of RAC.

The OACP RAC was initiated in July 2021 and was successfully completed and approved by the RAC Board of Directors in October 2022.

The main objectives of the OACP RAC 2022-2026 are:

1. To outline a framework and direction for preventive actions to address issues and problems of corruption within the Corporation more clearly and effectively;
2. To cultivate a work culture based on excellence through an efficient, ethical, and integrity-driven administrative system at RAC that upholds high moral standards and first-class mindset;
3. To enhance awareness, commitment, and teamwork among RAC employees to combat corruption; and
4. To improve RAC's image and stakeholder as well as public trust in the services provided by RAC.

The development of this plan serves as a reference and guide for RAC employees and other stakeholders in efforts to strengthen governance, integrity, and anti-corruption measures, ensuring that all activities are conducted in compliance with regulations and free from abuse of power and corruption.

Developed in collaboration with the Malaysian Institute of Integrity (IIM), this plan outlines 20 action plans under four (4) main areas:

UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT

- i. Bidang Khidmat Pengurusan;
- ii. Bidang Pentadbiran, Polisi dan Penguatkuasaan;
- iii. Bidang Kewangan, Audit, dan Kawal Selia Aset; dan
- iv. Bidang Komersial dan Pembangunan

Bidang utama ini akan dijayakan dengan 20 Pelan Tindakan yang pada masa ini RAC telah berjaya mencapai 80% dari keseluruhan Pelan Tindakan yang dirancang di bawah objektif OACP.

- i. Management Services;
- ii. Administration, Policy, and Enforcement;
- iii. Finance, Audit, and Asset Regulation; and
- iv. Commercial and Development

These key areas are supported by 20 action plans, of which RAC has currently achieved 80% of the overall planned actions under the OACP objectives.



Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah RAC

Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) bertanggungjawab untuk mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang telah ditetapkan dalam arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Kementerian dan Kebangsaan.

Jawatankuasa Anti Rasuah RAC telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun iaitu pada:

- i. Mesyuarat JAR RAC Bil. 1/2023: 7 Jun 2023;
- ii. Mesyuarat JAR RAC Bil. 2/2023: 10 Oktober 2023; dan
- iii. Mesyuarat JAR RAC Bil. 3/2023: 27 Disember 2023.

RAC Anti-Corruption Committee Meetings

The Anti-Corruption Committee (JAR) is responsible for identifying issues, problems, and improvement measures based on the for (4) terms of reference established in the Prime Minister's Directive No.1 of 2018, and for proposing solutions and recommendations for improvements to the Ministry and National Level JAR.

The RAC Anti-Corruption Committee meets three (3) times a year.

- i. RAC JAR Meeting No. 1/2023: 7 June 2023;
- ii. RAC JAR Meeting No. 2/2023: 10 October 2023; and
- iii. RAC JAR Meeting No. 3/2023: 27 December 2023.

LAPORAN AUDIT DALAM

INTERNAL AUDIT REPORT

Selain menilai keberkesanan dan kebolehpercayaan sistem kawalan dalaman di RAC, Unit Audit Dalam ini juga memainkan peranan penting dan menyumbang kepada penambahbaikan tadbir urus di RAC hasil daripada pengauditan yang berkesan dan efektif. Unit Audit Dalam membantu pemantapan sistem kawalan dalaman seperti pemantauan terhadap SOP sedia ada bagi memastikan kepentingan RAC sentiasa terpelihara.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak lima (5) tajuk pengauditan telah dilaksanakan oleh Unit ini. Senarai tajuk pengauditan yang telah dilaksanakan seperti jadual 1 di bawah:

In addition to assessing the effectiveness and reliability of internal control systems at RAC, the Internal Audit Unit also plays a crucial role and contributes to the improvement of governance at RAC through effective and efficient audits. The Internal Audit Unit helps to enhance the internal control system by monitoring existing SOPs to ensure that RAC's interests are always protected.

As of 31 December 2023, a total of five (5) audit topics have been conducted by the Unit. The list of audit topics carried out is shown in table 1 below:

JENIS/ TAJUK PENGAUDITAN AUDIT TYPE/TOPIC	TARIKH PELAKSANAAN IMPLEMENTATION DATE	SKOP PENGAUDITAN AUDIT SCOPE	STATUS PELAKSANAAN IMPLEMENTATION STATUS
PENGAUDITAN PEMATUHAN COMPLIANCE AUDIT			
Pengauditan Cadangan Pembelian Tanah Lot 5504 Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam dari Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) <i>Proposal Audit for the Purchase of Lot 5504 Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam from the Administrative and Diplomatic Service Association (PPTD)</i>	Jan – Mac 2023 <i>Jan – March 2023</i>	Semakan merangkumi aspek tadbir urus perancangan, pengawalan dan koordinasi keseluruhan projek. <i>Review encompasses the governance aspects of planning, control, and overall project coordination.</i>	Selesai <i>Completed</i>
Pengauditan Projek Pemasangan LED Façade Lighting di Menara Sentral RAC <i>LED Façade Lighting Installation Project Audit at RAC Sentral Tower</i>	Apr – Jun 2023 <i>Apr – June 2023</i>		Selesai <i>Completed</i>

LAPORAN AUDIT DALAM INTERNAL AUDIT REPORT

Pengauditan Dasar Penyewaan Jangka Panjang Tanah Dan Bangunan Hak Milik RAC Di Atas Lot 285 Dan 287, George Town, Pulau Pinang <i>Long-Term Leasing Policy Audit for RAC-Owned Land and Buildings on Lot 285 and 287, George Town, Penang</i>	Apr – Jun 2023 <i>Apr – June 2023</i>	Menilai sama ada pelaksanaan proses penyewaan mematuhi undang-undang, prosedur standard operasi (SOP) dan dasar-dasar yang berkuat kuasa. <i>Evaluating whether the implementation of the leasing process complies with applicable laws, standard operating procedures (SOPs), and policies.</i>	Selesai <i>Completed</i>
Pengauditan Proses Pelantikan Badan Pengurusan Fasilitas Untuk Menara Sentral <i>RAC Facility Management Appointment Process Audit for RAC Sentral Tower</i>	Jul – Sep 2023 <i>July – Sep 2023</i>	Semakan merangkumi perancangan dan pelaksanaan keseluruhan proses pelantikan. <i>The review encompasses the planning and execution of the entire appointment process.</i>	Selesai <i>Completed</i>
PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN <i>FINANCIAL MANAGEMENT AUDIT</i>			
Pengauditan Pengurusan Bajet Bagi Tahun 2021-2022 <i>Management Budget Audit for the Year 2021-2022</i>	Okt – Dis 2023 <i>Oct – Dec 2023</i>	Semakan proses keseluruhan aktiviti/projek dari peringkat perancangan sehingga kelulusan bajet tahun 2021-2022. <i>The review is for the entire activity/project process from the planning stage until the approval of the 2021-2022 budget.</i>	Selesai <i>Completed</i>

Jadual 1: Senarai tajuk pelaksanaan pengauditan tahun 2023


Table 1: List of audit topics conducted in 2023

Secara keseluruhan, sebanyak empat (4) pengauditan pematuan dan satu (1) pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan pada tahun 2023 serta telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit, Risiko, dan Integriti (JKARI) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Overall, four (4) compliance audits and one (1) financial management audit were conducted in 2023 and presented to the Audit, Risk, and Integrity Committee (JKARI) for consideration and approval.

LAPORAN AUDIT DALAM

INTERNAL AUDIT REPORT



Carta 2: Pelaksanaan pengauditan bagi tahun 2023
Chart 2: Audits conducted for the year 2023



MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO DAN INTEGRITI RAC

RAC AUDIT, RISK, AND INTEGRITY COMMITTEE MEETINGS

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti RAC

Pada tahun 2023, mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (JKARI) telah bersidang sebanyak dua (2) kali bagi mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan serta kelulusan Terma Rujukan lantikan JKARI.

- i. Mesyuarat JKARI RAC Bil. 1/2023 pada 8 Mei 2023; dan
- ii. Mesyuarat JKARI RAC Bil. 2/2023 pada 23 November 2023.

RAC Audit, Risk, and Integrity Committee Meetings

In 2023, the Audit, Risk, and Integrity Committee (JKARI) meetings were convened twice (2) to comply with the regulations set out in Circular Letter No. 3 of 1998, Guidelines on the Roles and Responsibilities of Ministries, Boards of Directors, and Chief Executives in the Management of Federal Statutory Bodies, and the approved Terms of Reference for JKARI appointments.

- i. RAC JKARI Meeting No. 1/2023 in 8 May 2023; and*
- ii. RAC JKARI Meeting No. 2/2023 in 23 November 2023.*







SEKSYEN
SECTION

04

PENGURUSAN HARTANAH SECARA HOLISTIK


HOLISTIC PROPERTY MANAGEMENT

AKTIVITI KOMERSIAL RAC

RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Pendapatan utama RAC adalah daripada hasil urus niaga aset-aset yang dimiliki dan terletak hak kepada Perbadanan ini. Pendapatan daripada kategori ini dikenali sebagai hasil langsung atau hasil operasi. Penjana pendapatan daripada aset-aset ini penting bagi memastikan kelangsungan operasi Perbadanan ini memandangkan RAC tidak lagi menerima peruntukan Belanja Mengurus daripada Kerajaan sejak 2015. Selain itu, penjana hasil ini juga membolehkan RAC menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai pemilik dan pengurus aset dengan berkesan.

The primary revenue for RAC is derived from the transactions of assets owned and vested in the Corporation. This revenue category is known as direct or operating revenue. Generating income from these assets is crucial to ensure the sustainability of the Corporation's operations, as RAC has not received any Operating Expenditure allocation from the Government since 2015. Additionally, this revenue generation enables RAC to effectively perform its duties and responsibilities as the owner and manager of assets.



Rajah 4: Jenis-jenis aktiviti komersial yang dijalankan RAC
Diagram 4: Types of commercial activities by RAC

Bagi membolehkan pengurusan perniagaan teras RAC dibuat dengan lebih mudah, selamat dan efisien, Railway Assets Intelligence System (RAILS) telah digunakan secara sepenuhnya mulai tahun ini. Inisiatif ini merupakan pendekatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk membolehkan permohonan, semakan status, pembayaran sewaan serta penyelenggaraan aset dibuat secara dalam talian.

To facilitate the easier, safer, and more efficient management of RAC's core business, the Railway Assets Intelligence System (RAILS) has been fully implemented starting this year. This initiative is an Information and Communication Technology (ICT) approach that enables online applications, status checks, rental payments, and asset maintenance.

AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

PERMOHONAN BARU SEWAAN

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 527 permohonan sewaan baharu diterima oleh RAC merangkumi pelbagai jenis tujuan penyewaan. Jumlah permohonan yang diterima ini adalah lebih rendah berbanding permohonan yang diterima pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 715 permohonan.

NEW RENT APPLICATIONS

Throughout 2023, a total of 527 new rental applications were received by RAC, covering various rental purposes. This number is lower compared to the applications received in the previous year, which stood at 715 applications.

TAHUN YEAR	PERMOHONAN DITERIMA APPLICATIONS RECEIVED	PERMOHONAN LULUS APPLICATIONS APPROVED	PERMOHONAN DITOLAK APPLICATIONS REJECTED
2021	884	679	107
2022	715	456	128
2023	527	343	68

Jadual 2: Perbandingan jumlah dan status permohonan sewa bagi tempoh 2021-2023
Table 2: Comparison of the number and status of rental applications for the period 2021-2023

Merujuk kepada jadual 2, jumlah permohonan sewa yang diterima pada tahun 2023 telah menunjukkan penurunan sebanyak 26.29 peratus berbanding permohonan yang diterima pada tahun 2022.

Punca utama pengurangan permohonan sewa ini adalah kesan daripada pandemik COVID-19 yang sedikit sebanyak masih mempengaruhi cara hidup dan ekonomi mereka yang terkesan. Situasi ini juga disokong dengan data demografik penyewa RAC adalah majoritinya terdiri daripada golongan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Bagi memastikan aset-aset RAC diurus tadbir dengan baik dan hasil komersial dapat dimaksimakan, gerak kerja melalui operasi pemutihan telah dilaksanakan secara bersepadu dengan unit dalaman RAC bagi memastikan semua pencerobohan atau pendudukan yang berada di atas tanah hak milik RAC atau rizab kereta api telah direkodkan dan ditawarkan untuk menyewa secara rasmi dengan RAC.

Gerak kerja ini juga selaras dengan teguran oleh Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) supaya RAC memastikan aset-aset yang dimilikinya bebas daripada pencerobohan dan sekiranya terdapat pendudukan di atas tanah kerajaan hendaklah diambil tindakan sewajarnya serta memberi keuntungan kepada Kerajaan Malaysia.

Referring to table 2, the number of rental applications received in 2023 showed a decline of 26.29% compared to the applications received in 2022.

The primary reason for this reduction in rental applications is attributed to the lingering effects of the COVID-19 pandemic, which has continued to influence the livelihoods and economies of those affected. This situation is further supported by demographic data indicating that the majority of RAC tenants belong to the B40 group, who were significantly impacted by the pandemic.

To ensure that RAC assets are well-managed and commercial returns are maximised, a comprehensive whitewashing operation has been implemented in collaboration with RAC's internal units. This initiative aims to record and formalize all encroachments or occupations on RAC-owned or railway reserve land, offering these for official rental through RAC.

This effort aligns with recommendations from the National Audit Department of Malaysia (JANM), which urged RAC to ensure that its assets are free from encroachments. For cases of occupation on government-owned land, appropriate action should be taken to ensure that it generates benefits for the Government of Malaysia.

AKTIVITI KOMERSIAL RAC

RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Pada tahun semasa, Kelantan telah mencatatkan rekod permohonan sewa yang tertinggi iaitu sebanyak 190 permohonan sewa. Jumlah ini terdiri daripada permohonan bagi aktiviti Komersial dengan 158 permohonan, pemutihan setinggan kediaman sebanyak 18 permohonan, pertanian 15 permohonan dan bagi aktiviti bukan komersial sebanyak satu (1) pemohonan. Seterusnya diikuti oleh Selangor dengan 169 permohonan dan Negeri Sembilan adalah negeri ketiga tertinggi dengan 56 permohonan sewa telah direkodkan.

Untuk lain-lain negeri, permohonan sewa di Kuala Lumpur adalah sebanyak 33 permohonan, Perak dengan 30 permohonan, Pahang dengan 21 permohonan, Kedah sembilan (9) permohonan, Perlis dan Johor masing-masing mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak enam (6) permohonan dan tiada permohonan yang dicatatkan untuk negeri Melaka.

Ringkasan jumlah dan status permohonan sewaan bagi tahun 2023 adalah seperti di jadual dan graf di bawah:

This year, the state of Kelantan recorded the highest number of rental applications, with a total of 190 applications. These include 158 applications for commercial activities, 18 for residential squatter regularisation, 15 for agricultural purposes, and 1 for non-commercial activities. Kelantan is followed by Selangor with 169 applications and Negeri Sembilan, which ranked third with 56 recorded rental applications.


For other states, the rental applications in the Kuala Lumpur amounted to 33 applications, followed by Perak with 30 applications, Pahang with 21 applications, Kedah with nine (9) applications, and both Perlis and Johor recorded the same number of applications at six (6) each. No applications were recorded for the state of Melaka.

A summary of the total and status of rental applications for the year 2023 is as presented in the table and graph below:

NEGERI STATE	ZON ZONE	PERMOHONAN APPLICATIONS	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED	DALAM PROSES PENDING	TAMAT TERMINATED
Perlis	Utara <i>North</i>	6	4	1	1	-
Pulau Pinang		7	5	-	2	-
Kedah		9	8	1	-	-
Perak		30	20	5	3	-
Selangor	Tengah <i>Central</i>	169	123	28	4	14
Kuala Lumpur		33	19	4	10	6
Negeri Sembilan	Selatan <i>South</i>	56	41	12	-	3
Melaka		-	-	-	-	-
Johor		6	5	1	-	-
Pahang	Timur <i>East Coast</i>	21	13	1	6	1
Kelantan		190	105	15	65	5
Jumlah <i>Total</i>		527	343	68	91	51

Jadual 3: Jumlah dan status permohonan mengikut negeri bagi tahun 2023
Table 3: Total and status of applications by state for the year 2023

AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES



Graf 2: Jumlah permohonan sewa tahun 2023
Graph 2: Total rental applications for the year 2023

Berdasarkan jadual dan graf yang ditunjukkan, RAC telah meluluskan permohonan sewa dan mengemukakan tawaran sewaan kepada 343 penyewa yang terdiri daripada individu persendirian, persatuan, syarikat, Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO yang berminat untuk menjalankan aktiviti sewaan di atas tanah hak milik atau tanah rizab keretapi di bawah seliaan RAC. Sebanyak 91 permohonan sewa lagi masih sedang diproses dan 68 permohonan sewa yang telah ditolak berdasarkan justifikasi berikut:

- Permohonan tidak mendapat sokongan daripada jabatan teknikal, KTMB atas faktor keselamatan operasi kerana jarak tapak yang terlalu hampir dengan landasan;
- Pemohonan yang tidak disokong oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu tidak selaras dengan pengezonan yang ditetapkan seperti berhampiran dengan zon kediaman;
- Permohonan bertindih dengan tapak yang ditawarkan untuk penyewaan kepada pihak lain; dan
- Tujuan penyewaan yang tidak dibenarkan seperti kediaman atau rumah ibadat dan tanaman kekal.

Based on the table and graph shown, RAC has approved rental applications and offered rental agreements to 343 tenants comprising individuals, associations, companies, local authorities and NGOs interested in conducting rental activities on RAC-owned land or railway reserve land under RAC's supervision. Meanwhile, 91 rental applications are still being processed, and 68 rental applications were rejected based on the following justifications:

- *Applications that did not receive support from the technical department, KTMB, due to safety concerns as the site was too close to the tracks;*
- *Applications that were not endorsed by the Local Authority (PBT) because they were not in line with the designated zoning, such as proximity to residential zones;*
- *Applications overlapping with sites already offered for rental to other parties; and*
- *Applications with disallowed purposes such as residential use, places of worship, or permanent crops.*

AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Bagi sewaan yang ditamatkan, berikut adalah faktor-faktor yang diberi perhatian:

- Tujuan sewaan bagi tempoh masa kurang daripada sebulan seperti tapak bazar atau ekspo dan lain-lain;
- Penyewa tidak mampu untuk menjelaskan bayaran sewa;
- Permohonan tidak mendapat kelulusan PBT;
- Penyewa melanggar syarat sewaan yang ditetapkan oleh RAC; dan
- Tapak sewaan terlibat dengan projek pembangunan Kerajaan atau RAC.

For terminated rentals, the following factors were considered:

- *Rentals intended for periods of less than a month, such as bazaar or expo sites and similar activities;*
- *Tenants unable to pay the rental fees;*
- *Applications not approved by the Local Authority (PBT);*
- *Tenants violating rental conditions set by RAC; and*
- *Rental sites involved in government or RAC development projects.*



Sewaan tanah hak milik di atas sebahagian Lot 1057 berhampiran KM477.50 - KM477.75, Mukim Maka, Daerah Kusial, Jajahan Tanah Merah, Kelantan

Rental of owned land on a portion of Lot 1057 near KM477.50 - KM477.75, Mukim Maka, Kusial District, Tanah Merah Region, Kelantan



Sewaan tanah hak milik/ rizab, Plot Z, Lot 51606, Stesen Keretapi Pasir Gudang, Johor

Rental of owned/ reserved land, Plot Z, Lot 51606, Pasir Gudang Railway Station, Johor



Sewaan tanah rizab kereta api di atas sebahagian Lot 14473 dan Lot 3, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor

Rental of railway reserved land on a portion of Lot 14473 and Lot 3, Mukim Klang, Klang District, Selangor

AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES



Sewan tanah rizab kereta api berhampiran Jalan Persiaran Kuini, Taman Kota Masai, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor bagi tujuan mendirikan struktur menara telekomunikasi jenis *lamp pole* SLIM RDS Syarikat D'Harmoni Telco Infra Sdn. Bhd. (DTISB)

Rental of railway reserved land near Jalan Persiaran Kuini, Taman Kota Masai, Mukim Plentong, Johor Bahru District, Johor for the purpose of erecting a telecommunication tower structure of the SLIM RDS Lamp Pole Type by D'Harmoni Telco Infra Sdn. Bhd. (DTISB)

LANJUTAN TEMPOH SEWAAN

Secara dasarnya, tempoh maksimum bagi kontrak sewaan adalah selama tiga (3) tahun. Namun begitu, terdapat juga penyewa yang berminat untuk melanjutkan lagi tempoh sewaan bagi meneruskan aktiviti perniagaan di atas tapak yang disewa. Antara faktor utama yang diambil kira dalam meluluskan permohonan ini adalah rekod bayaran sewa yang baik dan konsisten.

Pada tahun semasa, sejumlah 584 permohonan lanjutan tempoh sewaan telah diproses dan diluluskan bagi pelbagai tujuan sewa. Pecahan maklumat permohonan lanjutan tempoh sewaan pada tahun 2023 mengikut zon adalah seperti jadual berikut:

EXTENSION OF RENTAL PERIOD

In principle, the maximum duration for a rental contract is three (3) years. However, there are tenants who express interest in extending the rental period to continue their business activities on the rented site. Among the main factors considered in approving such applications is a good and consistent rental payment record.

In the current year, a total of 584 rental extension applications have been processed and approved for various rental purposes. The breakdown of rental extension applications in 2023 by zone is detailed in table below:

TAHUN YEAR	ZONE ZONE	JUMLAH PERMOHONAN TOTAL OF APPLICATIONS
2023	Utara <i>North</i>	83
	Tengah <i>Central</i>	102
	Selatan <i>South</i>	50
	Timur <i>East Coast</i>	349
JUMLAH <i>TOTAL</i>		584

Jadual 4: Permohonan lanjutan tempoh sewaan mengikut zon
Table 4: Rental extension applications by zone

AKTIVITI KOMERSIAL RAC

RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Selain aktiviti sewaan, RAC juga memproses permohonan pajakan tanah. Walau bagaimanapun pada tahun 2023 tiada permohonan pajakan diterima. Sebanyak 11 pemajak yang masih aktif di atas tanah hak milik rizab kereta api.

Proses pajakan tanah mengambil masa yang lama terutama bagi permohonan di atas tanah rizab kereta api yang mana memerlukan kelulusan peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri manakala bagi tanah hak milik RAC pula perlu mendapat kelulusan Menteri beserta maklumat yang lengkap dengan penilaian kadar yang terkini.

Memandangkan proses yang lama bagi sesuatu permohonan pajakan tanah, RAC telah mengambil inisiatif iaitu dengan mengenakan sewaan tanah bagi tempoh tiga (3) tahun sahaja kerana proses kelulusan hanya diperingkat Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah RAC sahaja yang di adakan pada setiap bulan.

In addition to rental activities, RAC also processes land lease applications. However, no lease applications were received in 2023. Currently, there are 11 active lessees on railway reserve land.

The land leasing process is lengthy, particularly for applications involving railway reserve land, as it requires approval at the Cabinet Meeting level. Meanwhile, for RAC-owned land, approval must be obtained from the Minister, along with comprehensive information and an updated rate evaluation.

Given the lengthy process involved in land lease applications, RAC has taken the initiative to impose a land rental arrangement limited to a three-year period. This is because the approval process is managed at the RAC Land Rental and Lease Committee Meeting level, which is held monthly.

TUMPANG LALU

Setakat tahun 2023, sebanyak 841 laluan bagi aktiviti tumpang lalu yang masih aktif berada atas tanah hak milik RAC atau rizab kereta api. Ringkasan jumlah dan status permohonan tumpang lalu bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di jadual dan graf di bawah:


WAY LEAVE

As of 2023, a total of 841 active right-of-way routes are located on RAC-owned land or railway reserves. A summary of the total and status of right-of-way applications for the years 2021 to 2023 is presented in the table and graph below:

TAHUN YEAR	PERMOHONAN APPLICATIONS	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED	TIDAK LENGKAP INCOMPLETE
2021	42	19	1	23
2022	18	8	0	10
2023	20	14	0	6

Jadual 5: Jumlah dan status permohonan tumpang lalu dari tahun 2021-2023
Table 5: Total and status of way leave applications from 2021-2023

AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES



Graf 3: Perbandingan jumlah dan status permohonan untuk tumpang lalu dari tahun 2021-2023
Graph 3: Comparison of total and status of way leave applications from 2021-2023

Berdasarkan jadual dan graf di atas, jumlah permohonan tumpang lalu pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 11 peratus iaitu sebanyak 20 permohonan yang diterima berbanding 18 permohonan yang dicatat pada tahun sebelumnya. Antara syarikat yang mengemukakan permohonan tumpang lalu adalah terdiri daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), Gas Malaysia Berhad, Gopeng Berhad Sdn. Bhd., Sun Estates Sdn. Bhd. dan lain-lain yang melibatkan tanah hak milik RAC atau tanah rizab kereta api.

Based on the table and graph above, the number of right-of-way applications in 2023 shows an 11% increase, with 20 applications received compared to 18 applications recorded in the previous year. Companies submitting right-of-way applications include Tenaga Nasional Berhad (TNB), Gas Malaysia Berhad, Gopeng Berhad Sdn. Bhd., Sun Estates Sdn. Bhd., and others involving RAC-owned land or railway reserve land.



Kerja-kerja menanam kabel elektrik di bawah landasan keretapi di antara KM204.359 - KM204.389, di atas sebahagian Lot 36019, Jalan Kota Bharu, Mukim Kampar, Daerah Kampar, Perak oleh Gopeng Berhad Sdn. Bhd.

Electrical cable installation under the railway track between KM204.359 - KM204.389 on a portion of Lot 36019, Jalan Kota Bharu, Mukim Kampar, Kampar District, Perak by Gopeng Berhad Sdn. Bhd.

AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES



Kerja-kerja menanam kabel elektrik di bawah landasan keretapi di antara KM226.136 - KM226.064, di atas sebahagian Lot 1031, Mukim Kampar, Daerah Batang Padang, Perak oleh Sun Estates Sdn. Bhd.

Electrical cable installation under the railway track between KM226.136 - KM226.064 on a portion of Lot 1031, Mukim Kampar, Batang Padang District, Perak by Sun Estates Sdn. Bhd.



Kerja-kerja membina jambatan keretapi bagi projek East Coast Rail Link (ECRL) melintasi di atas landasan keretapi di KM117.211 Mentakab, Pahang oleh Unified Engineering Consultancy

Construction of a railway bridge for the East Coast Rail Link (ECRL) project crossing over the railway track at KM117.211 Mentakab, Pahang by Unified Engineering Consultancy.

SISTEM RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE (RAILS)

Seiring dengan kemajuan era digitalisasi negara, RAC telah menambahkan proses permohonan sewa aset-aset RAC. Orang awam kini boleh mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan mesra pengguna melalui penggunaan sistem *Railway Assets Intelligence System (RAILS)*.

Melalui sistem RAILS, pengguna boleh mengakses kepada senarai aset-aset RAC yang dibuka untuk sewaan, membuat permohonan sewa atau penyambungan kontrak sewa secara atas talian, membuat aduan rasmi dan turut boleh memantau akaun sewaan serta turut menyokong untuk perkhidmatan bayaran sewa secara atas talian.

Sehingga tahun 2023, seramai 850 pengguna telah mendaftar akaun dalam sistem RAILS. Jumlah ini adalah termasuk pendaftaran sebagai pengguna biasa, bagi permohonan sewaan dan pendaftaran untuk pengaktifan akaun penyewa berdaftar RAC. Ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan jumlah permohonan sewa dan memudahkan proses bayaran sewa bulanan kepada RAC. Sekaligus, dapat meningkatkan pulangan hasil kepada RAC.

RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS)

Aligned with the nation's progress in digitalisation, RAC has enhanced the process for applying to lease RAC assets. The public can now access information more quickly and conveniently through RAC's Railway Assets Intelligence System (RAILS).

Through the RAILS system, users can access a list of RAC assets available for lease, submit lease applications or extend lease contracts online, lodge official complaints, monitor their rental accounts, and make online payments for rental fees.

As of 2023, an estimated 850 users have registered accounts in RAC's RAILS system. This number includes registrations as regular users, lease applicants, and accounts activated for registered RAC tenants. The implementation of this system has indirectly contributed to an increase in the number of lease applications and has simplified the monthly rental payment process to RAC. Consequently, it has enhanced revenue generation for RAC.

PRESTASI HASIL DAN TUNGGAKAN

REVENUE PERFORMANCE AND ARREARS

Hasil pendapatan yang dijana RAC adalah melalui aktiviti sewaan, pajakan tanah dan tumpang lalu atas tanah hak milik RAC dan rizab kereta api.

Pada tahun semasa, hasil pendapatan RAC telah meningkat sebanyak 19 peratus dengan catatan hasil sebanyak RM46 juta (telah diaudit) berbanding RM39 juta yang diperolehi pada tahun 2022. Berikut adalah jadual perbandingan hasil sewaan, pajakan tanah dan tumpang lalu dengan peratus kenaikan/penurunan 2022 dan 2023:

RAC's revenue is generated through activities such as rentals, land leases, and wayleaves on RAC-owned land and railway reserves.


In the current year, RAC's revenue increased by 19 percent, recording a total of RM46 million (unaudited) compared to RM39 million in 2022. The following table provides a comparison of rental income, land leases, and wayleaves, along with the percentage increase/decrease between 2022 and 2023:

KATEGORI HASIL REVENUE CATEGORY	TAHUN 2022 YEAR 2022	TAHUN 2023 YEAR 2023	JUMLAH KENAIKAN/ (PENURUNAN) TOTAL OF INCREASE/ (DECREASE)	PERATUS KENAIKAN/ (PENURUNAN) PERCENTAGE OF INCREASE/ (DECREASE)
Sewaan/pajakan atas Tanah Hakmilik RAC <i>Rental/lease of RAC- Owned Land</i>	7 juta <i>million</i>	6 juta <i>million</i>	(1 juta <i>million</i>)	(16%)
Sewaan/Pajakan atas Tanah Rizab Keretapi <i>Rental/lease of Railway Reserve Land</i>	26 juta <i>million</i>	34 juta <i>million</i>	8 juta <i>million</i>	35%
Tumpang lalu <i>Wayleave</i>	6 juta <i>million</i>	6 juta <i>million</i>	-	0%
Jumlah <i>Total</i>	39 juta <i>million</i>	46 juta <i>million</i>	7 juta <i>million</i>	19%

Jadual 6: Perbandingan hasil sewaan/pajakan tanah rezab, tanah hak milik dan tumpang lalu dengan peratus kenaikan dan penurunan bagi tahun 2022 dan 2023

Table 6: Comparison of rental/lease income from railway reserve land, owned land, and wayleave with percentage increase and decrease for the years 2022 and 2023

PRESTASI HASIL DAN TUNGGAKAN REVENUE PERFORMANCE AND ARREARS



Graf 4: Perbandingan hasil sewaan, pajakan tanah dan tumpang lalu dengan peratus kenaikan dan penurunan pada 2022 dan 2023

Graph 4: Comparison of rental, land lease and wayleave income with percentage increase and decrease in 2022 and 2023

Berdasarkan jadual dan graf yang ditunjukkan, kategori hasil RAC yang menunjukkan kenaikan paling memberangsangkan adalah aktiviti sewaan dan pajakan tanah melibatkan tanah rizab kereta api di mana sebanyak 35 peratus peningkatan hasil berjaya dicatatkan. Ini menjadikan jumlah kutipan hasil bagi kategori tanah rizab kereta api pada tahun semasa adalah sebanyak RM34 juta berbanding RM26 juta yang diperoleh pada tahun 2022.

Walau bagaimanapun, prestasi hasil bagi kategori hasil sewaan dan pajakan tanah jenis hak milik dan hasil tumpang lalu masing-masing menunjukkan penurunan hasil sebanyak 16 peratus dan 4 peratus berbanding prestasi hasil pada tahun 2022.

Namun begitu, secara keseluruhannya, prestasi hasil menerusi aktiviti sewaan dan pajakan tanah RAC berjaya menunjukkan peningkatan sebanyak 19 peratus atau RM7 juta.

Kenaikan hasil bagi kategori ini telah memberikan kesan yang besar ke atas jumlah keseluruhan kutipan hasil RAC pada tahun semasa. Kenaikan peratusan ini didorong oleh tindakan konsisten Bahagian Komersial sepanjang tahun 2023 antaranya:

Based on the table and graph presented, the category of RAC revenue that showed the most significant increase was from rental and land lease activities involving railway reserve land, with a 35 percent increase in revenue. This resulted in a total revenue collection for the railway reserve land category of RM34 million in the current year, compared to RM26 million in 2022.

However, the revenue performance for rental and lease of owned land and wayleave categories showed a decline, with a decrease of 16 percent and 4 percent, respectively, compared to the revenue performance in 2022.

Nevertheless, overall, the revenue performance from RAC's rental and land lease activities managed to achieve a 19 percent increase, amounting to RM7 million.

This increase in revenue had a significant impact on the total revenue collected by RAC in the current year. This percentage increase was driven by consistent actions taken by the Commercial Division throughout 2023, including:

PRESTASI HASIL DAN TUNGGAKAN REVENUE PERFORMANCE AND ARREARS

- i. Meningkatkan dan mempelbagaikan kaedah promosi kepada umum dan menawarkan kadar sewaan yang lebih berpatutan;
 - ii. Memastikan ruang niaga di semua stesen keretapi termasuk kiosk sedia ada, ruang pejabat, kuarters-kuarters yang kosong dikenakan sewaan dengan mengikut nilai kadar semasa;
 - iii. Menawarkan sewaan tanah bagi tujuan kediaman kepada setinggan di Kelantan secara berperingkat;
 - iv. Meningkatkan tindakan pemantauan di tapak dengan kerjasama dari Pejabat Urusan Wilayah RAC; dan
 - v. Penyelesaian tunggakan oleh penyewa yang telah tamat tempoh sewaan tetapi masih lagi berminat untuk menduduki tapak.
- i. *Enhancing and diversifying promotional methods to the public and offering more attractive rental rates;*
 - ii. *Ensuring that commercial spaces at all railway stations, including existing kiosks, office spaces, and vacant quarters, are rented out according to current market rates;*
 - iii. *Offering land rentals for residential purposes to squatters in Kelantan on a phased basis;*
 - iv. *Increasing site monitoring actions in collaboration with the RAC Regional Office; and*
 - v. *Resolving arrears by tenants whose leases have expired but who are still interested in occupying the site.*

TUNGGAKAN

Pada tahun semasa, jumlah tunggakan bagi kutipan hasil sewa yang telah direkodkan adalah berjumlah RM23 juta (telah diaudit). Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM7 juta atau 23 peratus berbanding tunggakan hasil sewa yang direkodkan pada tahun 2022 iaitu RM32 juta.

Antara punca kepada kegagalan penyewa-penyewa RAC untuk menjelaskan sewa bulanan secara konsisten kepada RAC adalah disebabkan kekangan daripada segi kemampuan kewangan semasa dan terdapat sebahagian daripada penyewa RAC yang menghadapi kesukaran untuk menggunakan perkhidmatan atas talian. Terdapat juga penyewa RAC yang tinggal jauh dari kawasan bandar atau pekan menyebabkan mereka sukar untuk menjelaskan sewa bulanan.

Selain itu, jumlah tunggakan juga didorong oleh hutang lapuk sebanyak RM5.9 juta (23 peratus) dan termasuk RM14 juta (56 peratus) yang masih dalam proses tuntutan melibatkan tindakan undang-undang.

ARREARS

For the current year, the total arrears recorded for rental income amount to RM23 million (audited). This represents a decrease of RM7 million or 23 percent compared to the rental arrears recorded in 2022, which was RM32 million.

Several factors contribute to tenants' failure to consistently pay their monthly rent to RAC, including financial constraints and difficulties in using online services. Some RAC tenants also live far from urban or town areas, making it challenging for them to make monthly payments.

Additionally, the arrears are influenced by bad debts totalling RM5.9 million (23 percent), and RM14 million (56 percent) that are still in the claims process involving legal actions.

PRESTASI HASIL DAN TUNGGAKAN REVENUE PERFORMANCE AND ARREARS

Sebagai inisiatif RAC untuk menuntut semula tunggakan ini, RAC telah memberikan tawaran bayaran sewa secara berjadual untuk satu tempoh tertentu kepada penyewa yang tidak mampu menjelaskan bayaran sewa yang tertunggak secara 'one off'. Selain itu, wakil RAC juga turut turun padang ke kampung-kampung dan kawasan pedalaman untuk memudahkan urusan penyewa RAC untuk membuat pembayaran sewa tanah kepada RAC.

Bagi mengawal tunggakan tahun semasa, RAC telah memberi fokus dengan menambahbaik proses kerja serta melipatgandakan tindakan pemantauan bagi memastikan tunggakan bayaran sewa tidak melebihi dari 90 hari.

Di samping itu juga, untuk menuntut semula tunggakan hasil sewa yang belum dijelaskan oleh penyewa RAC, tindakan susulan melalui notis tuntutan pentadbiran RAC dan panggilan telefon akan dijalankan secara berkala. Sekiranya penyewa terlibat gagal memberi kerjasama, kaedah tuntutan tunggakan yang lebih tegas akan diambil oleh RAC melalui tindakan undang-undang dan litigasi.

Melalui tindakan undang-undang dan litigasi, firma guaman yang dilantik oleh RAC akan mengambil tindakan melalui penyerahan notis tuntutan (LOD) kepada penyewa terlibat. Seterusnya, jika penyewa tersebut masih gagal menjelaskan tunggakan yang dituntut, tindakan saman akan diteruskan oleh RAC. Bagi tahun 2023 sahaja, sebanyak 122 penyewa terdiri daripada penyewa jenis individu dan syarikat telah dikenakan tindakan LOD oleh RAC.

As part of RAC's initiative to recover these arrears, RAC has offered scheduled rental payment plans for tenants who cannot settle their overdue rent in a lump sum. Furthermore, RAC representatives have visited villages and rural areas to facilitate the payment process for tenants.

To control arrears for the current year, RAC has focused on improving work processes and increasing monitoring actions to ensure that arrears do not exceed 90 days.


Moreover, to recover outstanding rental arrears, RAC will take follow-up actions through administrative demand notices and regular phone calls. If tenants fail to cooperate, more stringent arrears recovery methods will be employed, including legal actions and litigation.

Through legal actions and litigation, the law firm appointed by RAC will issue a Letter of Demand (LOD) to the involved tenants. If tenants still fail to settle the demanded arrears, RAC will proceed with legal action. In 2023 alone, 122 tenants, including individuals and companies, have been issued LODs by RAC.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Aset paling bernilai bagi RAC adalah tanah-tanah kereta api yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dengan pembahagian fungsi seperti berikut:

The most valuable asset of RAC is its railway land, which is managed by the Property Management Division (BPH) with the following functions:



Pentadbiran dan pengurusan tanah-tanah kereta api seluas 12,638 hektar dibuat selaras dengan Seksyen 92(2), 93 dan 104 Akta Keretapi 1991 (Akta 463) iaitu meletakkan semua tanah-tanah kereta api yang dahulunya milik KTM dan PTP kepada Perbadanan ini.

The administration and management of railway lands covering 12,638 hectares are carried out in accordance with Sections 92(2), 93, and 104 of the Railways Act 1991 (Act 463), which transfers the ownership of all railway lands formerly owned by KTM and PTP to this Corporation.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Antara peranan penting dalam pengurusan dan pentadbiran tanah-tanah kereta api adalah penyelarasan cukai tanah dan cukai taksiran selain penyelesaian isu-isu tanah yang melibatkan:

- i. Semakan bagi sebarang cadangan pengambilan balik tanah hak milik dan pelepasan tanah rizab kereta api yang terlibat dengan projek Kerajaan Persekutuan seperti pembinaan jalan raya, jambatan dan tebatan banjir;
- ii. Menguruskan sebarang permohonan pelupusan tanah rizab untuk tujuan pemberimilikan bagi pelaksanaan projek perancangan pembangunan;
- iii. Penilaian semula tanah-tanah rizab dan hak milik kereta api sama ada bagi maksud pendaftaran aset tanah baharu atau bagi cadangan pembangunan bercampur;
- iv. Melaksana dan menyelia lantikan bagi kerja-kerja pengukuran tanah samada bagi tujuan penyediaan pelan pra-hitungan atau pelan butiran (*detailed plan*); dan
- v. Melaksanakan pemantauan tanah-tanah kereta api daripada pencerobohan, setingan, aduan awam serta koordinasi penguatkuasaan bersama Agensi dan Pihak Berkuasa terlibat.

Pelaksanaan tugas-tugas tersebut tertakluk kepada peruntukan undang-undang berikut:

Among the key roles in the management and administration of railway lands are the coordination of land taxes and assessment rates, as well as resolving land issues involving:

- i. Review any proposals for the acquisition of proprietary land and the release of railway reserve land involved in Federal Government projects such as road construction, bridges, and flood mitigation;*
- ii. Manage applications for the disposal of reserve land for the purpose of ownership for development planning projects;*
- iii. Re-evaluate railway reserve and proprietary lands, either for the purpose of registering new land assets or for mixed development proposals;*
- iv. Implement and supervise the appointment of land surveying works, whether for the preparation of preliminary calculation plans or detailed plans; and*
- v. Monitor railway lands against encroachment, squatting, public complaints, and coordinate enforcement with relevant agencies and authorities*

The implementation of these tasks is subject to the following legal provisions:



PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Pengurusan tanah kereta api berstatus hak milik dan rizab dilaksanakan selaras dengan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 92 (2), 93 dan 104, Akta Keretapi 1991 (Akta 463) iaitu meletakkan semua tanah-tanah kereta api yang dahulunya milik KTM dan PTP kepada RAC. Proses meletakkan bagi tanah hakmilik dibuat melalui perletakhakan statutori iaitu melalui Borang 30A Seksyen (415[1] [a]), KTN 1965 manakala bagi tanah rizab dibuat melalui permohonan pewartaan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 62, KTN 1965. Sehingga kini sebanyak 338 lot tanah telah dipindahmilik daripada PTP kepada RAC.

Selain itu, pengurusan tanah kereta api yang dibuat di RAC melibatkan pengurusan pemberimilikan, pelepasan, pengambilan, pecah sempadan/pecah bahagian, tukar syarat nyata dan kategori tanah seperti yang dinyatakan dalam geran asal tanah-tanah kereta api milik RAC sekiranya tanah tersebut terlibat dengan cadangan pembangunan dan lain-lain urusan berkaitan pentadbiran tanah.

Management of railway land with ownership and reserve status is carried out in accordance with the authority granted under Sections 92 (2), 93, and 104 of the Railways Act 1991 (Act 463), which transfers all railway lands previously owned by KTM and PTP to RAC. The process of vesting ownership land is done through statutory vesting using Form 30A Section (415[1][a]), NLC 1965, while the reserve land is vested through an application for gazettelement based on the provisions under Section 62, NLC 1965. To date, a total of 338 lots of land have been transferred from PTP to RAC.

In addition, the management of railway land at RAC involves the management of ownership grants, releases, acquisitions, subdivisions/sections, change of express conditions, and land categories as stated in the original grants of RAC-owned railway lands if the land is involved in development proposals and other related land administration matters.

BIL. NO.	PERKARA ITEM	BILANGAN LOT NO. OF LOT
1	Pemberimilikan <i>Ownership</i>	5
2	Pelepasan Tanah (Bagi Projek Persekutuan) <i>Land Release (For Federal Projects)</i>	1
3	Pengambilan Tanah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 468) <i>Land Acquisition</i> <i>Land Acquisition Act 1960 (Act 468)</i>	-
4	Pecah Sempadan / Pecah Bahagian <i>Boundary Demarcation / Subdivision</i>	-
5	Tukar Syarat Tanah <i>Land Use Conversion</i>	-

Jadual 7: Statistik pengurusan tanah kereta api pada 2023
Table 7: Statistics on management of RAC railway land in 2023

PENGURUSAN TANAH KERETA API

RAILWAY LAND MANAGEMENT

Selain itu, pengurusan tanah kereta api turut melibatkan penyediaan maklumat tanah, ulasan dan pandangan teknikal bagi tujuan kebenaran merancang kepada mana-mana projek atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT/PBN) atau mana-mana syarikat swasta yang memiliki tanah bersebelahan tanah kereta api bagi tujuan pembangunan turut disediakan. Jumlah permohonan ulasan oleh pihak berkaitan yang dibuat pada tahun semasa adalah seperti di jadual berikut:

In addition, the management of railway land also involves providing land information, reviews, and technical opinions for planning approvals related to any projects or Local Authorities (PBT/PBN) or private companies with adjacent land to railway land for development purposes. The number of review applications made by relevant parties during the current year is detailed in the following table:

ZON / AGENSI ZONE / AGENCY	PBT LOCAL AUTHORITIES	JKPTG / PTG & PEJABAT TANAH DAERAH DISTRICT LAND OFFICE	LAIN-LAIN OTHERS
Utara <i>Northern</i>	8	15	5
Selatan <i>Southern</i>	6	21	5
Timur <i>Eastern</i>	4	11	2
Tengah <i>Central</i>	18	22	9
JUMLAH TOTAL	36	69	21

Jadual 8: Jumlah permohonan pengesahan status tanah/ tanah bersebelahan

Table 8: Total number of land status verification applications/ adjacent land

Antara tugas pentadbiran tanah juga adalah melibatkan perkara-perkara berikut:

Among the responsibilities of land administration include:

- Mengurus dan mengesahkan pembayaran cukai tanah (tanah berhak milik); dan
- Mengurus dan mengesahkan sumbangan membantu kadar dan cukai taksiran bagi struktur/bangunan stesen yang berada di dalam tanah kereta api milik RAC.


- Managing and validating land tax payments (for owned land); and*
- Managing and validating the service charge contribution and assessment tax for station structures/buildings located on RAC-owned railway land.*

Dalam usaha menyelesaikan isu cukai taksiran dan sumbangan membantu kadar harta teknikal aset kereta api yang digunakan bagi tujuan awam, mesyuarat sentiasa diadakan bersama dengan KPKT, MOT dan PBT untuk mendapatkan kesepakatan penyelesaian dalam perkara ini.

To address issues related to assessment tax and service charge contribution for railway assets used for public purposes, meetings are regularly held with KPKT, MOT, and PBT to reach a consensus on resolution.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Kos Pentadbiran Tanah Tahun 2023 *Land Administration Costs Year 2023*



Bagi tujuan penyeliaan dan pengawalan semua maklumat tanah sama ada berstatus hakmilik atau rizab, data-data diperolehi akan direkod dan dikemas kini dalam sistem RAILS. Tindakan ini bertujuan untuk memudahkan urusan menyediakan maklumat dan dokumen tanah kepada Bahagian/ Unit di RAC, pemegang taruh dan pelanggan-pelanggan RAC. Dengan penyediaan maklumat dan data yang sistematik, ia membantu mengenal pasti tanah yang boleh menjana hasil yang optimum melalui penyewaan/ pajakan, peningkatan infrastruktur kereta api dan pelaksanaan cadangan projek pembangunan bercampur.

For the purpose of supervision and control of all land information, whether owned or reserved, the data obtained will be recorded and updated in the RAILS system. This action aims to facilitate the provision of land information and documents to RAC Departments/ Units, stakeholders, and RAC clients. By providing systematic information and data, it helps identify land that can generate optimum revenue through leasing, enhancing rail infrastructure, and implementing proposed mixed-use development projects.


PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Statistik Tanah Kereta Api Berstatus Hak Milik dan Rizab pada 2023

Butiran tanah hak milik dan rizab kereta api mengikut negeri adalah seperti yang ditunjukkan dalam graf berikut:

Statistics of Railway Land with Ownership and Reserved Status for 2023

Details of railway land ownership and reserved land by state are shown in the following chart:



Graf 5: Jumlah tanah hak milik dan rizab kereta api mengikut negeri
Graph 5: Total railway land ownership and reserved land by state


Sepanjang tahun 2023, jumlah keseluruhan tanah hak milik RAC adalah sebanyak 338 lot dengan keluasan sebanyak 8,683.78 ekar. Jumlah ini termasuk 24 lot tanah di Pulau Pinang yang masih dalam permohonan peletakan hak melalui tindakan Mahkamah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTGPP) sebelum diserahkan kepada RAC.

Throughout 2023, the total amount of RAC-owned land was 338 lots, covering an area of 8,683.78 acres. This total includes 24 lots in Penang that are still in the process of title transfer through actions by the court and the Penang Land and Mines Office (PTGPP) before being transferred to RAC.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Sebanyak 90 peratus tanah kereta api milik RAC adalah tanah rizab yang digunakan sebagai jajaran kereta api (operasi tren) dengan jumlah sebanyak 1,097 lot kesemuanya dengan jajaran sepanjang 1,650 kilometer bermula dari Padang Besar, Perlis (Utara) hingga ke Johor Bahru (Selatan) dan ke Tumpat, Kelantan (Pantai Timur). Butiran tanah rizab kereta api mengikut negeri adalah seperti berikut:

Ninety percent of RAC's railway land is reserved land used as railway corridors (train operations), totaling 1,097 lots with a corridor length of 1,650 kilometers, extending from Padang Besar, Perlis (North) to Johor Bahru (South) and Tumpat, Kelantan (East Coast). Details of the reserved railway land by state are as follows:



Graf 6: Jumlah tanah rizab mengikut negeri
Graph 6: Total reserved railway land by state

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Sehingga 31 Disember 2023, daripada keseluruhan 1,097 lot tanah rizab kereta api hanya 209 lot sahaja yang telah diwartakan dan baki sebanyak 888 lot masih belum dibuat pewartaan di bawah Seksyen 62 KTN.

Bagi proses pewartaan jajaran kereta api Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Gemas ke Padang Besar, pelan pra hitungan bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka telah dikemukakan kepada MOT selaku wakil Kementerian/ Jabatan Pengguna (KJP) untuk diangkat permohonan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri bagi semakan pelan dan pengemukaan Laporan Pengesahan Status Tanah.

Seterusnya, permohonan pewartaan akan diangkat semula kepada JKPTG Persekutuan untuk semakan, pindaan dan pengesahan selanjutnya oleh PTP selaku pegawai pengawal tanah persekutuan. Permohonan tersebut akan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri terlibat untuk kelulusan pewartaan.

Bagi menyelesaikan isu tanah-tanah rizab milik RAC yang tiada salinan warta dalam simpanan RAC, semakan dan carian dari masa ke semasa melalui Jabatan Peguam Negara (AGC), Arkib Negara, Percetakan Nasional, Perpustakaan Negara (PNM), Perpustakaan Universiti dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) serta sumber-sumber lain untuk membantu mendapatkan salinan warta tanah-tanah rizab kereta api tersebut.

As of 31 December 2023, out of the total 1,097 reserved railway land lots, only 209 lots have been gazetted, while the remaining 888 lots have not yet been gazetted under Section 62 of the National Land Code (NLC).

For the gazetting process of the railway alignment for the Electric Double Track Project (PLBE) from Gemas to Padang Besar, the preliminary plans for the states of Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, and Melaka have been submitted to the Ministry of Transport (MOT) as the representative of the Ministry/ Department of Users (KJP) for consideration and submission to the State Land Office (JKPTG) for plan review and the submission of the Land Status Confirmation Report.

Subsequently, the gazetting application will be submitted to the Federal JKPTG for further review, amendments, and confirmation by the Federal Land Controller (PTP). The application will then be submitted to the relevant State Authority for gazetting approval.

To address the issue of reserved land lots owned by RAC that do not have gazetted copies in RAC's possession, checks and searches through the Attorney General's Chambers (AGC), National Archives, National Printing, National Library (PNM), University Libraries, and District Land Offices (PTD), as well as other sources, to help obtain copies of the gazetted reserved railway land.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

AKTIVITI TAHUN 2023

ACTIVITIES YEAR 2023

01

Kunjungan Hormat Majlis Daerah Lipis ke atas RAC pada 18 Januari 2023
Courtesy Visit from Lipis District Council to RAC on 18 January 2023

RAC telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Daerah Lipis (MDL) yang diketuai oleh Setiausaha, Puan Wan Norizan Haji Wan Badaruzzaman.

Dalam pertemuan ini, RAC diwakili oleh Pengurus Pentadbiran dan Kewangan En. Chong Ka Foo dan Pengurus Kanan Hartanah, En. Nik Massidee Nik Harun.

Sesi ini diadakan bagi membincangkan isu-isu berbangkit antara MDL dengan Perbadanan ini dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi kedua-dua belah pihak.

RAC hosted a courtesy visit from Lipis District Council (MDL), led by the Secretary, Mrs. Wan Norizan Haji Wan Badaruzzaman.

RAC was represented by the Administration and Finance Manager, Mr. Chong Ka Foo, and the Senior Property Manager, Mr. Nik Massidee Nik Harun.

The session aimed to discuss outstanding issues between MDL and the Corporation and to find the best solutions for both parties.



02

Kunjungan Hormat Majlis Daerah Tumpat pada 19 Januari 2023
Courtesy Visit from Tumpat District Council on 19 January 2023

RAC telah menerima kunjungan hormat dari Majlis Daerah Tumpat (MDT) yang diketuai oleh Setiausaha, En Khairul Hazmie Yusoff. Delegasi MDT telah disambut oleh Pengurus Kanan Hartanah, En. Nik Massidee Nik Harun.

Pertemuan ini diadakan bagi membincangkan dan mencari penyelesaian terbaik bagi isu-isu berbangkit antara kedua-dua belah pihak.

RAC hosted a courtesy visit from Tumpat District Council (MDT), led by its Secretary, Mr. Khairul Hazmie Yusoff. The MDT delegation was welcomed by the Senior Property Manager, Mr. Nik Massidee Nik Harun.

The meeting was held to discuss and find the best solutions for outstanding issues between both parties.



PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

03

Perbincangan Isu Cukai Taksiran serta Teknikal RAC di bawah Majlis Perbandaran Tanah Merah dan Majlis Daerah Tumpat Serta Lawatan Tapak bagi Aset-Aset RAC di Kelantan pada 7 – 10 Februari 2023

Discussion on RAC Property Tax Assessment and Technical Issues with Tanah Merah Municipal Council and Tumpat District Council and Site Visits for RAC Assets in Kelantan from 7–10 February 2023

Sesi ini diadakan untuk membincangkan isu tunggakan cukai taksiran di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Tanah Merah (MPTM) dan Majlis Daerah Tumpat (MDT). Perbincangan ini diadakan bagi mendapatkan maklum balas susulan daripada sesi libat urus yang diadakan pada 7 Oktober 2022 bagi permohonan RAC untuk mendapatkan pengecualian cukai taksiran yang dikenakan ke atas struktur kemudahan awam yang digunakan bagi tujuan melengkap keperluan di stesen seperti tandas, surau, platform, laluan masuk, ruang menunggu dan koridor dan lain-lain caj yang telah dikenakan sebelum ini serta kaedah dan tempoh bagi pembayaran tunggakan.

Lanjutan itu, lawatan tapak di MPTM telah dibuat pada 7 hingga 8 Februari 2023 dan lawatan tapak MDT pada 9 hingga 10 Februari 2023 bagi mengesah dan mengenal pasti semua aset-aset RAC di negeri ini sama ada masih digunakan lagi atau tidak bagi tujuan pengenaan cukai. Lawatan tapak ini juga dilaksanakan bagi memohon pengecualian ruang-ruang yang digunakan bagi tujuan awam.

This session was held to address the issue of outstanding property assessment taxes under the administration of MPTM and MDT. The discussion aimed to follow up on the engagement session held on 7 October 2022, regarding RAC's request for exemption from property assessment taxes on public facility structures used to meet station requirements such as toilets, prayer rooms, platforms, access paths, waiting areas, and corridors, as well as other charges previously incurred and methods and duration for settling arrears.

Additionally, site visits were conducted at MPTM from 7 to 8 February 2023 and at MDT from 9 to 10 February 2023, to verify and identify all RAC assets in the state, determining whether they are still in use for tax assessment purposes. These site visits also aimed to request exemptions for areas used for public purposes.



PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

04

Lantikan Perunding Jurukur Tanah Berlesen (Cls) bagi Penyediaan Pelan Pinta Ukur (PU) dan Pengukuran Hak Milik Mukhtamad (*Final Survey*) bagi tujuan pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi Petak 3 dan 4 (Sebahagian Lot 37331 Gn661/56) Bandar Ipoh, Daerah Kinta – April 2023

Appointment of Licensed Land Surveyor (Cls) for Preparation of Preliminary Survey Plan (PU) and Final Survey Measurement for Ownership Transfer under Section 76 National Land Code for Parcel 3 and 4 (Part of Lot 37331 Gn661/56), Ipoh City, Kinta District – April 2023



05

Lawatan Tapak dan Serahan Notis Pencerobohan di tiga (3) lokasi pendudukan di Selangor pada 9 Mei 2023

Site Visit and Issuance of Encroachment Notices at three (3) occupied locations in Selangor on 9 May 2023



Serahan notis pencerobohan di atas tanah rizab RAC di Taman Melawis, Klang, Selangor ke atas pendudukan struktur/kediaman yang terlibat dengan Projek Tebatan Banjir dan Naiktaraf Saliran oleh JPS Selangor

Issuance of encroachment notices on RAC reserved land at Taman Melawis, Klang, Selangor for occupied structures/housing involved in flood mitigation and drainage upgrade project by JPS Selangor



Siasatan tapak dan serahan notis di Kuala Kubu Bharu, Selangor berhubung aduan laluan pencerobohan di atas tanah rizab RAC oleh pemilik lot bersebelahan

Site investigation and issuance of notice in Kuala Kubu Bharu, Selangor regarding encroachment complaints on RAC reserved land by adjacent lot owners



Siasatan tapak dan serahan notis ke atas pembinaan struktur dan tambahan tanah di atas tanah rizab RAC di Sungai Buloh, Selangor

Site investigation and issuance of notice on structure construction and land reclamation on RAC reserved land in Sungai Buloh, Selangor

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

06

Mesyuarat Isu Cukai Taksiran Harta Teknikal dan Caruman Membantu Kadar (CMK) pada 22 Mei 2023 di SUK Perak

Meeting on Property Assessment Tax and Assisted Contribution Rate (CMK) Issues on 22 May 2023, at SUK Perak

Mesyuarat ini diadakan susulan permohonan daripada RAC kepada Kerajaan Negeri Perak bagi mencari penyelesaian isu kadar cukai taksiran/ SMK bagi harta-harta di bawah kawal seliaan RAC di negeri Perak.

This meeting was held following RAC's request to the Perak State Government to find a resolution to the issues related to the assessment rate/ Assisted Contribution Rate (CMK) for properties under RAC's management in Perak.



07

Kunjug Hormat Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) ke Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif RAC pada 29 Mei 2023

Courtesy Visit from Alor Gajah Municipal Council (MPAG) to the CEO Office of RAC on 29 May 2023



PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

08

Lawatan Tapak dan Bancian bagi Pelaksanaan Projek Pembaikan Cerun di Jajaran Pahang dan Kelantan oleh Kementerian Pengangkutan pada 14 – 18 Ogos 2023

Site Visit and Survey for the Implementation of Slope Repair Project along Pahang and Kelantan Tracks by the Ministry of Transport from 14 – 18 August 2023



09

Penyampaian Notis Pengosongan Kediaman di atas Lot PTD40050, Taman Sinaran Kempas (TSK), Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru, Johor

Issuance of Eviction Notice for Residential Property at Lot PTD40050, Taman Sinaran Kempas (TSK), Mukim Tebrau, Johor Bahru District, Johor

Pihak Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPNJ) telah menganugerahkan rumah ganti melalui serahan kunci fasa 1 dan fasa 2 kepada penduduk TSK sebagai penyelesaian isu setingan tersebut.

The State Government, through the Johor State Housing Development Corporation (PKPNJ), has awarded replacement houses by handing over phase 1 and phase 2 keys to TSK residents as a resolution to the squatters' issue.

Sehubungan itu, pengemukaan Notis Pengosongan ini telah dilaksanakan secara berperingkat bagi penyelesaian isu pendudukan setingan oleh penduduk di Taman Sinaran Kempas di atas tanah hakmilik RAC berdasarkan tindakan seperti berikut:

In this regard, the issuance of the Eviction Notice has been carried out in stages to address the squatters' occupation issue by residents in Taman Sinaran Kempas on RAC-owned land based on the following actions:

- i. **Fasa 1** – Serahan Notis Pengosongan Tapak pada 7 Jun 2023 (bermula 1 April sehingga 30 Mei 2023); dan
- ii. **Fasa 2** – Serahan Notis Pengosongan Tapak pada 9 Ogos 2023 (bermula 11 Jun sehingga 24 Jun 2023).

- i. **Phase 1** – Issuance of Eviction Notice for the site on 7 June 2023 (covering the period from 1 April to 30 May 2023); and
- ii. **Phase 2** – Issuance of Eviction Notice for the site on 9 August 2023 (covering the period from 11 June to 24 June 2023).



PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

10

Taskforce 'Big Data' Taskforce 'Big Data'

Penubuhan *taskforce* ini dengan kerjasama Bahagian Komersial pada 16 Oktober 2023 bertujuan untuk mengenalpasti senarai, menyediakan rumusan data dan statistik dan mendapatkan keluasan tanah hak milik dan tanah rizab kereta api yang berpotensi. Sehingga akhir tahun 2023 dianggarkan sebanyak 2,459.6 ekar tanah kereta api di jajaran Gemas ke Padang Besar yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan dan dikomersialkan. Antara skop tugas pasukan *taskforce* adalah seperti berikut:

- i. Menganalisis tanah-tanah RAC yang berpotensi untuk dibangunkan dan disewa/pajak dengan menggunakan sistem GIS dan *Business Tools*;
- ii. Membangunkan solusi penggunaan data tanah berasaskan *data-driven solution*;
- iii. Membangun, menyelenggara dan mengemaskini Sistem Pengurusan Data Tanah RAC di dalam RAILS; dan
- iv. Menyelaraskan, menyeragamkan, menyusun dan membentangkan analisis data-data tanah, bangunan, dan infrastruktur kereta api kepada pengurusan RAC untuk tujuan promosi dan mendapatkan solusi selanjutnya.

Dalam pelaksanaan *taskforce* ini, terdapat beberapa cabaran yang dikenalpasti seperti aduan, pencerobohan, status pemilikan tanah, persempadanan, dan juga halangan-halangan topografi seperti jalan sedia ada, keadaan tanah yang berair seperti sungai, parit dan tasik tanah bercerun dan berbukit. Halangan ini menyebabkan potensi komersial dan sewaan bagi tanah RAC menjadi terhad.

The establishment of this taskforce, in collaboration with the Commercial Division on 16 October 2023, aims to identify a list, compile data and statistics, and assess the extent of railway land ownership and reserves with potential for development. By the end of 2023, an estimated 2,459.6 acres of railway land along the Gemas to Padang Besar line have been identified for development and commercialisation. The scope of tasks for the taskforce includes the following:


- i. Analysing RAC lands with potential for development and lease/rental using GIS and Business Tools;*
- ii. Developing data-driven solutions for land data utilisation;*
- iii. Developing, maintaining, and updating the RAC Land Data Management System within the RAILS; and*
- iv. Coordinating, standardising, organising, and presenting data analyses on land, buildings, and railway infrastructure to RAC management for promotional purposes and to obtain further solutions.*

During the implementation of this taskforce, several challenges have been identified, such as complaints, encroachments, land ownership status, boundary issues, and topographical obstacles like existing roads, waterlogged areas such as rivers, drains, and lakes, as well as hilly and sloping terrains. These obstacles limit the commercial and rental potential of RAC lands.



PENGURUSAN TANAH KERETA API

RAILWAY LAND MANAGEMENT



Sehubungan itu, penyediaan dan pengumpulan data guna tanah di sepanjang jajaran kereta api telah dilaksanakan supaya analisis tanah yang terperinci dapat dilakukan bagi mengenal pasti tanah-tanah yang berpotensi untuk dibangun dan dikomersialkan dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti kebolehcapaian, keadaan topografi dan guna tanah semasa.

In response, data collection and preparation for land use along the railway corridor have been carried out to allow detailed land analysis to identify lands with potential for development and commercialisation, considering various aspects such as accessibility, topographical conditions, and current land use.



PENGURUSAN ASET KERETA API

MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Selaku pemilik aset, RAC menggalas tanggungjawab untuk memastikan keseluruhan aset yang dimilikinya dipantau, disenggara dan dibaik pulih bagi memastikan keadaannya selamat untuk digunakan. Pada masa ini, kerja-kerja pemantauan dan penyenggaraan berjadual bagi aset yang terlibat dengan operasi kereta api adalah di bawah tanggungjawab syarikat operator kereta api sedia ada iaitu KTMB manakala bagi aset di luar kawasan operasi, tugas tersebut dilaksanakan oleh RAC.

Bagi aset-aset kereta api yang tidak lagi kondusif dan ekonomik untuk dibaik pulih atau digunakan, RAC akan melaksanakan proses pelupusan aset berdasarkan kepada Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021). Kerja-kerja pemantauan, penyenggaraan dan pelupusan aset kereta api dilaksanakan untuk tujuan seperti berikut:

As the asset owner, RAC bears the responsibility of ensuring that all its assets are monitored, maintained, and repaired to ensure their safety for use. Currently, the scheduled monitoring and maintenance of assets involved in railway operations are under the responsibility of the existing railway operator, KTMB, while RAC handles these tasks for assets outside the operational area.


For railway assets that are no longer feasible or economical to repair or use, RAC will carry out the disposal process based on the Government's Fixed Asset Management Procedure (General Circular No. 3 of 2021). The monitoring, maintenance, and disposal of railway assets are carried out for the following purposes:

 PEMANTAUAN MONITORING	 PENYENGGAARAAN MAINTENANCE	 PELUPUSAN DISPOSAL
Memastikan aset sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan <i>To ensure that assets are always in good and safe condition for use</i>	Meningkatkan jangka hayat aset <i>Extending the lifespan of assets</i>	Memastikan pengurusan aset dilaksanakan secara sistematik dan mengikut tatacara sedia ada <i>To ensure asset management is carried out systematically and in accordance with existing procedures</i>
Memastikan kerosakan awal yang ditemui dapat dibaiki dengan segera <i>To ensure that any damages are detected early and can be repaired promptly</i>	Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada pengguna/orang awam <i>Enhancing the quality of Government service delivery to users/ the public</i>	Membolehkan Kerajaan memperoleh hasil secara tidak langsung <i>Enabling the Government to generate revenue indirectly</i>
Mengurangkan kos baik pulih yang tinggi untuk jangka masa panjang <i>To reduce high repair costs in the long term</i>	Memaksimumkan nilai semasa aset bagi menjamin pulangan pelaburan yang optimum kepada Kerajaan/ RAC <i>Maximising the current value of assets to ensure optimal return on investment for the Government/ RAC</i>	Menjimatkan perbelanjaan bagi menampung kos baik pulih dan segala kos tambahan yang tinggi <i>Saving expenses to cover repair costs and other high additional costs</i>

PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Senarai aset kereta api yang terlibat dengan aktiviti pemantauan, penyenggaraan dan pelupusan pada tahun semasa adalah seperti berikut:

The list of railway assets involved in monitoring, maintenance, and disposal activities for the current year is as follows:




PEMANTAUAN DAN PENYENGGAARAAN ASET KERETA API

Pemantauan dan penyenggaraan aset-aset kereta api dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan:

MONITORING AND MAINTENANCE OF RAILWAY ASSETS

Monitoring and maintenance of railway assets are carried out with the aim of improving:



PENGURUSAN ASET KERETA API

MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Pemantauan dan penyenggaraan aset kereta api yang dilaksanakan oleh RAC melibatkan aset-aset seperti kawasan meletak kenderaan di stesen-stesen yang tidak mempunyai operator, bangunan, tanah-tanah rizab kereta api melibatkan aktiviti pembersihan semak samun dan penebangan pokok yang membahayakan keselamatan awam, penyenggaraan sistem saliran perparitan serta pembaikan pagar sempadan.

Monitoring and maintenance of railway assets carried out by RAC involve assets such as parking areas at stations without operators, buildings, and railway reserve lands, including activities like clearing undergrowth and removing trees that pose safety hazards, maintaining drainage systems, and repairing boundary fences.



Gambar 1: Kerja-kerja penyenggaraan dan pembinaan laluan pejalan kaki sementara di Stesen Keretapi Padang Besar, Perlis

Picture 1: Maintenance work and construction of temporary pedestrian pathways at Padang Besar Railway Station, Perlis

Bagi penyenggaraan tahun semasa, RAC telah memperuntukkan sebanyak RM14.6 juta, iaitu peningkatan peruntukan sebanyak 66% daripada peruntukan tahun sebelumnya bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan tanah-tanah rizab, pembaikan bangunan dan infrastruktur yang rosak.

For the current year's maintenance, RAC has allocated RM14.6 million, reflecting a 66% increase from the previous year's allocation to carry out maintenance of railway reserve lands, and buildings and damaged infrastructure repairs.



Gambar 2: Kerja-kerja pembersihan semak samun, dan penyenggaraan tanah rizab yang telah dilaksanakan

Picture 2: Work on clearing overgrown vegetation and reserve land maintenance that has been carried out

PELUPUSAN ASET KERETA API

DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

Aktiviti pelupusan dilaksanakan berdasarkan kepada hasil penilaian aset seperti berikut:

- Tidak selamat untuk digunakan;
- Gagal mencapai tahap perkhidmatan dan fungsi yang ditetapkan;
- Sangat usang dan tidak boleh digunakan lagi;
- Kos operasi dan penyenggaraan yang tidak ekonomik;
- Masih sempurna tetapi tidak digunakan kerana tiada keperluan;
- Keperluan tapak bagi pembangunan baharu; dan
- Tidak berfungsi memenuhi tujuan reka bentuk dan perundangan.

Kaedah pelupusan aset bergantung kepada klasifikasi dan jenis aset yang hendak dilupuskan seperti yang ditetapkan di dalam Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.

Disposal activities are carried out based on asset evaluations such as the following:

- *Unsafe for use;*
- *Failing to meet the required service and functionality standards;*
- *Highly worn out and no longer usable;*
- *Operational and maintenance costs that are not economical;*
- *Still functional but not used due to lack of need;*
- *Site requirements for new development; and*
- *Not fulfilling design and legal purposes.*

The method of asset disposal depends on the classification and type of asset to be disposed of, as specified in the Government's Management of Immovable Assets Procedure.



Aktiviti pelupusan ini penting dalam membantu Kerajaan/ RAC mengurangkan bebanan kos penyenggaraan terhadap aset yang tidak lagi ekonomik selain memastikan pengurusan aset Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan optimum. Antara aset kereta api yang telah dilupuskan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

- Bangunan yang telah usang dan terbiar seperti kuarters;
- Landasan kereta api terpakai Gred B dan ke bawah;
- Penggalas landasan kayu dan konkrit terpakai; dan
- Kelengkapan landasan terpakai.


Disposal activities are crucial in helping the Government/RAC reduce the burden of maintenance costs for assets that are no longer economical, while ensuring that asset management is carried out more efficiently and optimally. Some of the railway assets that have been disposed of during the year include:

- *Buildings that are old and abandoned, such as quarters;*
- *Used railway tracks of Grade B and below;*
- *Used wooden and concrete sleepers; and*
- *Used track equipment.*

PELUPUSAN ASET KERETA API DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

Kerja-kerja pelupusan yang dilaksanakan oleh RAC adalah mengikut syarat-syarat dan tatacara yang berkuat kuasa termasuklah undang-undang, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Antaranya adalah:

The disposal work carried out by RAC follows the applicable conditions and procedures, including laws, Treasury Circulars, and other regulations issued by the Government from time to time. These include:



Kesemua aktiviti pelupusan di tapak telah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang dilantik oleh RAC dengan pemantauan oleh pegawai RAC dan kerjasama pihak KTMB. Sepanjang tahun 2023, beberapa aktiviti pelupusan dilaksanakan yang melibatkan pelupusan mata benda terpakai seperti besi landasan, penggalas kayu atau konkrit dan kelengkapan landasan. Aktiviti pelupusan ini dilaksanakan susulan daripada penyerahan inventori mata benda terpakai yang telah dibongkarkan di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang (KVDT) Fasa 1 dan Fasa 2. Kaedah pelupusan yang dilaksanakan adalah secara jualan atau sumbangan.

All disposal activities on-site were carried out by parties appointed by RAC, with monitoring by RAC officers and cooperation from KTMB. Throughout 2023, several disposal activities were conducted involving the disposal of used items such as track iron, wooden or concrete sleepers, and track equipment. These disposal activities followed the dismantling of inventory items under the Klang Valley Double Track (KVDT) Phase 1 and Phase 2 projects. The method of disposal implemented was through sales or donations.



Gambar 3: Kerja-kerja pelupusan mata benda terpakai seperti besi landasan, penggalas kayu dan kelengkapan landasan

Picture 3: Disposal works for used items such as track iron, wooden sleepers, and track equipment

PELUPUSAN ASET KERETA API DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

Selain daripada pelupusan secara jualan, RAC juga turut melaksanakan kaedah pelupusan secara sumbangan atau hadiah kepada Agensi atau Badan-badan Kerajaan. Antara aset yang telah disumbangkan adalah besi landasan dan penggalas kayu terpakai yang bernilai RM45,675.44.

Antara agensi atau badan-badan Kerajaan yang telah dipertimbangkan untuk mendapatkan sumbangan sepanjang tahun 2023 adalah Pesuruhjaya Pengakap Daerah Jempol, 7 Kompeni Kor Ordinan Diraja, (7KOD), 18 Rejimen Askar Melayu Diraja (PARA) [18RAMD (PARA)] dan Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK). Antara tujuan permohonan sumbangan ini adalah bagi kegunaan kem latihan tentera, keceriaan landskap di tempat-tempat awam.



Gambar 4: Sumbangan kayu penggalas landasan terpakai kepada Agensi Kerajaan
Picture 4: Donation of used wooden sleepers to various Government Agencies

In addition to disposal through sales, RAC also carried out disposal methods involving donations or contributions to various Government Agencies and Bodies. Among the assets donated were used track iron and wooden sleepers valued at RM45,675.44.

Agencies or government bodies considered for donations throughout 2023 included the Jempol District Scouts Commissioner, 7th Royal Ordinance Company (7KOD), 18th Royal Malay Regiment (Para) (18RAMD (PARA)), and the Specialised Warfare Training Centre (PULPAK). The purpose of these donations was for use in military training camps and for enhancing public landscaping.

Jadual berikut adalah rumusan aktiviti dan hasil yang dijana daripada aktiviti pelupusan aset kereta api yang dilaksanakan sepanjang 2023.

The table below summarises the activities and outcomes generated from the railway asset disposal activities carried out throughout 2023.

KAEDAH METHOD	LOKASI/ JAJARAN LOCATION/ ALIGNMENT	KONTRAKTOR/ PEMOHON CONTRACTOR/ APPLICANT	JENIS ASET TYPE OF ASSET	NILAI VALUE (RM)
Jualan Runcit <i>Retail Sale</i>	Pelbagai <i>Various</i>	Pelbagai <i>Various</i>	- Besi landasan <i>Track rails</i> - Penggalas kayu dan konkrit <i>Wooden and concrete sleepers</i> - Kelengkapan landasan <i>Track fittings</i>	492,566.40
Sumbangan Hadiah <i>Donation Contribution</i>	Pelbagai <i>Various</i>	Pelbagai <i>Various</i>	- Besi landasan <i>Track rails</i> - Penggalas kayu <i>Wooden sleepers</i>	45,675.44
JUMLAH KESELURUHAN OVERALL TOTAL				538,241.84





SEKSYEN
SECTION

05

MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN INFRASTRUKTUR REL

*BOOSTING RAILWAY LAND
DEVELOPMENT & IMPROVING RAIL
INFRASTRUCTURE*

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API

RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING

Pembangunan jaringan pengangkutan yang mampan adalah kunci kepada peningkatan nilai tanah dan pembangunan kawasan. RAC melaksanakan konsep *Transit-Oriented Development* (TOD) yang memastikan pembangunan yang dibuat mempunyai rangkaian pengangkutan yang komprehensif dan saling berhubung. Ini sejajar dengan teras Dasar Pengangkutan Negara 2020-2030 yang bertujuan untuk mengoptimumkan, membina, dan menyelenggara infrastruktur serta rangkaian pengangkutan bagi meningkatkan kecekapan.


Pembangunan tanah-tanah kereta api milik RAC bermula seawal 2009 dan masih dilaksanakan secara aktif sehingga hari ini, antaranya Stesen Kereta Api Kajang 2 yang baharu dan Menara RAC Sentral di Brickfields, Kuala Lumpur yang menjanjikan pulangan jangka panjang kepada RAC. Sehingga kini, RAC masih rancak menerima permohonan pembangunan dari pemaju swasta untuk membangunkan tanah-tanah RAC yang berpotensi terutama di kawasan Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang.

Dalam membangunkan tanah-tanah kereta api, beberapa aspek akan diambil kira antaranya adalah pulangan kepada RAC selain daripada Penyata Keperluan. Berikut adalah jenis-jenis pulangan yang boleh dipertimbangkan oleh RAC dalam melaksanakan projek usaha sama dengan pihak swasta sebelum perancangan sesuatu projek dapat dimuktamadkan.

The development of sustainable transportation networks is key to enhancing land value and area development. RAC implements the Transit-Oriented Development (TOD) concept, which ensures that developments feature comprehensive and interconnected transportation networks. This aligns with the core principles of the National Transport Policy 2020-2030, which aims to optimise, build, and maintain infrastructure and transportation networks to improve efficiency.

The development of railway lands owned by RAC began as early as 2009 and actively till today include the new Kajang 2 Railway Station and the Menara RAC Sentral in Brickfields, Kuala Lumpur, both promising long-term returns for RAC. To date, RAC continues to receive development proposals from private developers for its potential lands, particularly in the Klang Valley, Perak and Penang.

When developing railway lands, several factors are considered, including the returns to RAC as well as the Needs Statement. The following are the types of returns that RAC may consider when implementing joint ventures with private entities before finalising the planning of a project.



Rajah 5: Jenis pulangan yang dinikmati RAC hasil usaha sama dengan pihak swasta
Diagram 5: Types of returns for RAC through joint ventures with private sectors

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING


PERANCANGAN PEMBANGUNAN HARTANAH SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

Pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pulih pada tahun 2023 telah meningkatkan industri pembangunan hartanah di mana pembangunan-pembangunan semakin giat dijalankan. Pada tahun 2023, RAC telah menerima 15 permohonan daripada pemaaju swasta untuk membangunkan tanah-tanah RAC. Jumlah permohonan cadangan pembangunan pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan yang positif dari tahun sebelum di mana cadangan pembangunan yang diterima oleh RAC termasuk Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak dan Pulau Pinang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar.

PROPERTY DEVELOPMENT PLANNING IN PARTNERSHIP WITH THE PRIVATE SECTOR

The country's economic recovery in 2023 has boosted the real estate development industry, leading to increased development activities. In 2023, RAC received 15 proposals from private developers to develop RAC. This represents a positive increase compared to the previous year. The development proposals received by RAC span various locations including Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, and Penang, covering both urban and rural areas.

JUMLAH PERMOHONAN CADANGAN PEMBANGUNAN TOTAL OF DEVELOPMENT PLANNING PROPOSAL



Rajah 6: Jumlah permohonan cadangan pembangunan tanah-tanah RAC dari 2020 hingga 2023
Diagram 6: Total development proposals for RAC Lands from 2020 to 2023

TAWARAN PEMBANGUNAN TANAH-TANAH RAC MELALUI KAEDAH REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) KEPADA PEMAJU-PEMAJU HARTANAH

Pada tahun 2023, RAC telah mengambil inisiatif untuk membangunkan tanah-tanah RAC yang berpotensi melalui kaedah *Request For Proposal* (RFP) dengan mengadakan Pameran Hartanah RAC 2023 pada 24 Ogos 2023. Pameran ini telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan di mana RAC telah menawarkan 10 tapak untuk pembangunan merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Johor Bharu dan Kelantan.

OFFERING OF RAC LAND DEVELOPMENT THROUGH REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) TO PROPERTY DEVELOPERS

In 2023, RAC took the initiative to develop its potential land holdings using the Request for Proposal (RFP) method by organising the RAC Property Showcase 2023 on 24 August 2023. The event was inaugurated by YB Loke Siew Fook, the Minister of Transport. During the showcase, RAC offered ten (10) sites for development, covering areas such as Kuala Lumpur Federal Territory, Selangor, Penang, Perlis, Johor Bahru, and Kelantan.

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API

RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING

RAC telah menjemput 31 pemaju untuk hadir ke pameran berkenaan dan dokumen RFP telah diedarkan kepada pemaju-pemaju yang berminat. Pameran hartanah ini telah dihadiri oleh 32 pemaju-pemaju swasta.

Perincian tapak-tapak yang ditawarkan adalah seperti jadual di bawah:

RAC invited 31 developers to attend the RAC Property Showcase 2023, and RFP documents were distributed to interested developers. The property exhibition was attended by 32 private developers.

Details of the offered sites are listed in the table below:

BIL. NO.	LOKASI LOCATION	KELUASAN (EKAR) AREA (ACRES)	NO. LOT LOT NO.	STATUS TANAH LAND STATUS	ZON GUNATANAH LAND USE ZONE
1.	Stesen Keretapi Kuala Lumpur <i>Kuala Lumpur Train Station</i>	13.0762	Lot 36, PT 22	Hak milik <i>Ownership</i>	K
			Plot E dan Plot F <i>Plot E and Plot F</i>	Rizab <i>Reserve</i>	K
2.	Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur	7.3514	Lot 20003	Pajakan 99 Tahun <i>99 Year Lease</i>	I
3.	Jalan Ampang	1.7805	Lot 5 dan Lot 940 <i>Lot 5 and Lot 940</i>	Hak milik Ownership	R
4.	Salak Selatan	19.1408	Lot 53609	Hak milik <i>Ownership</i>	P
5.	Batu Tiga	17.416	Lot 20924 dan Lot 20925 <i>Lot 20924 and Lot 20925</i>	Hakmilik <i>Ownership</i>	K
6.	Stesen Keretapi Padang Besar <i>Padang Besar Train Station</i>	24.2441	Sebahagian Lot 1 <i>Part of Lot 1</i>	Hak milik <i>Ownership</i>	P
7.	Bukit Tengah	27.2472	Lot 547, Lot 1069, Lot 132, Lot 134 dan Lot 528 <i>Lot 547, Lot 1069, Lot 132, Lot 134 and Lot 528</i>	Hak milik <i>Ownership</i>	R
8.	Kempas	214.41	Sebahagian PTD 40050 <i>Part of PTD 40050</i>	Hak milik <i>Ownership</i>	K
9.	Stesen Keretapi Wakaf Bharu <i>Wakaf Bharu Train Station</i>	11.0103	Lot 1900	Hak milik <i>Ownership</i>	K
10.	Kampung Manis	33.7761	Sebahagian Lot 286, Lot 65 dan Lot 67 <i>Part of Lot 286, Lot 65 and Lot 67</i>	Hak milik Ownership	In, R & P
11.	Menara RAC Sentral (Penyewaan) <i>RAC Sentral Tower (Leasing)</i>	0.438	No. 16, Jalan Tun Sambathan	Hak milik <i>Ownership</i>	K
Jumlah Keluasan <i>Keseluruhan Overall Total Area</i>		369.452			

*Nota: 1. Zon Gunatanah : K (Komersial) , I (Institusi) , R (Kediaman) , In (Industri) , P (Pengangkutan)
*Note: 1. Land Use Zone : K (Comercial) , I (Institution) , R (Residential) , In (Industry) , P (Transportation)

Jadual 9: Senarai tanah-tanah yang ditawarkan kepada pemaju semasa Pameran Hartanah RAC 2023
Table 9: List of lands offered to developers during RAC Property Showcase 2023

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING



Gambar 5: Perasmian Pameran Hartanah RAC 2023 oleh YB Menteri Pengangkutan
Picture 5: RAC Property Showcase 2023 by YB Minister of Transport

Pada 23 Disember 2023, RAC telah menerima sebanyak 17 kertas cadangan pembangunan daripada pemaju-pemaju untuk lapan (8) tapak tanah yang ditawarkan oleh RAC. Seterusnya, RAC akan melaksanakan penilaian RFP dan mengangkat untuk proses kelulusan selanjutnya pada tahun 2024.

On 23 December 2023, RAC received 17 development proposals from developers for the eight (8) sites offered by RAC. RAC will proceed with the RFP evaluation and submit it for further approval in 2024.

PROJEK PEMBANGUNAN YANG BERJAYA DILAKSANAKAN

Sehingga penghujung 2023, RAC telah berjaya memeterai sebanyak empat (4) perjanjian projek pembangunan yang melibatkan tanah kereta api, di mana perjanjian tersebut terdiri daripada:

- Perjanjian Penyelesaian;
- Perjanjian Usaha Sama;
- Perjanjian Pembangunan; dan
- Perjanjian Persefahaman.

Keseluruhan projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

DEVELOPMENT PROJECTS SUCCESSFULLY IMPLEMENTED

By the end of 2023, RAC has successfully signed four (4) development agreements involving railway land.

- Settlement Agreement;*
- Joint Venture Agreement;*
- Development Agreement; and*
- Memorandum of Understanding.*

The details of the completed projects are as follows:

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API

RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING

PROJEK PROJECT	NAMA SYARIKAT COMPANY NAME	JENIS PULANGAN TYPE OF RETURNS	TARIKH PERJANJIAN DATE OF AGREEMENT	STATUS STATUS
Stesen Keretapi Kajang 2 <i>Kajang 2 Train Station</i>	Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.	<i>In Kind dan Tunai</i> <i>In Kind and Cash</i>	12 Oktober 2012 <i>12 October 2012</i>	Siap <i>Completed</i>
KL Eco City (Stesen Keretapi Abdullah Hukum) <i>(Abdullah Hukum Train Station)</i>	KL Eco City Sdn. Bhd.	<i>In Kind dan Tunai</i> <i>In Kind and Cash</i>	5 Mac 2013 <i>5 March 2013</i>	Siap <i>Completed</i>
Penang Sentral	Penang Sentral Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	11 Mac 2014 <i>11 March 2014</i>	Siap <i>Completed</i>
Menara Sentral RAC <i>RAC Sentral Tower</i>	Arah Asas Sdn. Bhd.	<i>In Kind</i>	7 Mac 2016 <i>7 March 2016</i>	Siap <i>Completed</i>
Lot 151, Pudu	LTS Skyline Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	8 November 2019	Peringkat Bayaran <i>Payment Stage</i>
Usaha sama pembangunan tanah rizab kereta api di Perak <i>Joint development of railway reserve land in Perak</i>	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI Perak)	NIL	23 Ogos 2021 <i>23 August 2021</i> 19 Mac 2022 <i>19 March 2022</i>	Memorandum Of Understanding (MOU) Memorandum Of Agreement (MOA)
Hotel Majestic, Ipoh <i>Majestic Hotel, Ipoh</i>	Maju Jaya Hebat Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	10 Februari 2020 <i>10 February 2020</i>	Perjanjian Ditamatkan <i>Agreement Ended</i>
Lot 315, Chan Sow Lin	Tanjung Ratna Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	26 Oktober 2022 <i>26 October 2022</i>	Memorandum Of Development Agreement (MODA)
Penyelesaian Isu Tanah Rizab <i>Reserve Land Issues Resolution</i>	Perbadanan PR1MA Malaysia	<i>In Kind</i>	2 Mei 2023 <i>2 May 2023</i>	Perjanjian Penyelesaian <i>Settlement Agreement</i>
Cadangan Pembangunan Ipoh Sentral <i>Ipoh Sentral Development Proposal</i>	Silver Smart Sdn. Bhd.	<i>In Kind dan Tunai</i> <i>In Kind and Cash</i>	10 Mei 2023 <i>10 May 2023</i>	Perjanjian Usaha Sama <i>Collaboration Agreement</i>
Stesen Segambut 2 <i>Segambut 2 Station</i>	IDP Development Sdn. Bhd.	<i>In Kind</i>	24 Ogos 2023 <i>24 August 2023</i>	Perjanjian Pembangunan <i>Development Agreement</i>
Usahasama pembangunan tanah rizab <i>Railway reserve land development collaboration</i>	MBI Selangor	NIL	28 Disember 2023 <i>28 December 2023</i>	Memorandum Of Understanding (MOU)

Jadual 10: Jumlah pembangunan yang telah dimuktamadkan melibatkan tanah rizab kereta api dan tanah hak milik RAC dari tahun 2012 hingga 2023

Table 10: Total finalised developments involving railway reserve land and RAC-owned land from 2012 to 2023

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING

Selain daripada kejayaan memeterai perjanjian projek pembangunan dengan pihak luar, tahun 2023 juga menjadi detik yang bersejarah untuk RAC apabila Stesen Keretapi Kajang 2 yang dibina hasil kerjasama bersama dengan Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB) telah berjaya disiapkan dan dibuka untuk operasi kepada orang ramai bermula 13 April 2023. Pada waktu yang sama juga, RAC melalui Projek Pembangunan Tanah Lot 151, kini dalam proses penerimaan pembayaran secara berperingkat yang bermula daripada 2021 sehingga 2024 daripada LTS Skyline Sdn. Bhd.

In addition to successfully signing development agreements with external parties, 2023 marked a historic moment for RAC with the completion and public opening of the Kajang 2 Railway Station. This station, built in collaboration with Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB), began operations on 13 April 2023. At the same time, RAC, through the Lot 151 Development Project, is in the process of receiving phased payments from LTS Skyline Sdn. Bhd. from 2021 to 2024.

PENCAPAIAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN PROJEK-PROJEK KERETA API

ACHIEVEMENTS IN PLANNING AND DEVELOPMENT OF RAILWAY PROJECTS

01

PEMBANGUNAN BERKONSEPKAN TOD MELALUI KOLABORASI RAC DAN SSI PERAK BAGI PROJEK IPOH SENTRAL

TRANSIT-ORIENTED DEVELOPMENT (TOD) COLLABORATION BETWEEN RAC AND SSI PERAK FOR THE IPOH SENTRAL PROJECT

Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral (PPHIS) merupakan cadangan pembangunan berdasarkan kolaborasi antara RAC dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI Perak). Tapak cadangan pembangunan ini adalah terletak di sebahagian Lot 75886 dan 75887, Daerah Kinta, Perak dengan keluasan sebanyak 65.60 ekar (2,857,536 kaki persegi).

Cadangan PPHIS ini adalah berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD) dengan anggaran garis masa pelaksanaan projek selama 20 tahun. Cadangan dianggarkan *Gross Development Value* (GDV) untuk keseluruhan pembangunan ini adalah sebanyak RM3 bilion hingga RM5 bilion yang berpotensi menjadi mercu tanda dan memberi impak positif kepada landskap pembangunan di Ipoh.

Memorandum Perjanjian antara RAC dan SSI Perak telah selesai ditandatangani pada 19 Mac 2022. Struktur kolaborasi antara RAC dan SSI Perak yang dicadangkan adalah dengan penubuhan anak syarikat (*Joint Venture Company*, JV Co.) dengan perkongsian hasil pulangan sebanyak 50:50.

The Ipoh Sentral Property Development Project (PPHIS) is a proposed development based on a collaboration between RAC and the Perak State Secretary Corporation (SSI Perak). The proposed development site is located on part of Lot 75886 and 75887, Kinta District, Perak, with an area of 65.60 acres (2,857,536 square feet).

The PPHIS proposal follows a Transit-Oriented Development (TOD) concept, with an estimated project timeline of 20 years. The estimated Gross Development Value (GDV) for the entire development is between RM3 billion and RM5 billion, with the potential to become a landmark and positively impact the development landscape in Ipoh.

The Memorandum of Agreement between RAC and SSI Perak was successfully signed on 19 March 2022. The proposed collaboration structure between RAC and SSI Perak involves the establishment of a joint venture company (JV Co.) with a 50:50 profit-sharing arrangement.

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API

RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING

Justeru, pada 10 Mei 2023 *Joint Venture and Shareholder's Agreement* (JVSHA) telah dimeterai antara syarikat milikan penuh RAC iaitu RAHSB dengan anak syarikat SSI Perak iaitu Silver Smart Sdn. Bhd. (SSSB). Lanjutan itu, Ipoh Sentral Sdn. Bhd. (ISSB) telah ditubuhkan pada 26 Julai 2023 sebagai SPV kepada pelaksanaan projek Pembangunan ini.

Thus, on 10 May 2023, the *Joint Venture and Shareholder's Agreement* (JVSHA) was signed between RAC's wholly-owned subsidiary, RAHSB, and SSI Perak's subsidiary, Silver Smart Sdn. Bhd. (SSSB). Subsequently, Ipoh Sentral Sdn. Bhd. (ISSB) was established on 26 July 2023 as the Special Purpose Vehicle (SPV) for the implementation of the Development Project.



Gambar 6: Majlis Menandatangani MOA Antara RAC dan SSI Perak

Picture 6: MOA Signing Ceremony Between RAC and SSI Perak



Gambar 7: Pelan Cadangan Tapak Pembangunan Ipoh Sentral

Picture 7: Proposed Site Plan for Ipoh Sentral Development

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PLANNING

02

SESI LIBAT URUS BERSAMA PLANMALAYSIA NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI PENGUBAHAN ZON GUNA TANAH SERTA MENAIKTARAF KELAS GUNA TANAH KE ATAS TANAH RIZAB DAN HAK MILIK RAC

STAKEHOLDER ENGAGEMENT SESSIONS WITH PLANMALAYSIA AND LOCAL AUTHORITIES FOR LAND USE ZONING CHANGES AND CLASS UPGRADE OF RAC'S RESERVE AND OWNED LAND

Sejak tahun 2019, RAC banyak bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan dokumen, Rancangan Tempatan Daerah (RTD Penggantian) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).

Penglibatan RAC ini secara langsung dapat memastikan kepentingan tanah-tanah di bawah kawal seliaan RAC adalah terpelihara dan dikemaskini selaras dengan keperluan dan permintaan semasa. Penglibatan RAC pada tahun ini adalah tinggi kerana kebanyakan rancangan-rancangan tempatan akan tamat dalam masa terdekat. Oleh itu, RAC sebagai pihak berkepentingan telah memberi pandangan, bantahan, ulasan sehingga penyempurnaan dokumen-dokumen tersebut. Skop kerja yang terlibat adalah perancangan zon guna tanah, cadangan jajaran kereta api baharu, cadangan stesen kereta api baharu, bangunan-bangunan bersejarah dan lain-lain yang berkaitan.

Sehubungan itu, penglibatan RAC pada tahun 2023 bersama pihak PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di bawah:

- (i) Ibu Pejabat PLANMalaysia, Putrajaya;
- (ii) PLANMalaysia@Selangor;
- (iii) PLANMalaysia@Kelantan;
- (iv) PLANMalaysia@Pahang;
- (v) PLANMalaysia@Negeri Sembilan;
- (vi) Majlis Perbandaran Kangar (MPK);
- (vii) Majlis Daerah Pendang (MDP);
- (viii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
- (ix) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);
- (x) Majlis Perbandaran Jasin;
- (xi) Majlis Perbandaran Temerloh;
- (xii) Majlis Daerah Tumpat;
- (xiii) Majlis Perbandaran Klang; dan
- (xiv) Majlis Daerah Jerantut.

Since 2019, RAC has been actively collaborating with Local Authorities (PBT) in preparing documents, Replacement District Local Plans (RTD), and Special Area Plans (RKK).

This involvement ensures that the interests of lands under RAC's management are preserved and updated according to current needs and demands. RAC's engagement has been significant this year as many local plans are nearing completion. Therefore, as a key stakeholder, RAC has provided feedback, objections, and comments until the finalisation of these documents. The scope of work includes land use zoning planning, proposals for new railway alignments, new railway stations, historical buildings, and other related matters.

In 2023, RAC's involvement with PLANMalaysia Negeri and Local Authorities included:

- (i) PLANMalaysia Headquarters, Putrajaya;
- (ii) PLANMalaysia@Selangor;
- (iii) PLANMalaysia@Kelantan;
- (iv) PLANMalaysia@Pahang;
- (v) PLANMalaysia@Negeri Sembilan;
- (vi) Perbandaran Kangar Municipal Council (MPK);
- (vii) Pendang District Council (MDP);
- (viii) Kuala Lumpur City Hall (DBKL);
- (ix) Penang City Council (MBPP);
- (x) Jasin Municipal Council;
- (xi) Temerloh Municipal Council;
- (xii) Tumpat District Council;
- (xiii) Klang Municipal Council; and
- (xiv) Jerantut District Council.

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

Selaras dengan fungsi dan peranan RAC sebagai pemilik dan pengurus aset, Perbadanan ini komited untuk memastikan penyediaan peruntukan tahunan yang mencukupi. Ini bagi memastikan semua projek pembangunan infrastruktur dan perkeretaapian yang sedang dalam fasa pembinaan dapat diteruskan mengikut perancangan.

Perbelanjaan pembangunan perlu diuruskan dengan cekap dan efisien bagi memastikan pemantauan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh RAC mengikut jadual, menepati kos yang diluluskan, *value for money* serta menepati spesifikasi atau skop kerja yang ditetapkan.

Beberapa projek pembangunan telah dilaksanakan di bawah peruntukan Kumpulan Wang RAC dan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Rolling Plan Tiga (RP3) Tahun 2023 di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), MOT.

Pecahan projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan kereta api yang telah dilaksanakan mengikut komponen peruntukan Kumpulan Wang RAC dan RP3, RMKE-12 tahun 2023 adalah seperti berikut:

In line with its role as the owner and manager of assets, RAC is committed to ensuring adequate annual allocations. This ensures that all railway and infrastructure development projects in the construction phase can proceed as planned.

Development expenditures must be managed efficiently and effectively to ensure that the monitoring and implementation of projects by RAC adhere to the schedule, approved costs, value for money, and meet the specified specifications or scope of work.

Several development projects have been undertaken under the RAC Fund and Federal Government allocation through the Rolling Plan Three (RP3) for 2023 under the Twelfth Malaysia Plan (12MP), MOT.

The breakdown of railway infrastructure and facilities development projects that have been implemented according to the RAC Group Fund allocation and RP3, 12MP for the year 2023 is as follows:

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

PERUNTUKAN KUMPULAN WANG RAC RAC GROUP FUND ALLOCATION

- Projek Membina Baharu DMU di Jajaran Kereta Api Sektor Pantai Timur:
DMU New Construction Project on the East Coast Sector Railway Line:
 1. Platform Bukit Abu
Bukit Abu Platform
 2. Platform Bunut Susu
Bunut Susu Platform
 3. Platform Sri Mahligai
Sri Mahligai Platform
 4. Platform Kg. Baru Sg. Mengkuang
Kg. Baru Sg. Mengkuang Platform
 5. Platform Ulu Temiang
Ulu Temiang Platform
 6. Platform Kuala Gris
Kuala Gris Platform
 7. Platform Limau Kasturi
Limau Kasturi Platform
 8. Platform Sg. Temau
Sg. Temau Platform
- Projek Membina Lif dan Menaiktaraf Kemudahan OKU di Stesen Keretapi Batu Gajah
Construction of Elevators and Upgrading of Facilities for OKU at Batu Gajah Railway Station Project
- Projek Pemuliharaan Bangunan Stesen Keretapi Seremban
Seremban Railway Station Building Conservation Project
- Projek Pembinaan Viaduct Kempas
Kempas Viaduct Construction Project

PERUNTUKAN KUMPULAN WANG RAC RAC GROUP FUND ALLOCATION


- Projek Membina Baharu Kuarters Tanah Merah & Tempat Letak Kereta di Stesen Keretapi Tanah Merah
New Quarters and Parking Facilities at Tanah Merah Railway Station Construction Project
- Projek Kemudahan Lif:
Elevator Facility Project:
 1. Lif Stesen Bukit Ketri
Bukit Ketri Station Elevator
 2. Lif Stesen Sungkai
Sungkai Station Elevator
 3. Lif Stesen Slim River
Slim River Station Elevator
 4. Lif Stesen Rasa
Rasa Station Elevator
 5. Lif Stesen Batang Kali
Batang Kali Station Elevator
 6. Lif Stesen Serendah
Serendah Station Elevator

PENSWASTAAN PRIVATISATION

- Stesen Keretapi Kajang 2
Kajang 2 Train Station
- Menara Sentral RAC
RAC Sentral Tower

GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RP3, RMKe-12) FEDERAL GOVERNMENT GRANTS (RP3, 12MP)

- Projek Park & Ride Rawang
Rawang Park & Ride Project
- Projek Pembinaan Platform Pantai Timur:
East Coast Platform Construction Project
 1. Platform Pahi
Pahi Platform
 2. Platform Bukit Panau
Bukit Panau Platform
 3. Platform Sg. Nal
Sg. Nal Platform
 4. Platform Bertam Baru
Bertam Baru Platform
 5. Platform Kemubu
Kemubu Platform
 6. Platform Sg. Keladi
Sg. Keladi Platform
 7. Platform Kuala Krau
Kuala Krau Platform
 8. Platform Bukit Betong
Bukit Betong Platform
- Projek Membina Lif dan Menaiktaraf Kemudahan OKU di Stesen Padang Besar
Construction of Elevators and Upgrading of Facilities for OKU at Padang Besar Station Project



PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

PERUNTUKAN KUMPULAN WANG RAC

Berikut adalah projek-projek yang dilaksanakan menggunakan Kumpulan Wang RAC:

RAC GROUP FUND ALLOCATION

Below are projects implemented through RAC Group Fund allocation:

01

PROJEK MEMBINA BAHARU PLATFORM TREN DIESEL MULTIPLE UNIT (DMU) DI JAJARAN KERETA API SEKTOR PANTAI TIMUR

DMU NEW CONSTRUCTION PROJECT ON THE EAST COAST SECTOR RAILWAY LINE

Susulan pihak Kerajaan melalui MOT menyediakan kemudahan tren baharu iaitu jenis Diesel Multiple Unit (DMU) yang lebih baik dan cepat untuk laluan Sektor Pantai Timur, keperluan bagi penyediaan platform baharu dan menaik taraf platform sedia ada perlu dilaksanakan bagi memenuhi piawaian (standard) teknikal serta kemudahan kepada penumpang untuk menaiki tren DMU dengan selesa dan selamat.

Sebanyak 37 buah lokasi stesen dan hentian kecil telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pembinaan platform ini secara berfasa iaitu melalui empat (4) fasa.

RAC telah memperuntukkan sebanyak RM2.78 juta melalui peruntukan Kumpulan Wang RAC bagi membiayai pembinaan platform Fasa 1. Pembinaan platform Fasa 1 ini telah bermula pada suku akhir tahun 2022 dan berjaya disiapkan sepenuhnya pada suku pertama tahun 2023. Terdapat 8 lokasi hentian yang terlibat iaitu di Bukit Abu, Bunut Susu, Sri Mahligai, Kg. Baru Sg. Mengkuang, Ulu Temiang, Kuala Gris, Limau Kasturi dan Sg. Temau.

Following the government's provision of the new and improved Diesel Multiple Unit (DMU) trains for the East Coast Sector by the MOT, there is a need to construct new platforms and upgrade existing ones. This is essential to meet technical standards and provide passengers with the convenience and safety standard required to board the DMU trains comfortably.

A total of 37 station and stop locations have been identified for phased platform construction, which will be carried out in four (4) phases.

RAC has allocated RM2.78 million from the RAC Group Fund to finance the construction of Phase 1 platforms. This construction began in the last quarter of 2022 and was successfully completed in the first quarter of 2023. The eight stop locations involved in Phase 1 are Bukit Abu, Bunut Susu, Sri Mahligai, Kg. Baru Sg. Mengkuang, Ulu Temiang, Kuala Gris, Limau Kasturi, and Sg. Temau.



Gambar 8: Platform tren Diesel Multiple Unit di Jajaran Kereta Api Sektor Pantai Timur
Picture 8: Multiple Unit Diesel train platform at the East Coast Sector Train Line

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

02

PROJEK MEMBINA LIF DAN MENAIK TARAF KEMUDAHAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DI STESEN KERETAPI BATU GAJAH, PERAK
ELEVATORS CONSTRUCTION AND FACILITIES UPGRADE FOR PERSONS WITH DISABILITIES (OKU) PROJECT AT BATU GAJAH RAILWAY STATION, PERAK

Peruntukan Kumpulan Wang RAC bagi pelaksanaan Projek Menaik Taraf Kemudahan OKU di Stesen Keretapi Batu Gajah, Perak adalah sebanyak RM5.95 juta.

Pelaksanaan projek ini adalah memberi peluang kepada golongan OKU untuk bergerak dalam keadaan yang selesa dan menikmati semua infrastruktur seperti yang disediakan kepada penumpang lain. Selaras dengan pertambahan bilangan penumpang OKU, maka lebih banyak projek yang berkaitan dengan keperluan pengguna OKU perlu disediakan.

Projek ini juga akan memberi impak yang besar dalam meningkatkan persepsi dan jangkaan pengguna tren KTM terutamanya golongan OKU di Stesen Keretapi Batu Gajah setelah projek ini disiapkan.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Membina baharu tandas dengan spesifikasi OKU;
- Membina kemudahan lif dengan spesifikasi OKU; dan
- Memasang laluan *tactile* untuk kegunaan OKU.

The RAC Group Fund allocation for the implementation of the PWD Facility Upgrade Project at Batu Gajah Railway Station, Perak, amounts to RM5.95 million.

The implementation of this project aims to provide OKU the opportunity to move comfortably and enjoy all infrastructure, similar to other passengers. In line with the increasing number of PWD passengers, more projects addressing the needs of OKU users must be developed.

The impact of the project will significantly improves the perception and expectations of KTM train users, especially the OKU, at Batu Gajah Railway Station once the project is completed.

The facilities provided under this project include:

- *Constructing new toilets with OKU specifications;*
- *Building elevators with OKU specifications; and*
- *Installing tactile pathways for OKU usage.*

MAKLUMAT PROJEK PROJECT INFORMATION	
Tarikh Mula Starting Date	22 Mac 2023 22 March 2023
Tarikh Siap Semasa Current Completion Date	18 Mac 2025 18 March 2023
Tempoh Pelaksanaan Projek Project Completion Duration	104 Minggu 104 Weeks
Status	Dalam Pembinaan Under Construction

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES



Gambar 9: Kerja-kerja membina lif dan kemudahan OKU di Stesen Batu Gajah, Perak
Picture 9: Elevators and OKU facilities construction at Batu Gajah Station, Perak

03

PROJEK MEMBAIKPULIH BANGUNAN STESEN KERETAPI SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN SEREMBAN RAILWAY STATION RESTORATION PROJECT, NEGERI SEMBILAN

Sebanyak RM9.57 juta telah diperuntukkan bagi projek membaik pulih bangunan Stesen Keretapi Seremban. Ia adalah selaras dengan hasrat MOT untuk membangunkan semula Stesen Keretapi Seremban sebagai sebuah stesen pengangkutan awam bersepadu.

Projek yang akan dilaksanakan oleh RAC ini adalah selari dengan konsep pembangunan Residensi Seremban Sentral berhampiran yang telah pun disiapkan.

Pelaksanaan projek ini bertujuan untuk mengekalkan dan memulihara bangunan Stesen Keretapi Seremban yang telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Selain itu, Menara Jam Seremban juga merupakan salah satu mercu tanda yang terbesar di Malaysia ketika zaman 80-an.

Oleh itu projek ini tidak akan menjejaskan bahagian bangunan yang mempunyai nilai warisan yang tersendiri. Fasad (bahagian depan) stesen lama tidak akan disentuh demi menjaga dan memulihara sejarahnya dan kerja naik taraf pula akan dipantau oleh JWN.

A total of RM9.57 million has been allocated for the restoration project of the Seremban Railway Station. This initiative aligns with the MOT aim to redevelop the Seremban Railway Station as an integrated public transportation hub.

The project, undertaken by the RAC, complements the nearby Seremban Sentral Residences, which have already been completed.

The project seeks to preserve and restore the Seremban Railway Station, which has been gazetted as a National Heritage Building by the National Heritage Department (JWN). Additionally, the Seremban Clock Tower, one of Malaysia's iconic landmarks during the 1980s, will be preserved.

This restoration effort will not affect parts of the building with significant heritage value. The façade of the old station will remain untouched to safeguard its historical essence, with upgrade works being closely monitored by JWN.

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

RAC telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana projek. JKR komited dalam melaksanakan projek ini bersama Lembaga Perindustrian Kayu (MTIB) dan JWN dengan penyediaan Laporan Verifikasi Kayu dan Laporan Kajian Dilapidasi.

Skop projek ini adalah untuk membaik pulih stesen lama termasuk bumbung, siling, lantai, menara jam dan juga menaik taraf sistem seperti sistem mekanikal, elektrik dan perparitan longkang.

RAC has appointed the Public Works Department (JKR) as the project's implementing agency. JKR, in collaboration with the Malaysian Timber Industry Board (MTIB) and JWN, is committed to ensuring the project's success, supported by the Wood Verification Report and Dilapidation Study Report.

The project scope includes the restoration of the old station's roof, ceilings, floors, clock tower, and the upgrading of essential systems such as mechanical, electrical, and drainage systems.

MAKLUMAT PROJEK PROJECT INFORMATION	
Tarikh Mula Starting Date	11 Januari 2023 11 January 2023
Tarikh Siap Semasa Current Completion Date	7 Januari 2025 7 January 2025
Tempoh Pelaksanaan Projek Project Completion Duration	104 Minggu 104 Weeks
Status	Dalam Pembinaan Under Construction



Gambar 10: Kerja-kerja membaikpulih bangunan Stesen Keretapi Seremban
Picture 10: Restoration work on the Seremban Railway Station building

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

04

CADANGAN MEREKA BENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN VIADUCT MERENTASI DEPOH KEMPAS BARU DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH RIZAB KERETA API DAN SEBAHAGIAN TANAH HAK MILIK RAC PTD 40050, KEMPAS, MUKIM TEBRAU, JOHOR BAHRU, JOHOR

PROPOSAL FOR THE DESIGN, CONSTRUCTION, AND COMPLETION OF A VIADUCT SPANNING ACROSS THE NEW KEMPAS DEPOT ON PART OF THE RAILWAY RESERVE LAND AND RAC-OWNED LAND (PTD 40050), KEMPAS, MUKIM TEBRAU, JOHOR BAHRU, JOHOR

Perbadanan ini telah memperuntukkan Kumpulan Wang RAC sebanyak RM66,439,448.15 bagi projek pembinaan *Viaduct* merentasi Depoh Kempas Baru ke kawasan hartanah milik RAC yang akan dibangunkan secara TOD.

Projek ini bertujuan untuk menyediakan akses kepada tanah hak milik RAC yang akan dibangunkan kelak. Secara tidak langsung, penyediaan infrastruktur *Viaduct* ini dapat menaikkan lagi potensi tanah RAC kepada pembangunan akan datang dengan menarik lebih minat pemaju-pemaju hartanah.

RAC has allocated RM66,439,448.15 from the RAC Fund for the construction of a Viaduct that will span across the New Kempas Depot and extend to RAC-owned land, which is slated for future TOD.

This project aims to provide access to RAC-owned land designated for future development. The construction of this Viaduct infrastructure will significantly increase the potential of RAC's land by attracting more interest from real estate developers for future projects.

MAKLUMAT PROJEK PROJECT INFORMATION	
Tarikh Mula Starting Date	30 Disember 2022 30 December 2022
Tarikh Siap Semasa Current Completion Date	29 Disember 2025 29 December 2025
Tempoh Pelaksanaan Projek Project Completion Duration	36 bulan 36 months
Status	Dalam Pembinaan Under Construction



Gambar 11: Pembinaan tiang bagi Pier 4. Pasukan Projek RAC memeriksa permukaan tiang yang dibina sesudah siap kerja konkrit.

Picture 11: Construction of the column for Pier 4. The RAC Project team inspects the surface of the column after the completion of concrete works.



Gambar 12: Kerja-kerja konkrit berperingkat Pier 5 sedang dijalankan.

Picture 12: Staged concrete works for Pier 5 are in progress.

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

05

PROJEK MEMBINA BAHARU 15 UNIT KUARTERS, KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI STESEN KERETAPI TANAH MERAH, KELANTAN
15 NEW QUARTERS, PARKING AREA, AND OTHER RELATED WORKS CONSTRUCTION PROJECT AT TANAH MERAH RAILWAY STATION, KELANTAN

Fokus projek ini adalah untuk menyediakan prasarana bandar dan luar bandar yang lebih ekonomik, selesa serta mewujudkan persekitaran hidup, kerja dan riadah yang lebih berkualiti, selamat, sejahtera dan beridentiti.

Sebanyak RM4.455 juta telah diperuntukkan bagi projek membina baharu 15 unit kuarters RAC dan menaik taraf kawasan tempat letak kereta di Stesen Keretapi Tanah Merah, Kelantan. Pihak Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) turut telah memberikan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bagi projek yang akan dibangunkan oleh RAC.

Skop kerja projek adalah merangkumi pembinaan 15 unit kuarters RAC di Taman Jaza Perdana yang berkonsepkan rumah teres satu (1) tingkat bersaiz 20' x 75' kaki persegi dilengkapi dengan tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air. Selain daripada itu, skop projek juga termasuk kerja membaiki pulih 50 unit petak kawasan tempat letak kereta terbuka di Stesen Keretapi Tanah Merah dengan keluasan tempat letak kereta sebesar 2400mm x 5000mm.

Pada suku akhir tahun 2023, projek ini masih dalam peringkat reka bentuk. Seterusnya, Surat Setuju Terima (SST) projek ini dijangka dikeluarkan pada Jun 2024.

The focus of the project is to provide a more economical and comfortable urban and rural infrastructure, creating a higher quality, safer, and more vibrant living, working, and recreational environment.

A total of RM4.455 million has been allocated for the construction of 15 new RAC quarters and the upgrading of the parking area at Tanah Merah Railway Station, Kelantan. The Tanah Merah District Council (MDTM) has also granted Planning Permission (PP) for the project, which will be developed by RAC.

The scope of the project includes the construction of 15 RAC quarters in Taman Jaza Perdana, designed as single-storey terrace houses measuring 20' x 75' square feet, each completed with three (3) bedrooms and two (2) bathrooms. Additionally, the project includes the renovation of 50 parking bays at Tanah Merah Railway Station, with each parking space measuring 2400mm x 5000mm.

As of the end of 2023, the project is still in the design phase. The Letter of Acceptance (LOA) for this project is expected to be issued in June 2024.



Gambar 13: Cadangan pelan tapak & pelan lantai bagi membina baharu 15 unit kuarters RAC
Picture 13: Proposed site and floor plans for the construction of 15 new RAC quarters units.

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

06

PROJEK PEMBINAAN LIF SERTA LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI STESEN KERETA API DI JAJARAN GEMAS KE PADANG BESAR

ELEVATOR AND OTHER FACILITIES CONSTRUCTION PROJECT AT RAILWAY STATIONS ALONG THE GEMAS TO PADANG BESAR LINE

RAC telah menyediakan peruntukan sebanyak RM17 juta bagi projek pembinaan lif di enam (6) buah stesen kereta api. Pelaksanaan projek ini adalah selaras dengan mandat YB Loke Siew Fook agar RAC menyediakan kemudahan lif di semua stesen kereta api.

Berdasarkan lawatan kerja YB Menteri Pengangkutan terdahulu pada 1 Mac 2023 di Stesen Keretapi Butterworth ke Stesen Keretapi Bukit Mertajam, Pulau Pinang, YBM telah menyampaikan mandatnya bahawa MOT komited dalam memastikan setiap stesen pihak KTMB di seluruh negara dilengkapi dengan kemudahan asas seperti lif. Beliau turut memaklumkan bahawa langkah untuk menaiktaraf stesen-stesen perlu dibincangkan dengan lebih lanjut bersama pihak RAC kerana ia melibatkan banyak sumber selain peruntukan yang tinggi.

Projek ini memberi impak yang besar kepada rakyat terutama golongan OKU, warga emas, ibu mengandung dan keseluruhan pengguna perkhidmatan kereta api.

RAC has allocated RM17 million for the elevator construction project at six (6) railway stations. This project is in line with the mandate from YB Loke Siew Fook, for RAC to provide elevator facilities at all railway stations.

Following a working visit by YB Minister of Transport on 1 March 2023, from Butterworth Railway Station to Bukit Mertajam Railway Station in Penang, YBM conveyed the mandate that the MOT is committed to ensuring that every station under KTMB across the country is equipped with basic facilities such as elevators. He also indicated that upgrading stations needs further discussion with RAC as it involves significant resources and high funding.

This project has a significant impact on the public, particularly on OKU, the elderly, pregnant women, and all railway service users.



Gambar 14: Lawatan tapak bersama pihak KTMB bagi mengumpulkan data di lapangan stesen-stesen kereta api yang memerlukan kemudahan lif

Picture 14: Site visit with KTMB representatives to gather data on stations requiring elevator facilities

**PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN
KERETA API**
**INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY
FACILITIES**

MAKLUMAT PROJEK <i>PROJECT INFORMATION</i>	
Lokasi (6) <i>Locations (6)</i>	a) Stesen Bukit Ketri <i>Bukit Ketri Station</i> b) Stesen Sungkai <i>Sungkai Station</i> c) Stesen Slim River <i>Slim River Station</i> d) Stesen Rasa <i>Rasa Station</i> e) Stesen Serendah <i>Serendah Station</i> f) Stesen Batang Kali <i>Batang Kali Station</i>
Tarikh Mula <i>Starting Date</i>	20 November 2023
Tarikh Siap Semasa <i>Current Completion Date</i>	19 November 2024
Tempoh Pelaksanaan Projek <i>Project Completion Duration</i>	12 bulan <i>12 months</i>
Status	Dalam Pembinaan <i>Under Construction</i>

STESEN BUKIT KETRI *BUKIT KETRI STATION*



STESEN SUNKAI *SUNKAI STATION*



PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

STESEN SLIM RIVER *SLIM RIVER STATION*



STESEN RASA *RASA STATION*



STESEN SERENDAH *SERENDAH STATION*



STESEN BATANG KALI *BATANG KALI STATION*



Gambar 15: Lukisan perspektif projek
Picture 15: Project perspective drawings

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

**GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
(RP3, RMKe-12)**

**FEDERAL GOVERNMENT GRANT
(RP3, MP12)**



PARK & RIDE RAWANG RAWANG PARK & RIDE

Inisiatif pihak Kerajaan dalam pembangunan projek Park & Ride di Stesen Keretapi Rawang adalah bertujuan untuk meningkatkan kemudahan awam di stesen keretapi dan menggalakkan penggunaan pengangkutan rel sebagai pilihan utama rakyat.

Melalui konsep ini, sebuah bangunan parkir secara bertingkat akan dibina bersama kemudahan-kemudahan lain seperti kawasan drop-off zone bagi perkhidmatan bas, teksi dan kenderaan awam serta kemudahan berkaitan yang lebih selamat dan selesa.

Kerajaan telah memperuntukan RM54 juta bagi merealisasikan projek ini sebagai galakan kepada rakyat setempat menggunakan perkhidmatan tren komuter bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Pembinaan projek ini telah bermula pada 8 November 2022 dan tempoh siap dijangka pada 10 November 2025.

The Government's initiative in developing the Park & Ride project at Rawang Railway Station aims to enhance public facilities at the railway station and encourage the use of rail transportation as the preferred choice for the public.

Under this concept, a multi-storey parking building will be constructed, along with additional facilities such as a drop-off zone for buses, taxis, and public vehicles, as well as other related amenities to ensure safety and comfort.

The Government has allocated RM54 million to realise this project as an encouragement for local residents to use commuter train services, thereby reducing traffic congestion in Kuala Lumpur.

Construction of this project began on 8 November 2022, with the expected completion by 10 November 2025.

MAKLUMAT PROJEK PROJECT INFORMATION	
Tarikh Mula <i>Starting Date</i>	8 November 2022
Tarikh Siap Semasa <i>Current Completion Date</i>	10 November 2025
Tempoh Pelaksanaan Projek <i>Project Completion Duration</i>	36 bulan <i>36 months</i>
Status	Dalam Pembinaan <i>Under Construction</i>

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN
KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY
FACILITIES



Gambar 16: Gambar tapak bagi Projek Park & Ride Rawang
Picture 16: Pictures of Rawang Park & Ride Project

02

PROJEK PEMBINAAN PLATFORM PANTAI TIMUR
EAST COAST PLATFORM CONSTRUCTION PROJECT

Sebanyak RM19.5 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan platform Fasa 2 melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah RP3, RM Ke-12, MOT. Sebanyak sembilan (9) lokasi yang melibatkan tiga (3) stesen dan enam (6) hentian terlibat dalam fasa ini. Selaras itu, kerja-kerja pembinaan untuk satu (1) stesen iaitu Bertam Baru dan lima (5) hentian iaitu di Pahi, Bukit Panau, Kemubu, Sg. Keladi dan Sg. Nal telah dimulakan pada suku ketiga tahun 2023.

Bagi pembinaan dua (2) stesen iaitu Dabong dan Kuala Krau dan satu (1) hentian iaitu Bukit Betong akan dilaksanakan pada tahun 2024.

An allocation of RM19.5 million has been set aside for the construction of Phase 2 platforms under the Federal Government grant as part of RP3, MP12, MOT. This phase involves nine (9) locations, including three (3) stations and six (6) stops. Accordingly, construction work for one (1) station, Bertam Baru and five (5) stops, Pahi, Bukit Panau, Kemubu, Sg. Keladi, and Sg. Nal commenced in the third quarter of 2023.

The construction of two (2) stations, Dabong and Kuala Krau, and one (1) stop, Bukit Betong, is scheduled to begin in 2024.

MAKLUMAT PROJEK PROJECT INFORMATION						
Lokasi Location	Platform Bertam Baru Bertam Baru Platform	Platform Pahi Pahi Platform	Platform Bukit Panau Bukit Panau Platform	Platform Kemubu Kemubu Platform	Platform Sg. Keladi Sg. Keladi Platform	Platform Sg. Nal Sg. Nal Platform
Tarikh Mula Starting Date	19 September 2023	10 Julai 2023 10 July 2023	27 Ogos 2023 27 August 2023	24 Julai 2023 24 July 2023	18 September 2023	24 Julai 2023 24 July 2023
Tarikh Siap Completion Date	28 Mei 2024 28 May 2024	18 Mac 2024 18 March 2024	21 April 2024	1 April 2024	27 Mei 2024 27 May 2024	18 Mac 2024 18 March 2024
Tempoh Duration	8 bulan 8 months					
Status	Dalam Pembinaan Under Construction					

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

PLATFORM BERTAM BARU BERTAM BARU PLATFORM



PLATFORM PAHI PAHI PLATFORM



PLATFORM BUKIT PANAU BUKIT PANAU PLATFORM



PLATFORM KEMUBU KEMUBU PLATFORM



PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

PLATFORM SG. KELADI SG. KELADI PLATFORM



PLATFORM SG. NAL SG. NAL PLATFORM



Gambar 17: Gambar tapak bagi Pembinaan Platform Pantai Timur
Picture 17: Site photo for the East Coast Platform Construction

03

PROJEK MEMBINA LIF DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN OKU DI STESEN KERETAPI PADANG BESAR, PERLIS

ELEVATORS CONSTRUCTION AND UPGRADE DISABILITY FACILITIES UPGRADING PROJECT AT PADANG BESAR RAILWAY STATION, PERLIS

Menjadi hasrat MOT bagi memastikan semua stesen kereta api di seluruh negara mempunyai kemudahan lif untuk memudahkan warga emas, wanita mengandung dan OKU menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

Dalam menjayakan hasrat ini, RAC telah melantik JKR sebagai agensi pelaksana projek ini. Pihak Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5.1 juta bagi pembiayaan projek membina lif dan menaik taraf kemudahan OKU di Stesen Keretapi Padang Besar, Perlis.

MOT aims to ensure that all railway stations nationwide are equipped with elevators to facilitate access for the elderly, pregnant women and OKU for using public transportation services.

RAC has appointed the JKR as the implementing agency for this project. The government has also approved a budget of RM5.1 million for the construction of elevators and upgrading disability facilities at Padang Besar Railway Station, Perlis.

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Membina dua (2) unit kemudahan lif dengan spesifikasi OKU; dan
- Memasang laluan *tactile* untuk kegunaan OKU

Projek ini masih dalam cadangan reka bentuk dan RAC telah mengemukakan pengesahan cadangan reka bentuk konsep kepada JKR pada 5 Oktober 2023.

Surat Setuju Terima (SST) bagi projek ini dijangka dikeluarkan pada Jun 2024. Seterusnya, projek membina baharu stesen ini akan mengambil masa 24 bulan dan dijangka siap pada Jun 2026.

The facilities provided will include:

- *Construction of two (2) elevators with OKU specifications; and*
- *Installation of tactile pathways for OKU usages.*

The project is currently in the design proposal stage, and RAC had submitted the concept design proposal for approval to JKR on 5 October 2023.

The Letter of Acceptance (SST) for the project is to be issued in June 2024. The construction of the new station is expected to take 24 months, with completion anticipated by June 2026.

PROJEK PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP DEVELOPMENT PROJECT

01

CADANGAN MENDIRIKAN BANGUNAN STESEN KOMUTER BERSEPADU KAJANG 2 YANG MENGANDUNGI: FASA 1 BANGUNAN STESEN KOMUTER 2 TINGKAT DENGAN KEMUDAHAN SOKONGAN TERMASUK PEJABAT PENGURUSAN, KIOSK JUALAN TIKET, PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN, SURAU DAN PENCAWANG ELEKTRIK TNB & JEJANTAS BERBUMBUNG KE PUSAT PERHENTIAN BAS KAJANG DI ATAS SEBAHAGIAN SIMPANAN PERBADANAN ASET KERETAPI DAN LOT 853, MUKIM KAJANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN PERBADANAN ASET KERETAPI
PROPOSAL TO CONSTRUCT KAJANG 2 INTEGRATED COMMUTER STATION INCLUDING: PHASE 1 OF A TWO-STORY COMMUTER STATION BUILDING WITH SUPPORTING FACILITIES INCLUDING MANAGEMENT OFFICES, TICKET SALES KIOSKS, TOURISM INFORMATION CENTRE, PRAYER ROOM, TNB ELECTRICAL SUBSTATION & COVERED PEDESTRIAN BRIDGE TO KAJANG BUS TERMINAL ON PART OF RAC'S LAND RESERVE AND LOT 853, MUKIM KAJANG, HULU LANGAT DISTRICT, SELANGOR DARUL EHSAN FOR THE BENEFIT OF RAILWAY ASSETS CORPORATION

Projek pembinaan Stesen Kereta Api Kajang 2 telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada 13 Mac 2023. Selaras dengan pengoperasian tersebut, YB Loke Siew Fook selaku Menteri Pengangkutan dan diiringi oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan telah merasmikan stesen keretapi ini pada 13 April 2023.

The Kajang 2 Railway Station construction project was completed and fully operational as of 13 March 2023. Following its operation, YB Loke Siew Fook, Minister of Transport, accompanied by YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Deputy Minister of Transport, officially inaugurated the railway station on 13 April 2023.

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

Stesen ini mempunyai kemampuan mengendalikan 400 penumpang pada satu-satu masa, dibina di atas kawasan seluas 4,868.13 meter persegi (m²) dan dilengkapi dengan kemudahan 500 lot tempat letak kenderaan, lapan (8) unit kiosk jualan, kemudahan mesra OKU seperti lif, eskalator dan *tactiles*, kamera pengawasan keselamatan, kawasan menurunkan penumpang (*drop-off area*) dan kemudahan asas seperti surau dan tandas serta platform berbumbung.

Stesen kereta api ini juga menghubungkan penduduk di kawasan perumahan Seksyen 5 Kajang melalui jejantas pejalan kaki lengkap dengan kemudahan lif merentasi Jalan Reko. Justeru, penyiapan projek ini dianggarkan mampu menjana ekonomi penduduk setempat dan pelaburan di kawasan sekitar yang turut menerima impak positif.

Projek usaha sama ini merupakan projek kedua yang dilaksanakan oleh RAC melalui kerjasama dengan pihak swasta iaitu Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB). Pihak RAC dan SKSB komited bekerjasama bagi melancarkan proses pembinaan stesen serta giat melaksanakan penambahbaikan stesen bagi mempertingkatkan keselesaan pengguna.

The station has the capacity to handle 400 passengers at any one time, built on an area of 4,868.13 square meters (m²) and is equipped with facilities including 500 parking spaces, eight (8) sales kiosks, OKU friendly amenities such as elevators, escalators, and tactile paths, security surveillance cameras, a drop-off area, and basic facilities such as a prayer room and restrooms, as well as a covered platform.

The station also connects residents in the Seksyen 5 Kajang Residential Area via a pedestrian bridge with elevator facilities crossing Jalan Reko. Consequently, the completion of this project is expected to boost the local economy and attract investment in the surrounding area, having a positive impact.

This public-private partnership project is the second undertaken by RAC in collaboration with the private sector, specifically Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB). RAC and SKSB are committed to working together to streamline the station construction process and actively improve the station to enhance user comfort.



Pandangan Stesen Kereta Api Kajang 2 dari Jalan Reko. Kawasan Perumahan Seksyen 5 Kajang dihubungkan dengan jejantas berbumbung.

View of Kajang 2 Railway Station from Jalan Reko. The covered overpass bridge connects to the residential area of Section 5, Kajang.

Stesen ini dilengkapi dengan kemudahan 500 lot tempat letak kenderaan.

The station is equipped with 500 parking lots for the convenience of visitors.



Gambar18: Gambar projek
Picture 18: Project pictures

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES



MENARA SENTRAL RAC RAC SENTRAL TOWER

Menara Sentral RAC adalah merupakan bangunan kebanggaan bagi Perbadanan Aset Keretapi di mana ia adalah menara pejabat yang pertama dibina oleh RAC melalui hasil kerjasama Arah Asas Bina Sdn. Bhd.

Pembinaan projek ini telah dimulakan pada suku kedua tahun 2019 dan mempunyai 22 tingkat bagi kegunaan pejabat, tujuh (7) tingkat bagi kemudahan parkir kenderaan dan satu (1) tingkat sebagai medan selera. Keseluruhannya, menara ini dibina setinggi 30 tingkat dan terletak di Lot PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur.

Berikut adalah kemudahan infrastruktur yang berada di Menara Sentral RAC:

- Pengguna boleh berjalan kaki untuk ke stesen KL Sentral, MRT, LRT dan KTM yang berhampiran;
- Pembangunan berorientasikan transit (TOD) berdekatan dengan pengangkutan awam, pusat beli-belah dan pusat perubatan;
- Susun atur yang fleksibel, pelan lantai yang luas dan praktikal dengan pilihan dari 6,200 kaki persegi hingga 8,000 kaki persegi;
- Mempunyai sistem keselamatan 4-peringkat bagi memastikan keselamatan dan sekuriti premis pengguna sepenuhnya;
- Mempunyai sehingga 200 tempat letak kereta dan motosikal yang terletak di aras 2 hingga 8 bangunan;
- Menara ini mesra mobiliti dan kebolehcapaian untuk Orang Kelainan Upaya; dan
- Menara ini juga telah dibina menepati sehingga 70% kaedah *Industrial Building System* (IBS) yang membolehkan ia diperakui sebagai bangunan hijau oleh *Green Building Index Certification* (GBI).

Projek pembinaan ini berhadapan dengan isu pendudukan penjaja yang menghalang pembinaan akses jalan keluar bangunan. Namun begitu, RAC berusaha mencari jalan penyelesaian bagi kepentingan semua pihak dalam penyiapan projek ini.

The RAC Sentral Tower stands as a point of pride for the Railway Assets Corporation (RAC), marking the first office tower constructed by RAC in collaboration with Arah Asas Bina Sdn. Bhd.

Construction of this project commenced in the second quarter of 2019, with the tower comprising 22 floors designated for office use, seven (7) levels for vehicle parking, and one (1) level for a food court. Overall, the tower reaches a height of 30 floors and is located at Lot PT26, Section 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur.

The infrastructure available at RAC Sentral Tower includes:

- *Walking distance to KL Sentral Station, MRT, LRT, and KTM lines;*
- *Transit-oriented development (TOD), conveniently located near public transportation, shopping malls, and medical centres;*
- *Flexible layout options with practical and spacious floor plans ranging from 6,200 to 8,000 square feet;*
- *Four-tier security system ensuring complete safety for occupants;*
- *Up to 200 parking spaces for cars and motorcycles located on levels 2 through 8 of the building;*
- *Mobility and accessibility-friendly facilities for persons with disabilities (OKU); and*
- *Built using up to 70% Industrial Building System (IBS) methods, enabling it to be certified as a green building by the Green Building Index Certification (GBI).*

The project faced challenges due to the presence of vendors obstructing the construction of the building's exit road. Nevertheless, RAC is working towards a solution that benefits all parties to ensure the successful completion of the project.

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES



Gambar 19: Menara Sentral RAC

Picture 19: The RAC Sentral Tower

PENUBUHAN UNIT REL

ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

Penubuhan Unit Rel adalah selaras dengan usaha kawalan dalaman RAC dalam memantapkan tadbir urus teknikal aset kereta api. Fungsi teras yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

The establishment of the Rail Unit aligns with RAC's internal control efforts to strengthen the technical governance of railway assets. The core functions carried out are as follows:

01

PENGURUSAN ASET TEKNIKAL REL YANG MAMPAN SUSTAINABLE MANAGEMENT OF RAIL TECHNICAL ASSETS

- Bertanggungjawab dalam pengurusan aset teknikal seperti stok kereta, sistem semboyan dan komunikasi, kejuruteraan landasan dan juga ICT (termasuk *automatic fare collection & ticket vending machine*);
- Bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara aset kereta api; dan
- Bertanggungjawab dalam membuat penilaian aset kereta api dan pengurusan *Request For Proposal* (RFP) bagi cadangan berkaitan industri rel.
- *Responsible for managing technical assets such as rolling stock, signaling and communication systems, track engineering, and ICT (including automatic fare collection and ticket vending machines);*
- *Responsible for managing and maintaining railway assets; and*
- *Responsible for conducting railway asset evaluations and managing Requests for Proposals (RFPs) related to rail industry proposals.*

02

PEMANTAUAN PROJEK-PROJEK REL KERAJAAN MONITORING GOVERNMENT RAIL PROJECTS

- Bertanggungjawab memantau dan membantu MOT bagi dalam pelaksanaan projek-projek rel yang melibatkan jajaran aset RAC seperti:
 - i. **Projek Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas ke Johor Bahru**
Projek ini dibina untuk melengkapkan jaringan landasan berkembar elektrik sedia ada di Malaysia. Laluan sepanjang 197 kilometer ini akan melengkapkan jaringan landasan berkembar elektrik yang bermula dari Padang Besar, Perlis hingga ke Stesen JB Sentral, Johor. Terdapat 11 Stesen kereta api yang terlibat dengan Right-of Way (ROW) RAC iaitu Segamat, Gemas, Labis, Bekok, Paloh, Kluang, Mengkibol, Renggam, Layang-Layang, Kulai, dan Kempas Baru.
- *Responsible for monitoring and assisting the Ministry of Transport (MOT) in the implementation of rail projects involving RAC asset alignments, such as:*
 - i. **Gemas to Johor Bahru Electrified Double Track Project (EDTP)**
This project is designed to complete the existing electrified double track network in Malaysia. Spanning 197 kilometers, the route will connect Padang Besar, Perlis, to JB Sentral Station, Johor. Eleven railway stations are involved within RAC's Right-of-Way (ROW): Segamat, Gemas, Labis, Bekok, Paloh, Kluang, Mengkibol, Renggam, Layang-Layang, Kulai, and Kempas Baru.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

ii. Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 1 (KVDT 1)

Projek ini yang bermula pada 2 November 2015 merangkumi kawasan liputan bermula dari Rawang hingga ke Salak Selatan serta Simpang Batu hingga ke Sentul. Skop kerja bagi projek ini adalah meliputi kerja-kerja naik taraf formasi dan struktur landasan bertalian atas, penambahbaikan sistem persemboyanan dan komunikasi, sistem elektrifikasi dan naik taraf kemudahan di 16 stesen bagi sektor Lembah Klang. RAC merupakan agensi yang memantautan membantu MOT dalam pelaksanaan projek ini yang terlibat dengan *Right-of Way* (ROW) RAC.

iii. Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2 (KVDT 2)

Kawasan liputan kerja bagi projek ini adalah bermula dari Salak Selatan hingga ke Seremban serta Simpang Pelabuhan Klang (SPK) hingga ke Port Klang dan juga Simpang Pelabuhan Klang Bypass. Skop kerja bagi projek ini adalah meliputi kerja-kerja naik taraf formasi dan struktur landasan bertalian atas, penambahbaikan sistem persemboyanan dan komunikasi, sistem elektrifikasi dan naik taraf kemudahan di 17 stesen bagi sektor Lembah Klang.

iv. Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

Projek ini merupakan projek laluan rel yang akan menghubungkan Klang Valley ke Pantai Timur melalui jaringan kereta api yang strategik. Projek ini dijangka dapat menghubungkan semua pusat bandar utama di Pantai Timur secara komprehensif dan pada masa yang sama menghubungkan rangkaian ini ke keseluruhan rangkaian kereta api di Semenanjung Malaysia. Ia juga akan menyediakan mod pengangkutan alternatif bagi pergerakan penumpang dan barangan di antara kedua-dua wilayah timur dan barat. Dalam hal ini terdapat tiga (3) kawasan yang terlibat dengan ROW RAC bagi projek ini iaitu Stesen Stesen Mentakab, Serendah dan Jalan Kastam.

ii. Klang Valley Double Track Upgrade Phase 1 (KVDT 1)

Commenced on 2 November 2015, this project covers areas from Rawang to Salak Selatan and Batu Junction to Sentul. The project scope includes upgrading track formation and structure, enhancing signaling and communication systems, electrification systems, and upgrading facilities at 16 stations within the Klang Valley sector. RAC serves as the monitoring and assisting agency for the MOT in implementing this project involving RAC's ROW.

iii. Klang Valley Double Track Upgrade Phase 2 (KVDT 2)

The project scope covers areas from Salak Selatan to Seremban and from Port Klang Junction (SPK) to Port Klang, including the Port Klang Junction Bypass. The works include upgrading track formation and structure, improving signaling and communication systems, electrification systems, and facilities at 17 stations within the Klang Valley sector.

iv. East Coast Rail Link (ECRL) Project

This project is a strategic rail line connecting the Klang Valley to the East Coast. It aims to connect major urban centres in the East Coast comprehensively while integrating the network into the entire railway system of Peninsular Malaysia. The ECRL will also provide an alternative transportation mode for passengers and freight between the eastern and western regions. Three (3) RAC's ROW areas are involved in this project: Mentakab Station, Serendah, and Jalan Kastam.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

- Bertanggungjawab sebagai agensi pelaksana bagi beberapa projek yang utama berkaitan dengan sistem kereta api dan rel seperti berikut:
 - *Maintenance, Repair and Overhaul* bagi 38 unit *Six Car Set (SCS) 92 Class, Level 1 & Level 2*;
 - Pembekalan tiga (3) unit *DMU Powerpack* dan dua (2) unit *Powerpack Radiator Module With Fittings*;
 - Menaiktaraf Sistem Elektrifikasi di *Feeder Station Sungkai, Perak*; dan
 - *Digital Transmission Network (DTS)* untuk *Rawang-Ipoh Double Track (RIDT)* dan *Sentul Batu Caves (SBC) Networks*.
- *Responsible as the implementing agency for key railway and rail system projects, including:*
 - *Maintenance, Repair, and Overhaul of 38 Six-Car Set (SCS) 92 Class units (Level 1 & Level 2);*
 - *Procurement of three (3) DMU Powerpacks and two (2) Powerpack Radiator Modules with fittings;*
 - *Upgrading the electrification system at the Feeder Station in Sungkai, Perak; and*
 - *Digital Transmission Network (DTS) for the Rawang-Ipoh Double Track (RIDT) and Sentul-Batu Caves (SBC) Networks.*

01

Projek Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru Gemas – Johor Bahru Electric Double Track Construction Project

Projek Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas - Johor Bahru ini dibina untuk melengkapkan jaringan landasan berkembar elektrik sedia ada di Malaysia. Laluan sepanjang 197 kilometer ini akan melengkapkan jaringan landasan berkembar elektrik yang bermula dari Padang Besar, Perlis hingga ke penghujung Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Johor Bahru Sentral, Johor. Bagi projek ini terdapat 11 Stesen keretapi yang terlibat dengan ROW RAC iaitu Segamat, Gemas, Labis, Bekok, Paloh, Kluang, Mengkibol, Renggam, Layang-Layang, Kulai, dan Kempas Baru.

The PLBE Gemas – Johor Bahru is designed to complete the existing electric double track network in Malaysia. The 197-kilometer stretch will connect the electric double track network from Padang Besar, Perlis, to Johor Bahru Sentral, Johor, at the southern tip of Peninsular Malaysia. This project involves 11 railway stations under RAC's ROW, namely Segamat, Gemas, Labis, Bekok, Paloh, Kluang, Mengkibol, Renggam, Layang-Layang, Kulai, and Kempas Baru.

02

Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 1 Klang Valley Electric Double Track Upgrade Phase 1

Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang (KVDT) Fasa 1 telah bermula pada 2 November 2015 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada November 2021. Kawasan liputan kerja bagi projek ini adalah bermula dari Rawang hingga ke Salak Selatan serta Simpang Batu hingga ke Sentul. Skop kerja bagi projek ini adalah meliputi kerja-kerja naik taraf formasi dan struktur landasan bertalian atas, penambahbaikan sistem persemboyanan dan komunikasi, sistem elektrifikasi dan naik taraf kemudahan di 16 stesen bagi sektor Lembah Klang. RAC memantau dan membantu MOT dalam pelaksanaan projek ini yang terlibat dengan ROW RAC.

The KVDT Phase 1 project, which began on 2 November 2015, is scheduled for completion in November 2021. The project covers areas from Rawang to Salak Selatan, including Simpang Batu to Sentul. The scope of work includes upgrading formation and track structure, improving signalling and communication systems, electrification systems, and upgrading facilities at 16 stations in the Klang Valley sector. RAC monitors and assists the MOT in implementing this project involving RAC's ROW.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

03

Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2 Klang Valley Electric Double Track Upgrade Phase 2

Kawasan liputan kerja bagi projek ini adalah bermula dari Salak Selatan hingga ke Seremban serta Simpang Pelabuhan Klang (SPK) hingga ke Port Klang dan juga Simpang Pelabuhan Klang Bypass. Skop kerja bagi projek ini adalah meliputi kerja-kerja naik taraf formasi dan struktur landasan bertalian atas, penambahbaikan sistem persembayunan dan komunikasi, sistem elektrifikasi dan naik taraf kemudahan di 17 stesen bagi sektor Lembah Klang.

The project covers areas from Salak Selatan to Seremban, Simpang Pelabuhan Klang (SPK) to Port Klang, and Simpang Pelabuhan Klang Bypass. The scope includes upgrading formation and track structure, improving signalling and communication systems, electrification systems, and upgrading facilities at 17 stations in the Klang Valley sector.

04

Projek Laluan Rel Pantai Timur East Coast Rail Link Project

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek laluan rel yang akan menghubungkan Greater Klang Valley ke Pantai Timur melalui jaringan kereta api yang strategik. Projek ECRL ini dijangka dapat menghubungkan semua pusat utama Wilayah Pantai Timur secara komprehensif dan pada masa yang sama menghubungkan rangkaian ini ke keseluruhan rangkaian kereta api di Semenanjung Malaysia. Ia juga akan menyediakan mod pengangkutan alternatif bagi pergerakan penumpang dan barangan di antara kedua-dua wilayah timur dan barat.

Oleh itu, terdapat tiga (3) kawasan sahaja yang terlibat dengan *Right-of-Way* (ROW) RAC bagi projek ini. Kawasan yang terlibat adalah Stesen Mentakab, Serendah dan juga Jalan Kastam.

The ECRL is a rail link project connecting the Greater Klang Valley to the East Coast through a strategic railway network. The ECRL is expected to comprehensively connect all key centres in the East Coast Region while linking the network to the entire railway system in Peninsular Malaysia. It also provides an alternative mode of transport for passenger and freight movement between the eastern and western regions.

Only three (3) areas under RAC's Right-of-Way (ROW) are involved in this project: Mentakab Station, Serendah and Jalan Kastam.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

05

Agensi Pelaksana bagi Projek Rel di bawah Kementerian Pengangkutan Implementing Agency for Rail Projects under the Ministry of Transport

MOT telah memilih RAC sebagai Agensi Pelaksana bagi beberapa projek yang utama berkaitan dengan sistem kereta api dan rel seperti berikut: -

- Maintenance, Repair and Overhaul bagi 38 unit Six Car Set (SCS) 92 Class, Level 1 & Level 2;
- Pembekalan 3 unit DMU Powerpack dan 2 unit Powerpack Radiator Module With Fittings;
- Menaiktaraf Sistem Elektrifikasi di Feeder Station Sungkai, Perak; dan
- Digital Transmission Network (DTS) untuk Rawang-Ipoh Double Track (RIDT) dan Sentul Batu Caves (SBC) Networks.

The MOT has selected RAC as the implementing agency for several key projects related to railway and rail systems, including:

- *Maintenance, Repair, and Overhaul of 38 Six Car Set (SCS) 92 Class, Level 1 & Level 2 units;*
- *Supply of 3 DMU Powerpacks and 2 Powerpack Radiator Modules with Fittings;*
- *Electrification System Upgrade at the Sungkai Feeder Station, Perak; and*
- *Digital Transmission Network (DTS) for the Rawang-Ipoh Double Track (RIDT) and Sentul Batu Caves (SBC) Networks.*

03

PERKHIDMATAN ULASAN TEKNIKAL REL RAIL TECHNICAL REVIEW SERVICES

Menyediakan khidmat nasihat dan ulasan teknikal kepada unit-unit dalaman RAC berkenaan projek-projek yang terlibat seperti Projek Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas ke Johor Bahru, Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 1 dan Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2. Ulasan ini adalah penting bagi memastikan cadangan komersial dan rel dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur.

Providing advisory services and technical reviews to RAC's internal units regarding projects such as the Gemas to Johor Bahru Electrified Double Track Project (EDTP), Klang Valley Double Track Upgrade Phase 1 (KVDT 1), and Klang Valley Double Track Upgrade Phase 2 (KVDT 2). These reviews are essential to ensure that commercial and rail proposals are implemented effectively and systematically.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

04

PROJEK INISIATIF OLEH RAC MELALUI PELAKSANAAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) RAC INITIATIVES THROUGH THE IMPLEMENTATION OF REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

Sepanjang 2023, dua (2) RFP bagi meningkatkan dan merealisasikan inisiatif pengangkutan melalui mod pengangkutan rel telah dilaksanakan. Langkah ini selari dengan visi dan misi Ekonomi MADANI iaitu peralihan mod pengangkutan daripada jalan raya kepada rel iaitu "Road-To-Rail".

Kerajaan telah memperkenalkan Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiatives*, PFI) sejak Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) yang merupakan satu alternatif baru di bawah rangka kerjasama awam-swasta bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pendekatan ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk melibatkan pihak swasta dalam pembangunan ekonomi seterusnya merencanakan pertumbuhan pelaburan dan menjana pendapatan kepada negara.

Kebelakangan ini, permintaan pengangkutan kargo rel telah meningkat kerana faktor risiko kemalangan yang lebih rendah dan selamat berbanding pengangkutan darat. Selain itu, kos per tan kilometer kargo juga adalah lebih rendah menggunakan rel berbanding mod pengangkutan lain. Walau bagaimanapun, perkhidmatan kargo buat masa kini tidak dapat menampung permintaan pelanggan kerana kekangan daripada segi kemudahan dan fasiliti kargo pada jajaran kereta api sedia ada.

Objektif utama pelaksanaan RFP ini adalah untuk menambah baik sektor pengoperasian kargo di Malaysia dengan mengurangkan kos perolehan bagi rolling stock baharu serta menyediakan fasiliti infrastruktur yang efisien di samping menyediakan sistem pengangkutan rel yang mampan. Berikut merupakan dua (2) RFP yang telah dilaksanakan oleh RAC:

Throughout 2023, two (2) RFPs were implemented to enhance and realise transportation initiatives through rail transport. This effort aligns with the vision and mission of MADANI Economy, emphasising the shift from road to rail, known as the "Road-To-Rail" initiative.

The government introduced the Private Finance Initiative (PFI) during the Ninth Malaysia Plan (RMK-9) as a new alternative under the public-private partnership framework for development projects. This approach reflects the government's commitment to involving the private sector in economic development, thereby spurring investment growth and generating national revenue.

Recently, the demand for rail freight transport has increased due to its lower accident risk and greater safety compared to road transport. Additionally, the cost per ton-kilometre for freight is lower with rail compared to other transportation modes. However, the current freight services are unable to meet customer demand due to limitations in cargo facilities and infrastructure along the existing railway network.

The main objective of this RFP is to improve Malaysia's cargo operation sector by reducing procurement costs for new rolling stock and providing efficient infrastructure facilities while establishing a sustainable rail transportation system. The following are the two RFPs implemented by RAC:

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

01

Cadangan Strategik *Rolling Stock* Khususnya Bagi Kegunaan Kargo Dan Logistik – Lokomotif & Wagon *Strategic Rolling Stock Proposals Specifically for Cargo and Logistics – Locomotives & Wagons*

Matlamat asas cadangan ini adalah untuk memenuhi keperluan *Rolling Stock* bagi tempoh 25 tahun bagi tujuan pembangunan dan pertumbuhan rangkaian rel berdasarkan polisi dan dasar semasa Kerajaan.

Objektif utama opsyen ini bertujuan untuk menambah baik fasiliti dan kredibiliti industri rel terutamanya pengangkutan kargo dan seterusnya dapat menjana pendapatan kepada Kerajaan.

Pelaksanaan RSS perlu dilakukan oleh RAC selaku pemilik aset dan KTMB sebagai operator kereta api manakala pembida pula sebagai pembekal lokomotif serta gerabak bagi pengangkutan kargo untuk mewujudkan satu sistem yang dapat diguna pakai untuk jangka masa panjang.

Tujuan utama pelaksanaan RSS ini adalah untuk:

- Mengurangkan perbelanjaan kerajaan terhadap menambah baik operasi kargo rel;
- Menyediakan sistem pengangkutan rel yang mampan dan berdaya saing untuk operasi kargo; dan
- Penggunaan kos yang lebih efektif dan efisien di mana kos pengangkutan yang lebih rendah kepada operator berbanding dengan kos sedia ada.

Terdapat tiga (3) model perancangan perniagaan dicadangkan berdasarkan situasi dan keadaan semasa tren operasi kargo:

• Model Perniagaan 1: *Sell and Lease Back* (Aset dimiliki RAC)

RAC akan menjual semua lokomotif miliknya yang digunakan dalam operasi kargo kepada pembida. Dalam sebut harga ini, pembida perlu mengemukakan anggaran kos pembelian lokomotif milik RAC. Kemudian pembida harus melakukan kerja-kerja membaiki pulih dan penyelenggaraan sebelum memajikan semula lokomotif berkenaan kepada RAC untuk operasi pengangkutan kargo. Kos penyelenggaraan akan ditanggung oleh pembida.

The primary objective of this proposal is to meet the Rolling Stock requirements for a 25-year period to support the development and expansion of the rail network in line with the current government policies and directives.

The primary objective of this option is to enhance the facilities and credibility of the rail industry, particularly in cargo transport, while generating revenue for the government.

The implementation of the Rolling Stock System (RSS) must be carried out by RAC as the asset owner, KTMB as the railway operator, and bidders as suppliers of locomotives and freight wagons. This collaborative approach aims to establish a system that is sustainable for long-term use.

The main objectives of the RSS implementation are:

- *To reduce government expenditure on improving rail freight operations;*
- *To provide a sustainable and competitive rail transport system for freight operations; and*
- *To ensure more cost-effective and efficient operations, offering lower transportation costs for operators compared to the current costs.*

Three business models are proposed based on the current situation and conditions of cargo train operations:

• Business Model 1: *Sell and Lease Back* (Assets Owned by RAC)

RAC will sell all its locomotives used in freight operations to the bidders. As part of the quotation process, bidders are required to provide an estimated purchase cost for RAC's locomotives. Subsequently, bidders must carry out refurbishment and maintenance work before leasing the locomotives back to RAC for freight operations. The cost of maintenance will be borne by the bidders.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

Model Perniagaan 2: Lease – Pay-As-Use (Rolling Stock Baharu)

Model perniagaan ini melibatkan RAC dan Pembida sahaja, di mana RAC hanya perlu membayar kos pajakan berdasarkan kadar penggunaan (Pay-As-Use) dalam operasi kargo. Pajakan lokomotif baru dalam model perniagaan ini juga termasuk pakej penyelenggaraan yang dibuat oleh pembida.

Model Perniagaan 3: Conventional Lease (Rolling Stock Baharu)

Pembida akan memajakkan lokomotif baru kepada RAC, termasuk pakej penyelenggaraan sepanjang tempoh pajakan untuk tujuan operasi kargo. Pembida harus mengambil kira kos penyelenggaraan bagi semua lokomotif baru yang dipajakkan dan jadual penyelenggaraan yang mematuhi skop asal *Original Equipment Manufacturer* (OEM). Pembida hendaklah memaklumkan kekerapan pembayaran pajakan tersebut kepada RAC berdasarkan kos pajakan bulanan atau tahunan.

RFP ini telah diiklankan pada 22 Mei 2023 melalui surat khabar, laman sesawang dan akaun media sosial RAC. RFP ditutup pada 31 Julai 2023.

Seramai empat (4) pembida telah menyatakan minat untuk menyertai tawaran ini dan selepas penilaian dilaksanakan pihak SMH Rail Sdn. Bhd. telah berjaya menawarkan model perniagaan terbaik.

Melalui kontrak yang ditandatangani pada 19 Februari 2024, SMH Rail akan:

- Membaik pulih 44 lokomotif yang tersadai. Dijangka selepas kerja-kerja baik pulih ini selesai, lokomotif tersebut boleh digunakan semula untuk operasi kargo bagi tempoh 25 tahun; dan
- Penukaran 246 wagon milik RAC yang berkapasiti rendah (16-TAL) dengan wagon yang mampu membawa muatan yang lebih berat (20-TAL) yang mana ia dapat membantu KTMB menjana pendapatan yang lebih banyak disebabkan lebih banyak muatan dapat dibawa.

Business Model 2: Lease – Pay as Use (New Rolling Stock)

This business model involves only RAC and the bidders, where RAC is required to pay lease costs based solely on usage (Pay-As-Use) for freight operations. The leasing of new locomotives under this business model also includes a maintenance package provided by the bidders.

Business Model 3: Conventional Lease (New Rolling Stock)

The bidder will lease new locomotives to RAC, including a maintenance package for the duration of the lease, for freight operations. The bidder must account for maintenance costs for all leased new locomotives and ensure that the maintenance schedule adheres to the original scope of the Original Equipment Manufacturer (OEM). The bidder must also inform RAC of the lease payment frequency based on either monthly or annual lease costs.

The RFP was advertised on 22 May 2023 through newspapers, RAC's website, and social media accounts. The RFP closed on 31 July 2023.

Four (4) bidders expressed interest in participating in this offering, and after evaluation, SMH Rail Sdn. Bhd. successfully proposed the best business model.

Through the contract signed on 19 February 2024, SMH Rail will:

- *Repair 44 idle locomotives. After the repair work is completed, these locomotives can be used again for cargo operations for 25 years; and*
- *Replacing 246 low-capacity wagons (16-TAL) owned by RAC with wagons capable of carrying heavier loads (20-TAL), which will help KTMB generate more revenue as more loads can be transported.*

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

02

Pembangunan Terminal Hub Kargo Berhampiran Stesen Kereta Api Development of Cargo Hub Terminals Near Railway Stations

Konsep pelaksanaan ini adalah berdasarkan prinsip sesuatu kemudahan awam dibina, diselenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta tanpa sokongan dan sumbangan kewangan oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini, implikasi kewangan kepada RAC adalah berbentuk bayaran sewa/perkhidmatan sepanjang tempoh konsesi oleh pembida projek yang berjaya.

Antara fasiliti yang harus diberi keutamaan adalah sesimpang di setiap stesen yang akan dijadikan hub kargo, reka bentuk wagon yang bersesuaian bagi muatan industri yang disasarkan dan fasiliti loading dan unloading muatan seperti terminal hub kargo.

Justeru matlamat asas cadangan ini adalah untuk membangunkan terminal hub kargo bagi mewujudkan rangkaian pengangkutan kargo yang sistematik bagi memenuhi dasar dan polisi Kerajaan dalam merealisasikan pengangkutan kargo yang mampan dan kompetitif dalam industri kargo.

RFP ini telah diiklankan pada 3 Julai 2023 melalui surat khabar, laman sesawang dan akaun media sosial RAC. RFP ini ditutup pada 30 Ogos 2023.

Seramai dua (2) pembida telah menyatakan minat untuk menyertai tawaran ini dan selepas penilaian selesai dilaksanakan pihak Infinity Logistics and Transport Sdn. Bhd. telah berjaya menawarkan model perniagaan terbaik.

This implementation concept is based on the principle that public facilities are built, maintained, and fully financed by the private sector without financial support or contributions from the government. In this regard, the financial implications for the RAC are in the form of rental/service payments throughout the concession period by the successful project bidder.

Among the facilities that should be prioritised are the interchanges at each station to be developed as cargo hubs, the design of wagons suitable for the targeted industrial loads, and facilities for loading and unloading cargo, such as cargo hub terminals.

Therefore, the primary objective of this proposal is to develop a cargo hub terminal to establish a systematic cargo transportation network that aligns with the Government's policies in realising a sustainable and competitive cargo transportation system within the cargo industry.

The RFP was advertised on 3 July 2023 through newspapers, RAC website and social media accounts. The RFP closed on 30 August 2023.

Two (2) bidders expressed interest in participating in the offer, and after the evaluation was completed, Infinity Logistics and Transport Sdn. Bhd. successfully presented the best business model.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

03

Menandatangani Memorandum Persefahaman Kerjasama Dalam Industri Rel Bersama Network Rail

Memorandum Of Understanding Signing For Collaboration In The Rail Industry With Network Rail

RAC telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Network Rail di United Kingdom (UK) bagi program kerjasama dalam industri rel pada 29 November 2023.

Melalui memorandum ini, kedua-dua pihak hendaklah menggalakkan kerjasama berhubung dengan objektif di bawah skim perkongsian pengetahuan seperti berikut:

- Menambah baik sistem pengurusan aset dari segi kitaran hayat dan pemantauan aset;
- Meningkatkan keupayaan tenaga manusia dan pengetahuan mengenai amalan terbaik dalam menguruskan aset kereta api secara teknikal dan komersial;
- Menentukan piawaian dan peraturan biasa untuk memastikan keselamatan dan kecukupan dalam reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan infrastruktur dan sistem kereta api;
- Bertukar pengetahuan melalui pelaksanaan perbincangan kumpulan berhubung pengurusan aset; dan
- Penganjuran bengkel, seminar dan kumpulan kerja.

RAC successfully signed a Memorandum of Understanding with Network Rail in the United Kingdom (UK) for a collaboration programme in the rail industry on 29 November 2023.

Through this memorandum, both parties shall encourage collaboration in relation to the objectives under the knowledge-sharing scheme as follows:

- *Improving asset management systems in terms of life cycle and asset monitoring;*
- *Enhancing human capacity and knowledge regarding best practices in managing railway assets both technically and commercially;*
- *Setting common standards and regulations to ensure safety and efficiency in the design, construction, operation, and maintenance of railway infrastructure and systems;*
- *Exchanging knowledge through the implementation of group discussions on asset management; and*
- *Organising workshops, seminars, and working groups.*

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT

AKTIVITI 2023

Berikut adalah beberapa siri lawatan, pemeriksaan dan pengauditan yang dilakukan di beberapa stesen kereta api dan depoh sepanjang 2023:



ACTIVITIES 2023

The following is a series of visits, inspections, and audits conducted at several railway stations and depots throughout 2023:



Gambar 20: Pengauditan aset di sepanjang jajaran Gemas ke Johor Bahru.
Picture 20: Asset auditing along the Gemas line to Johor Bahru.



Gambar 21: Pemeriksaan Loko 29 di Batu Gajah bagi pelaksanaan inisiatif Rolling Stock Strategy (RSS).
Picture 21: Inspection of Loko 29 at Batu Gajah for the implementation of the Rolling Stock Strategy (RSS) initiative.

PENUBUHAN UNIT REL ESTABLISHMENT OF THE RAIL UNIT



Gambar 22: Lawatan tapak ke Projek Landasan Elektrik (PLBE) Gemas – JB bersama pasukan projek MOT dan aktiviti pengujian dan pentauliahn yang dilaksanakan oleh kontraktor SIPP-YTL

Picture 22: site visits for the Gemas – JB Electric Double Track Project (PLBE) alongside the MOT project team and also participates in testing and commissioning activities carried out by the SIPP-YTL contractor.







SEKSYEN
SECTION

06

MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN


*EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS &
LEGAL ACTION*

MEMPERKASA FUNGSI RAC

EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS

Pemeteraian perjanjian merupakan amalan penting untuk memastikan bahawa terma dan syarat yang dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat dapat dituruti dengan jelas, menjamin pelaksanaan urusan perniagaan dengan lancar serta tertakluk dari segi pematuhan undang-undang. Setiap dokumen perundangan perlu disusun dengan teliti supaya boleh dikuatkuasakan, demi melindungi hak dan kepentingan RAC dalam setiap urusan yang dipersetujui.

The execution of agreements is an essential practice to ensure that the terms and conditions agreed upon by the involved parties are clearly followed, guaranteeing smooth business transactions and adherence to legal compliance. Every legal document must be carefully organised to ensure enforceability, safeguarding RAC's rights and interests in all agreed transactions.



KEMUKTAMADAN PERJANJIAN

FINALISATION OF AGREEMENTS

Dalam melaksanakan fungsi RAC di bawah Akta Keretapi 1991, RAC terus komited meneliti dan menyemak setiap surat cara perundangan yang akan dimuktamadkan oleh RAC bagi memastikan hak-hak dan kepentingan RAC sentiasa dipelihara. Dalam menjalankan tanggungjawab tersebut, diperihalkan surat cara yang telah disediakan sepanjang 2023 seperti berikut.

In fulfilling RAC's functions under the Railways Act 1991, RAC committed to examining and reviewing all legal instruments finalised by RAC to ensure its rights and interests are consistently safeguarded. The legal instruments prepared throughout 2023 are as follows:

01

Definitive Agreement antara RAC dan MYISP Dot Com Sdn. Bhd. (MYISP) **Definitive Agreement between RAC and MYISP Dot Com Sdn. Bhd. (MYISP)**

Perjanjian ini merupakan lanjutan daripada Memorandum Perjanjian (MOA) yang telah ditandatangani pada 18 Mei 2022. Ia bertujuan untuk menetapkan hak dan kewajiban kedua-dua pihak di dalam perjanjian berhubung pelaksanaan konsesi projek pembangunan infrastruktur gentian rangkaian optik ekspres (EON) – sambungan backbone dan aset infrastruktur rangkaian di sepanjang koridor keretapi nasional. Definitive Agreement ini telah ditandatangani pada 12 Januari 2023 oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBrs. Encik Adam bin Abu Hanipah manakala MYISP diwakili oleh Pengarah Urusan, YBrs. Encik Rashidi Aly Abdul Rais.

This agreement is an extension of the Memorandum of Agreement (MOA) signed on May 18, 2022. It outlines the rights and obligations of both parties concerning the implementation of a concession for the Express Optical Network (EON) infrastructure development project – including backbone connectivity and network infrastructure assets along the national railway corridor. The Definitive Agreement was signed on January 12, 2023, by RAC's CEO, YBrs. Mr. Adam bin Abu Hanipah, and MYISP's Managing Director, YBrs. Mr. Rashidi Aly Abdul Rais.

02

Joint Venture and Shareholders' Agreement (JVSHA) bagi Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral (PPHIS) **Joint Venture and Shareholders' Agreement (JVSHA) for the Ipoh Sentral Property Development (PPHIS)**

Lanjutan daripada MOA yang ditandatangani pada 2022 berhubung persetujuan dasar daripada Kerajaan Negeri Perak ke arah pelaksanaan cadangan kolaborasi bagi pembangunan PPHIS secara TOD, satu perjanjian iaitu *Joint Venture and Shareholders' Agreement (JVSHA)* bagi merealisasikan PPHIS tersebut telah ditandatangani pada 10 Mei 2023 antara anak syarikat RAC, RAHSB dan anak syarikat SSI Perak, Silver Smart Sdn. Bhd. (SSSB). Objektif JVSHA adalah memastikan penyelarasan pembangunan melalui struktur kolaborasi JV Co. Melalui perjanjian ini, kedua-dua pihak akan memperincikan, membuat rundingan dan memuktamadkan kerjasama tertakluk kepada terma-terma yang telah dipersetujui.

Following the MOA signed in 2022 and the policy approval from the Perak State Government to implement the proposed Transit Oriented Development (TOD) collaboration for PPHIS, a Joint Venture and Shareholders' Agreement (JVSHA) was signed on May 10, 2023. This agreement was made between RAC's subsidiary, RAHSB and Silver Smart Sdn. Bhd. (SSSB), a subsidiary of SSI Perak. The objective of the JVSHA is to ensure development coordination through a JV Co. structure. The agreement specifies terms for detailing, negotiating, and finalising the collaboration.

KEMUKTAMADAN PERJANJIAN FINALISATION OF AGREEMENTS

03

Development Agreement dan Side Agreement bagi Projek Stesen Komuter Baharu di Segambut Dalam antara RAC dan IDP Industrial Development Sdn. Bhd
Development Agreement and Side Agreement for the New Segambut Commuter Station Project

Development Agreement antara RAC dan IDP Industrial Development Sdn. Bhd bertujuan untuk menetapkan terma dan syarat berkaitan perihal projek seperti reka bentuk, pembinaan, penyiapan dan penyerahan stesen keretapi. Manakala *Side Agreement* ditandatangani bagi memuktamadkan peranan dan kewajipan pihak-pihak dalam isu-isu di bawah perjanjian hak lalu lintas sementara kemudahan jambatan penghubung (*link bridge*) daripada Pusat Perdagangan Berpadu & Residensi *United Point* ke stesen kereta api siap dibina.

The Development Agreement between RAC and IDP Industrial Development Sdn. Bhd. defines the terms and conditions for the project, including the design, construction, completion and handover of the railway station. Meanwhile, the Side Agreement finalises the roles and responsibilities of both parties regarding interim access rights for a connecting bridge from United Point Integrated Commercial Centre & Residences to the completed railway station.

04

Contract PWD Form DB for Design, Construction, Equipping and Maintenance of Facade Lighting Design and Build Works di Bangunan Menara Sentral RAC
Contract PWD Form DB for Design, Construction, Equipping and Maintenance of Facade Lighting Design and Build Works at RAC Tower

Kontrak ini telah ditandatangani antara RAC dan TS Glow Sdn. Bhd. pada 15 September 2023. Syarikat TS Glow Sdn. Bhd. adalah pihak kontraktor yang telah dilantik oleh RAC untuk melaksanakan projek pemasangan *façade lighting* di bangunan Menara Sentral RAC, Brickfields, Kuala Lumpur.

This contract was signed between RAC and TS Glow Sdn. Bhd. on September 15, 2023. TS Glow Sdn. Bhd. was appointed as the contractor to implement the façade lighting installation project at RAC Tower, Brickfields, Kuala Lumpur.

05

Operation and Maintenance Agreement antara RAC dan Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.
Operation and Maintenance Agreement between RAC and Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.

Operation and Maintenance Agreement ini telah ditandatangani pada 12 Oktober 2023 susulan persetujuan RAC untuk memberikan hak penamaan Stesen Keretapi Kajang 2 kepada Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB). Melalui perjanjian ini, stesen Kajang 2 ditukarkan kepada Stesen Kereta Api MKH Kajang 2 dan pihak SKSB bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai operator dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di stesen tersebut.

This agreement was signed on October 12, 2023, following RAC's decision to grant naming rights for the Kajang 2 Railway Station to Srijang Kemajuan Sdn. Bhd. (SKSB). Under this agreement, Kajang 2 Railway Station was renamed MKH Kajang 2 Railway Station. SKSB is responsible for station operations and maintenance activities.

KEMUKTAMADAN PERJANJIAN FINALISATION OF AGREEMENTS

06

Solar Access Agreement antara RAC dan Malakoff Radiance Sdn. Bhd. *Solar Access Agreement between RAC and Malakoff Radiance Sdn. Bhd.*

Dalam mendokong aspirasi negara untuk mengoptimum sumber tenaga dan meningkatkan penerokaan sumber tenaga baharu yang berpotensi tinggi, RAC dan Malakoff Radiance Sdn. Bhd. bekerjasama antara satu sama lain dan mengambil bahagian dalam penjanaan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui yang dijana daripada tenaga suria. Bagi tujuan tersebut, RAC telah bersetuju untuk memberikan hak akses kepada Malakoff Radiance Sdn. Bhd. untuk mengakses, memasang, menempatkan, mengendalikan dan mengekalkan fasiliti tenaga boleh diperbaharui di lokasi yang ditetapkan. Lanjutan daripada itu *Solar Access Agreement* antara kedua-dua pihak telah ditandatangani pada 12 Disember 2023 bagi memuktamadkan terma dan syarat-syarat projek tersebut.

In supporting the nation's aspirations to optimise energy resources and enhance the exploration of high-potential new energy sources, RAC and Malakoff Radiance Sdn. Bhd. have collaborated to participate in the generation and utilisation of renewable energy derived from solar power. For this purpose, RAC has agreed to grant Malakoff Radiance Sdn. Bhd. access rights to install, place, operate, and maintain renewable energy facilities at designated locations. Subsequently, the Solar Access Agreement between both parties was signed on 12 December 2023 to finalise the terms and conditions of the project.

06

Management Agreement antara RAC dan Railway Assets Holding Sdn. Bhd. *Management Agreement between RAC and Railway Assets Holding Sdn. Bhd.*

RAC telah melantik dan menugaskan kuasa-kuasanya kepada anak syarikat iaitu RAHSB dalam pengurusan dan pembangunan aset-aset RAC melalui *Management Agreement* yang dimuktamadkan pada 13 Disember 2023. Di bawah perjanjian ini juga, RAHSB dibenarkan untuk mengurus dan menjalankan projek-projek pembangunan, aktiviti-aktiviti komersial dan pembangunan tanah berkaitan dengan infrastruktur dan fasiliti-fasiliti keretapi termasuk pengoperasian dan penyelenggaraan bagi faedah RAC.

On December 13, 2023, RAC appointed RAHSB to manage and develop RAC's assets under this Management Agreement. RAHSB was granted the authority to manage and undertake development projects, commercial activities and land development related to railway infrastructure and facilities, including their operation and maintenance for RAC's benefit.

KEMUKTAMADAN PERJANJIAN

FINALISATION OF AGREEMENTS

08

Memorandum of Understanding dan Non-Disclosure Agreement
Memorandum of Understanding and Non-Disclosure Agreements

JENIS DOKUMEN DOCUMENT TYPE	PIHAK-PIHAK TERLIBAT PARTIES INVOLVED	TARIKH DIMUKTAMADKAN DATE FINALISED
Memorandum of Understanding (MoU)	Kerjasama Strategik antara RAC, Majlis Perbandaran Kluang, SIPP-YTL JV dan Think City Sdn. Bhd. Bagi pembinaan Kluang Heritage Railway Linear Park <i>Strategic Collaboration between RAC, Kluang Municipal Council, SIPP-YTL JV and Think City Sdn. Bhd. for the construction of Kluang Heritage Railway Linear Park</i>	7.9.2023
Non-Disclosure Agreement (NDA)	RAC dan Edgepoint Infrastructure Sdn Bhd <i>RAC and Edgepoint Infrastructure Sdn Bhd</i>	11.5.2023
	RAC dan Handal Indah Sdn. Bhd. <i>RAC and Handal Indah Sdn. Bhd.</i>	12.5.2023
	RAC dan Handal Green Mobility Sdn. Bhd. <i>RAC and Handal Green Mobility Sdn. Bhd.</i>	4.8.2023
	RAC dan Cenergi Solar Sdn. Bhd. <i>RAC and Cenergi Solar Sdn. Bhd.</i>	10.8.2023
	RAC dan Areno Resources Sdn. Bhd. <i>RAC and Areno Resources Sdn. Bhd.</i>	19.9.2023
	RAC dan Persatuan Pengusaha Muda Industri Tani dan Agroponick Malaysia <i>RAC and the Young Entrepreneurs Association of Agriculture and Agraponics Malaysia</i>	9.10.2023
	RAC dan HSS Intergrated Sdn. Bhd. <i>RAC and HSS Intergrated Sdn. Bhd.</i>	23.10.2023
	RAC dan Colla Engineering Sdn. Bhd. <i>RAC and Colla Engineering Sdn. Bhd.</i>	1.11.2023

KEMUKTAMADAN PERJANJIAN FINALISATION OF AGREEMENTS

TINDAKAN PERUNDANGAN

RAC sentiasa memberikan kerjasama dalam tindakan perundangan di mahkamah yang difaillkan oleh pihak luar. RAC juga berpendirian tegas untuk mengambil tindakan lebih serius dan agresif terhadap penghutang RAC yang gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat perjanjian. Pemantauan kes juga dilakukan dari masa ke masa bagi memastikan prosedur mahkamah berjalan lancar. Laporan mengenai tindakan perundangan dihuraikan seperti di bawah.

LEGAL ACTIONS

RAC consistently collaborates in court proceedings filed by external parties, maintaining a firm stance to take more serious and aggressive action against debtors who fail to adhere to the terms and conditions of agreements. Case monitoring is conducted periodically to ensure smooth court procedures. The following is a detailed report on legal actions:

01

RAC v JKPTG Negeri Kelantan - Rayuan ke Mahkamah Persekutuan Putrajaya berkaitan pampasan tambahan bagi pengambilan tanah milik RAC untuk Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di atas lintasan kereta api di Pekan Tanah Merah, Kelantan

RAC v JKPTG Negeri Kelantan - Appeal to the Federal Court of Putrajaya regarding additional compensation for the acquisition of RAC-owned land for the Construction of an Elevated Intersection by the Public Works Department (JKR) over the railway crossing in Pekan Tanah Merah, Kelantan

Perbicaraan kes ini telah diadakan di hadapan Hakim Mahkamah Persekutuan Putrajaya pada 6 September 2023. Setelah mendengar hujahan pihak Perayu dan Responden, Mahkamah Persekutuan tidak mempunyai alasan untuk mengganggu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan kedua-dua rayuan tersebut tidak mempunyai merit dan menolak kedua-dua rayuan tersebut tanpa sebarang perintah kos. Keputusan Mahkamah Rayuan dikekalkan dengan nilai hartanah lot subjek pada kadar RM350.00 semeter persegi iaitu dengan kenaikan keseluruhan sebanyak RM1.672 juta.

The hearing took place on 6 September 2023 before the Federal Court in Putrajaya. After considering arguments from both the Appellant and Respondent, the Federal Court found no basis to overturn the decision of the Court of Appeal. The Federal Court ruled that both appeals lacked merit and dismissed them without any cost orders. The Court of Appeal's decision was upheld, setting the land value at RM350.00 per square meter, resulting in a total increment of RM1.672 million.

KEMUKTAMADAN PERJANJIAN FINALISATION OF AGREEMENTS

02

Kes *watching brief* Saman Penjaja Terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Assuntha A/P Letchamanan & 4 Ors v DBKL – berkaitan halangan (pendudukan penjaja) di tapak bina Menara Sentral RAC di Brickfields

Watching Brief Case: Vendors' Lawsuit Against Kuala Lumpur City Hall (DBKL) Assuntha A/P Letchamanan & 4 Ors v DBKL – Related to obstruction (vendor occupation) at the construction site of RAC Tower in Brickfields

Berdasarkan pemerhatian peguam RAC dalam kes ini telah mendapati bahawa;

- Penjaja – penjaja tidak menuntut apa – apa tuntutan terhadap RAC di dalam prosiding ini
- Tuntutan tersebut difailkan oleh penjaja – penjaja antara lain kerana pihak DBKL enggan meneruskan lesen mereka
- RAC tidak terlibat dalam keputusan DBKL untuk tidak meneruskan lesen – lesen mereka
- Hubungan RAC dengan DBKL berhubung urusan ini hanya berdasarkan fakta bahawa pihak DBKL telah meluluskan kebenaran merancang bagi pembinaan Menara Sentral milik RAC
- Penjaja – penjaja juga tidak menjalankan perniagaan mereka di dalam premis RAC.

Keputusan permohonan penjaja untuk memperolehi injunksi terhadap DBKL

Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan penjaja untuk memperolehi injunksi terhadap DBKL dan mengawadkan kos sebanyak RM 3,000 kepada DBKL.

Observations by RAC's legal counsel concluded:

- *The vendors did not file any claims against RAC in these proceedings.*
- *Their claim was filed against DBKL for refusing to renew their licenses.*
- *RAC was not involved in DBKL's decision regarding the license renewals.*
- *RAC's role was limited to DBKL's approval of planning permission for constructing RAC's Menara Sentral.*
- *The vendors were not operating their businesses on RAC's premises.*

Outcome of the vendors' application for an injunction against DBKL

The High Court dismissed the vendors' application for an injunction against DBKL and awarded DBKL RM3,000 in costs.

03

Saman Pemula (*Originating Summon*) PR1MA; dan Writ Saman & Penyata Tuntutan - RAC lwn. Pengarah Tanah & Galian Negeri Sembilan, Pendaftar Hakmilik Negeri Sembilan & PR1MA

*Originating Summons and Statement of Claim – PR1MA Case
RAC v Director of Land and Mines, Negeri Sembilan Registrar of Titles & PR1MA*

Satu penyelesaian telah dimuktamadkan dalam bentuk settlement agreement yang ditandatangani antara RAC dan PR1MA pada 2 Mac 2023. Lanjutan itu, permohonan rayuan yang difailkan oleh PR1MA telah ditarik balik dan segala tuntutan yang difailkan oleh RAC terhadap defendan-defendan dan tuntutan balas yang difailkan oleh PR1MA terhadap RAC juga telah dibatalkan tanpa kebebasan untuk memfailkan semula dan tanpa perintah terhadap kos.

A settlement agreement was finalised between RAC and PR1MA on 2 March 2023. Following this, PR1MA withdrew its appeal, and all claims filed by RAC against the Defendants, as well as PR1MA's counterclaims against RAC, were dismissed without liberty to refile and without cost orders.

KEMUKTAMADAN PERJANJIAN FINALISATION OF AGREEMENTS

04

Tuntutan Tunggakan Hasil Sewa/ Pajakan RAC RAC Rental/ Lease Arrears Claims

Bagi meningkatkan tahap pematuhan di kalangan penghutang RAC, sebanyak 122 tuntutan tunggakan telah dikemukakan kepada penyewa-penyewa bertunggakan RAC sepanjang 2023. Berikut adalah ringkasan mengenai statistik tuntutan tunggakan bagi 2022 hingga 2023.

To enhance compliance among RAC's debtors, 122 claims for arrears were issued to delinquent tenants in 2023. Below is a summary of arrears claim statistics for 2022 to 2023:



Rajah 7: Statistik Tuntutan Tunggakan 2022 dan 2023
Diagram 7: Arrears Claims Statistics 2022 and 2023

Daripada 122 tuntutan tunggakan yang telah dikeluarkan pada 2023, Jadual di bawah adalah ringkasan status tindakan setakat 31 Disember 2023.

Out of the 122 outstanding payment claims issued in 2023, the table below summarises the status of actions as of 31 December 2023.

Penyelesaian Sebahagian Jumlah Tunggakan <i>Partial Settlement of Outstanding Amounts</i>	24
Penyelesaian Secara Bayaran Ansuran Berjadual <i>Scheduled Installment Payment Settlement</i>	12
Dalam Tempoh 14 Hari Notis Tuntutan <i>Within 14-Day Demand Notice Period</i>	71
Peringkat Pemfailan Saman <i>At the Lawsuit Filing Stage</i>	13
Penghakiman Ingkar telah Direkodkan <i>Default Judgments Recorded</i>	2





SEKSYEN
SECTION

07

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERKUALITI DAN PEMBUDAYAAN ICT

*DEVELOPMENT OF QUALITY HUMAN
RESOURCES AND INCULCATING
ICT CULTURE*


PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Sebagai sebuah badan berkanun yang berpegang teguh kepada dasar-dasar Kerajaan serta komited menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, RAC sentiasa berusaha memperkukuhkan tadbir urus dan melahirkan modal insan berkualiti. Usaha ini sejajar dengan matlamat perkhidmatan awam yang bukan sahaja mengadaptasi perubahan tetapi juga bertindak sebagai pemacu, pemikir dan pelaksana transformasi ke arah kesejahteraan rakyat dan negara.

Dalam memastikan pelaksanaan tadbir urus yang baik, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang merupakan tulang belakang kepada RAC perlu berada pada landasan yang tepat. Bagi mendukung peranan ini, lima (5) unit utama berganding bahu dalam memastikan pengurusan sumber manusia, pentadbiran, kewangan, perolehan dan pengurusan maklumat sentiasa menyokong fungsi utama yang dilaksanakan oleh RAC:

As a statutory body that adheres firmly to government policies and is committed to providing the best services to the people, RAC continuously strives to strengthen governance and develop high-quality human capital. This effort aligns with the objectives of public service, which not only adapts to change but also acts as a driver, thinker and implementer of transformation for the well-being of the people and the nation.

To ensure the implementation of good governance, the Management Services Division (BKP), which serves as the backbone of RAC, must remain on the right track. To support this role, five (5) key units work hand-in-hand to ensure that human resource management, administration, finance, procurement and information management consistently support the core functions carried out by RAC.



Rajah 8: Unit-unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan
Diagram 8: Units under the Management Services Division

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

UNIT SUMBER MANUSIA

Unit Sumber Manusia (USM) di RAC bertanggungjawab untuk menguruskan aspek yang berkaitan dengan kebajikan kakitangan dan pengurusan sumber tenaga kerja. Tujuan utama unit ini adalah untuk memastikan pengurusan sumber manusia berjalan dengan lancar dan efisien bagi menyokong pencapaian objektif dan visi organisasi.

Fungsi utama Unit ini termasuklah:

- Melaksanakan program/ aktiviti berkaitan pembangunan organisasi bagi melancarkan fungsi dan operasi RAC
- Melaksanakan program/ aktiviti berkaitan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan pengurusan personel di RAC teratur
- Melaksanakan program/ aktiviti berkaitan latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai di RAC
- Melaksanakan program/ aktiviti berkaitan pengurusan persaraan para pegawai di RAC
- Merancang, meyelaras dan menguruskan Kursus/ Bengkel Dari Semasa Ke Semasa Mengikut Keperluan Kepada Semua Pegawai Dan Staf dalam dan luar negara
- Merancang dan menguruskan hal berkaitan program Transformasi Minda kepada pegawai lantikan baharu
- Menguruskan hal berkaitan pengambilan pelajar bagi Latihan Industri
- Menguruskan hal berkaitan insurans dan perubatan kakitangan

HUMAN RESOURCE UNIT

The Human Resource Unit (HRU) at RAC is responsible for managing aspects related to staff welfare and workforce management. The primary aim of this unit is to ensure that human resource management operates smoothly and efficiently to support the achievement of the organisation's objectives and vision.

The main functions of this Unit include:

- *Implementing programmes/ activities related to organisational development to facilitate the functions and operations of RAC*
- *Carrying out programmes/ activities related to services to meet personnel needs and ensure orderly personnel management at RAC*
- *Executing programmes/ activities related to training to enhance the competencies of RAC officers*
- *Managing programmes/ activities related to the retirement management of RAC officers*
- *Planning, coordinating, and managing courses/ workshops periodically according to the needs of all officers and staff, both locally and abroad*
- *Planning and managing matters related to the Mind Transformation Programme for newly appointed officers*
- *Handling matters related to student placements for industrial training*
- *Managing staff-related matters concerning insurance and medical coverage*



Menjadi pemacu utama kejayaan organisasi melalui pengurusan sumber manusia yang unggul, berinovasi dan memberi impak positif kepada pembangunan individu dan organisasi.

To be the primary driver of organisational success through excellent human resource management, innovation, and positive impact on individual and organisational development.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT



Menguruskan sumber manusia yang berkualiti melalui proses pengambilan yang telus dan berkesan bagi memenuhi keperluan organisasi

Managing quality human resources through a transparent and effective recruitment process to meet the organisation's needs.

Meningkatkan kompetensi pekerja dengan menyediakan latihan dan pembangunan yang berterusan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan

Enhancing employee competencies by providing continuous training and development to improve skills and knowledge.

Memastikan kesejahteraan pekerja melalui pengurusan ganjaran dan faedah yang adil, serta penciptaan persekitaran kerja yang positif

Ensuring employee well-being through the fair management of rewards and benefits, as well as creating a positive work environment.

Menggalakkan hubungan yang harmoni antara pekerja dan majikan, serta menyelesaikan sebarang isu dengan pendekatan yang adil dan profesional

Encouraging harmonious relationships between employees and employers, and resolving any issues with a fair and professional approach

Mewujudkan budaya kerja yang inklusif dan mendukung kepelbagaian dalam organisasi, bagi memastikan semua pekerja diberi peluang yang sama untuk berkembang

Creating an inclusive work culture and supporting diversity within the organisation to ensure all employees have equal opportunities to grow

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Pembangunan Organisasi


Dengan peranan RAC yang semakin berkembang, pengukuhan struktur organisasi merupakan salah satu elemen utama yang perlu diberi perhatian bagi memastikan RAC dapat melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Dalam hal ini, RAC giat merancang pembangunan organisasi sejak penubuhannya, dan perkembangan dapat dilihat seperti berikut:

Organisational Development

With RAC's growing role, strengthening the organisational structure is one of the key elements that must be emphasised to ensure RAC fulfills its entrusted responsibilities.

In this regard, RAC has been actively planning organisational development since its inception, and the progress can be observed as follows:



Rajah 9: Garis masa pengukuhan organisasi dan sumber manusia RAC
Diagram 9: Timeline for strengthening the organisation and human resources

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Sehingga 31 Disember 2023, kedudukan perjawatan dan pengisian RAC mengikut kumpulan pegawai adalah seperti berikut:

As of 31 December 2023, the status of positions and filling at RAC by officer group is as follows:

KUMPULAN GROUP	PERJAWATAN POSTS			PENGISIAN FILLED		
	TETAP PERMANENT	COS	CFS	TETAP PERMANENT	COS	CFS
Pengurusan Tertinggi <i>Top Management</i>	-	-	-	-	-	-
Pengurusan dan Profesional <i>Management & Professional</i>	15	26	10	12	21	10
Pelaksana <i>Implementer</i>	23	40	0	23	32	0
JUMLAH TOTAL	38	66	10	35	53	10

Jadual 11: Pengisian jawatan mengikut kumpulan pegawai
Table 11: Position filling by officer group

Hasil daripada Gerak Kerja Pelan Pengukuhan Perjawatan Perbadanan ini (bermula pada 2014), pada 2017 RAC telah memperoleh kelulusan JPA bagi pertambahan 50 jawatan berasaskan COS serta pertambahan satu (1) jawatan pada 2018. Seterusnya, pada 2019, pertambahan seramai enam (6) pegawai bertaraf COS telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah RAC, menjadikan jumlah keseluruhan pegawai COS di RAC sebanyak 57 orang. Pada 2021 pula, RAC telah memperoleh kelulusan bagi pertambahan sembilan (9) jawatan COS. Pertambahan ini mampu menjadi pemangkin kepada keupayaan RAC untuk terus kekal berdaya maju seiring dengan usaha transformasi pengurusan aset kereta api negara.

As a result of the Implementation of the Corporation's Workforce Strengthening Plan (initiated in 2014), in 2017 RAC obtained approval from the Public Service Department (JPA) for an addition of 50 positions based on the COS and one (1) additional position in 2018. Subsequently, in 2019, the RAC Board of Directors approved an addition of six (6) COS officers, bringing the total number of COS officers at RAC to 57. In 2021, RAC obtained approval for an additional nine (9) COS positions. This increase serves as a catalyst for RAC's capability to remain competitive in line with the efforts to transform the management of the national railway assets.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Pada 2019, RAC buat pertama kalinya telah melantik tiga (3) pegawai secara kontrak CFS secara berperingkat. Pemilihan pegawai adalah berdasarkan kepakaran tertentu bagi membantu RAC mencapai KPI yang telah ditetapkan. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat Ketua Pegawai Eksekutif iaitu memastikan misi dan visi RAC dapat direalisasikan secara menyeluruh. Pelantikan pegawai secara CFS merupakan bentuk pembelian kontrak perkhidmatan daripada individu tertentu. Justifikasi pelantikan ini adalah berdasarkan keperluan semasa tahun tersebut. Sehingga Disember 2023, RAC mempunyai seorang pegawai CFS di ibu pejabat dan sembilan (9) pegawai CFS di wilayah untuk melaksanakan tugas operasi dan tadbir urus organisasi. Senarai perjawatan CFS RAC adalah seperti berikut:

In 2019, for the first time, RAC appointed three (3) officers on a CFS basis in stages. The selection of officers was based on specific expertise to assist RAC in achieving the KPIs that had been set. This initiative aligns with the CEO's aspiration to ensure that RAC's mission and vision can be fully realised. The appointment of CFS officers represents a form of service contract procurement from specific individuals. The justification for these appointments was based on the requirements of that year. As of December 2023, RAC has one CFS officer at the Headquarters and nine (9) CFS officers in the regions to carry out operational tasks and organisational governance. The list of RAC CFS positions is as follows:

JAWATAN POSITION	BIL PERJAWATAN NUMBER OF POSITIONS
Pegawai Perhubungan Media dan Pengurusan Pemegang Taruh <i>Media Relations and Stakeholder Management Officer</i>	1
Pegawai Komersial <i>Commercial Officer</i>	3
Pegawai Fasilitas <i>Facility Officer</i>	3
Penolong Pegawai Wilayah <i>Regional Assistant Officer</i>	3
JUMLAH <i>TOTAL</i>	10

Jadual 12: Senarai perjawatan CFS RAC
Table 12: The list of RAC CFS positions

Pembangunan Modal Insan

Modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif merupakan prasyarat penting untuk menggerakkan agenda transformasi Kerajaan dengan berkesan demi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Sehubungan itu, pembangunan modal insan di RAC diberi tumpuan yang lebih untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang memiliki sikap dan pemikiran progresif berteraskan kecemerlangan.

Human Capital Development

Resilient and competitive human capital is an essential prerequisite for effectively driving the Government's transformation agenda towards achieving high-income nation status. Accordingly, human capital development at RAC is given greater focus to nurture officers and staff with progressive attitudes and mindsets rooted in excellence.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Pada 2023, sebanyak 51 program pembangunan kompetensi meliputi program dalaman dan luaran telah berjaya dilaksanakan.

In 2023, a total of 51 competency development programs, encompassing both internal and external programmes, were successfully implemented.




Rajah 10: Program Pembangunan Kompetensi RAC
Diagram 10: RAC Competency Development Programmes

RAC sentiasa komited untuk memastikan setiap pegawai menerima latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran mereka dalam melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Selain itu, aspek pembangunan kompetensi teras bagi setiap pegawai turut diberi penekanan khususnya bagi tujuan peningkatan kerjaya mereka.

RAC is committed to ensuring that every officer receives training appropriate to their respective job scopes to enhance their competencies and skills in performing their responsibilities more effectively. Additionally, the development of core competencies for each officer is also given special emphasis, particularly for their career advancement.

Sehubungan itu, program-program latihan telah diklusterkan kepada empat (4) kategori, iaitu:

Accordingly, training programmes have been clustered into four (4) categories, namely:




Rajah 11: Kluster program latihan
Diagram 11: Training Programme Clusters

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Komposisi peratusan pegawai RAC yang telah dilatih berdasarkan empat (4) kompetensi tersebut pada 2023 adalah seperti berikut:

The composition of the percentage of RAC officers trained based on the four (4) competencies in 2023 is as follows:



Carta 3: Peratusan pegawai yang dilatih berdasarkan kompetensi
Chart 3: Percentage of Officers Trained Based on Competencies

KURSUS DALAMAN TAHUN 2023

INTERNAL TRAINING COURSES FOR 2023

01

KURSUS PENGURUSAN REKOD JABATAN DEPARTMENT RECORD MANAGEMENT COURSE


Penganjur: Arkib Negara
Penceramah: Puan Qahera binti Alian, Pegawai
Tadbir Arkib, N48
Sesi 1: 24-25 Julai 2023
Sesi 2: 26-27 Julai 2023
Tempat: Aras 16, Bilik Mesyuarat Limau Kasturi,
RAC

*Organiser: National Archives of Malaysia
Speaker: Puan Qahera binti Alian, Administrative
Officer, N48
Session 1: 24-25 July 2023
Session 2: 26-27 July 2023
Location: Level 16, Limau Kasturi Meeting Room,
RAC*

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Seramai 60 warga kerja RAC telah menyertai kursus ini yang berlangsung selama empat (4) hari. Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran dan pendedahan kepada peserta berhubung aspek pengurusan fail dan rekod kerajaan agar selari dengan akta dan pekeliling yang ditetapkan. Kursus ini juga bertujuan meningkatkan pengetahuan asas dan kemahiran peserta dalam menguruskan rekod-rekod jabatan.

A total of 60 RAC staff participated in the course conducted over four (4) days. The course aimed to raise awareness and provide exposure to participants regarding file and record management aspects in accordance with the applicable acts and circulars. The purpose of the course was to enhance participants' basic knowledge and skills in managing departmental records.



02

KURSUS MICROSOFT EXCEL MICROSOFT EXCEL COURSE

Penganjur: Perbadanan Aset Keretapi
Penceramah: Encik Farid bin Awang,
Ketua Pegawai Kewangan

Sesi 1: 8 Jun 2023

Sesi 2: 12 Jun 2023

Sesi 3: 5 Julai 2023

Sesi 4: 10 Julai 2023

Tempat: Aras 16, Bilik Mesyuarat Limau Kasturi,
RAC.

*Organiser: Railway Assets Corporation
Speaker: Encik Farid bin Awang,
Chief Finance Officer*

Session 1: 8 June 2023

Session 2: 12 June 2023

Session 3: 5 July 2023

Session 4: 10 July 2023

*Location: Level 16, Limau Kasturi Meeting Room,
RAC*

Seramai 140 warga kerja RAC telah menyertai kursus ini yang berlangsung selama empat (4) hari. Tujuan Kursus ini diadakan adalah untuk menambah pengetahuan dan kemahiran warga kerja RAC dalam penggunaan Microsoft Excel dan melancarkan tugas harian.

A total of 140 RAC staff participated in the course conducted over four (4) days. The purpose of the course was to enhance participants' knowledge and skills in using Microsoft Excel and to streamline daily tasks.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

03

KURSUS MICROSOFT POWERPOINT MICROSOFT POWERPOINT COURSE

Penganjur: RAC
Pembekal Latihan: MVP Training Resources
Tarikh: 20 hingga 21 Mei 2023
Tempat: Aras 16, Bilik Mesyuarat Limau Kasturi, RAC

Seramai 60 orang warga kerja RAC telah menyertai kursus ini. Kursus ini berlangsung selama empat (4) hari dan peserta dibahagikan kepada dua (2) kumpulan. Tujuan penganjuran kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Microsoft PowerPoint, melancarkan pekerjaan harian dan membantu membangunkan format persembahan berdasarkan slaid terutamanya untuk tujuan mesyuarat, kursus dan sebagainya.

*Organiser: RAC
Training Provider: MVP Training Resources
Date: 20 until 21 May 2023
Location: Level 16, Limau Kasturi Meeting Room, RAC*

A total of 60 RAC employees participated in this course, which was conducted over four (4) days with participants divided into two (2) groups. The course aimed to enhance Microsoft PowerPoint skills, streamline daily tasks, and assist in developing slide-based presentation formats, particularly for meetings, training sessions, and other purposes.



04

CERAMAH MAULIDUR RASUL MAULIDUR RASUL APPRECIATION TALK

Penceramah: YBhg. Dato' Ustaz Muhammad Kazim Elias
Tarikh: 4 Oktober 2023
Tempat: Aras 16, Bilik Mesyuarat Limau Kasturi, RAC.

*Speaker: YBhg. Dato' Ustaz Muhammad Kazim Elias
Date: 4 October 2023
Location: Level 16, Limau Kasturi Meeting Room, RAC*

Ceramah Penghayatan Maulidur Rasul ini telah dihadiri oleh semua warga kerja RAC. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperingati sirah perjuangan Nabi Muhammad SAW yang penuh dengan pengajaran dan pengorbanan sekaligus menambah rasa syukur dan cinta kepada Nabi Muhammad S.A.W.

The Maulidur Rasul Appreciation Talk was attended by all RAC staff. The purpose of this program was to commemorate the life and struggles of Prophet Muhammad SAW, which are full of lessons and sacrifices, while also fostering gratitude and love for Prophet Muhammad S.A.W.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT



05

SESI PERKONGSIAN ILMU KNOWLEDGE SHARING SESSION

Penceramah: YBhg. Dato' Ustazah Siti Nor Bahyah Mahamood & Ustaz Wan Akashah
Tarikh: 1 Disember 2023
Tempat: Aras 16, Bilik Mesyuarat Limau Kasturi, RAC.

Speakers: YBhg. Dato' Ustazah Siti Nor Bahyah Mahamood & Ustaz Wan Akashah
Date: 1 December 2023
Location: Level 16, Limau Kasturi Meeting Room, RAC

Sesi pengkongsian ilmu ini telah dihadiri oleh semua warga kerja RAC. Tujuan sesi ini adalah untuk menambahkan semangat warga RAC supaya boleh berkhidmat dengan penuh amanah dan bersyukur.



This knowledge sharing session was attended by all RAC staff. The purpose of this session was to inspire and uplift the spirit of RAC staff, enabling them to serve with full integrity and gratitude.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

06

PROGRAM BELIEVE FITNESS: MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN UNTUK 20 PEKERJA DI PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)
BELIEVE FITNESS PROGRAMME: ENHANCING WELLNESS FOR 20 EMPLOYEES AT RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Penganjur: Perbadanan Aset Keretapi
Tempoh: Tiga (3) bulan
Penyertaan: 20 orang

*Organiser: Railway Assets Corporation (RAC)
Duration: Three (3) months
Participants: 20 individuals*

Program ini yang bermula pada 27 Disember 2023 menyasarkan pekerja yang mempunyai BMI tinggi (30 dan ke atas) selama tempoh tiga (3) bulan. Inisiatif ini disertai seramai 20 warga kerja RAC bertujuan untuk meningkatkan kesihatan, produktiviti dan menggalakkan gaya hidup sihat. Selain pendedahan kepada aktiviti senaman yang betul dan berimpak tinggi, panduan pemakanan dan teknik pengurusan tekanan, program ini telah berjaya mencapai matlamatnya.

The programme, which began on 27 December 2023, targeted employees with a high BMI (30 and above) over a three (3)-month period. A total of 20 participants from RAC, aimed at improving health, productivity, and promoting a healthy lifestyle. In addition to exposure to proper and impactful exercise activities, the programme provided guidance on nutrition and stress management techniques.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

07

LAWATAN KE UNIVERSITI KUALA LUMPUR DENGAN FOKUS PERBINCANGAN MENGENAI PROGRAM LATIHAN INDUSTRI

VISIT TO KUALA LUMPUR UNIVERSITY FOCUSES ON INTERSHIP DISCUSSIONS

Fokus lawatan tapak ke universiti ini adalah kepada perbincangan mengenai peluang latihan industri bagi pelajar-pelajar yang berminat dalam industri rel. Sepanjang lawatan, pihak berkepentingan utama dari universiti dan organisasi tuan rumah telah terlibat dalam perbincangan mengenai struktur dan objektif program latihan industri serta ruang berpotensi bagi kerjasama antara kedua-dua pihak. Matlamat lawatan ini adalah untuk meneroka bagaimana untuk mengoptimumkan pengalaman latihan industri bagi pelajar yang berminat dalam bidang ini, memastikan mereka mendapat latihan praktikal berharga dan pendedahan kepada cabaran dunia luar.

The University site visit was focused on discussing opportunities for rail intern students. During the visit, key stakeholders from the university and the hosting organisation engaged in discussions regarding the structure and objectives of the internship programme, as well as potential areas of collaboration. The aim of the visit was to explore ways to optimise the internship experience for students interested in the industry, ensuring they receive valuable hands-on training and exposure to real-world challenges.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Pada tahun 2023, seramai tujuh (7) kakitangan RAC telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu dua (2) bagi jawatan tetap dan lima (5) bagi jawatan kontrak.

EXCELLENT SERVICE AWARD

In 2023, a total of seven (7) RAC staff received the Excellent Service Award (APC), consisting of two (2) permanent positions and five (5) contract positions.

TETAP *PERMANENT*

- Puan Durul Khairiah Binti Mohd Noor; Penolong Akauntan Gred WA29
Assistant Accountant, Grade WA29
- Encik Mohd Edham Bin Nordin; Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
Administrative Assistant (P/O), Grade N22

KONTRAK *PERMANENT*

- Encik Abdul Wafiy Hadana bin Abd Hadi; Jurutera Gred J41 *Engineer, Grade J41*
- Encik Amir Farhan Bin Zamri; Pegawai Penilaian Gred W41 *Valuation Officer, Grade W41*
- Puan Nurain binti A Razak; Jurutera Gred J41 *Engineer, Grade J41*
- Encik Aiman Bin Zahir; Penolong Pegawai Tadbir Gred N29
Assistant Administrative Officer, Grade N29
- Puan Nur Izati Binti Shaari; Penolong Pegawai Tadbir Gred N29
Assistant Administrative Officer, Grade N29

HARI SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN

Hari Semakan Buku Perkhidmatan telah diadakan pada 16 Jun 2023 merupakan program tahunan yang dibuat bagi membolehkan warga kerja RAC membuat semakan Buku Perkhidmatan masing-masing untuk memastikan maklumat dan rekod peribadi yang dicatatkan adalah tepat dan dikemas kini dengan betul.

SERVICE BOOK REVIEW DAY

The Service Book Review Day held on 16 June 2023 was an annual programme organised to enable RAC staff to review their respective Service Books, ensuring that the recorded information and personal records are accurate and properly updated.



PEMBUKAAN PEJABAT URUSAN WILAYAH OPENING OF THE RAC'S REGIONAL OFFICE

Sejajar dengan perkembangan operasi dan tugas kerja yang semakin bertambah, RAC telah mengambil inisiatif dengan membuka pejabat operasi mengikut zon. Pejabat operasi ini terbahagi kepada Zon Utara (Bukit Mertajam, Pulau Pinang), Zon Timur (Gua Musang, Kelantan) dan Zon Selatan (Pulau Sebang, Melaka). Pejabat operasi ini telah dibuka pada 2 Januari 2023 bagi memantau kerja-kerja mengikut zon masing-masing dengan lebih efisien.

In line with the growing operations and expanding responsibilities, RAC has taken the initiative to establish operational offices by zones. These offices are divided into the Northern Zone (Bukit Mertajam, Penang), Eastern Zone (Gua Musang, Kelantan), and Southern Zone (Pulau Sebang, Melaka). These operational offices commenced operations on 2 January 2023, to ensure more efficient monitoring of activities within their respective zones.



Gambar 23: Pejabat Wilayah Timur
Picture 23: Eastern Regional Office



Gambar 24: Pejabat Wilayah Selatan
Picture 24: Southern Regional Office



Gambar 25: Pejabat Wilayah Utara
Picture 25: Northern Regional Office

PENGUKUHAN ICT ICT STRENGTHENING

Selari dengan keperluan organisasi untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya, dengan cekap dan berkesan, RAC sentiasa meningkatkan keupayaan dalam pengurusan ICT dalaman dan luaran.

Dengan mengikuti perkembangan teknologi semasa, organisasi ini dapat berhubung dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan luaran dan dalaman dengan kaedah yang lebih pantas dan efisien. Bagi 2023, usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif bagi pengukuhan ICT diteruskan.

In line with the organisation's need to perform its roles and responsibilities efficiently and effectively, RAC continually strives to enhance its internal and external ICT management capabilities.

By keeping up with current technological advancements, the organisation can connect and deliver superior services to both external and internal clients in a faster and more efficient manner. In 2023, efforts and initiatives to strengthen ICT continued.

01

HARI ICT & TECHNOLOGY UPDATE (HIT) RAC 2023 ICT & TECHNOLOGY UPDATE (HIT) RAC 2023

Dengan kerjasama beberapa syarikat ICT, buat julung kalinya RAC telah menganjurkan Hari ICT & Technology Update (HIT) RAC 2023 pada 16 Februari 2023.

Majlis tersebut bertujuan untuk memberikan maklumat dan pengetahuan berkenaan teknologi terkini disamping pendedahan keselamatan dan pembudayaan ICT kepada semua kakitangan RAC. Antara pembekal ICT yang terlibat adalah syarikat Dell, Lenovo, HPE Aruba dan pembekal sistem berkaitan di RAC.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad dengan kehadiran seramai 100 orang kakitangan RAC.

In collaboration with several ICT companies, RAC organised its inaugural ICT & Technology Update Day (HIT) RAC 2023 on 16 February 2023.

The event aimed to provide information and knowledge about the latest technologies while also raising awareness of ICT security and fostering an ICT culture among all RAC staff. Participating ICT providers included Dell, Lenovo, HPE Aruba, and system providers related with RAC.

The event was officiated by RAC Chief Executive Officer, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, and was attended by 100 RAC staff members.



PENGUKUHAN ICT ICT STRENGTHENING

02

PENYEDIAAN INFRA ICT UNTUK RAHSB PROVISION OF ICT INFRASTRUCTURE FOR RAHSB

Selaras dengan penubuhan anak syarikat RAC iaitu RAHSB pada April 2023, ketersediaan infra ICT untuk pejabat RAHSB yang bertempat di Aras 14, IOI Tower 2 telah dilakukan. Kemudahan ICT yang disediakan merangkumi infra rangkaian, alatan keselamatan, kesediaan internet, komputer peribadi, domain syarikat dan e-mel.

Kerja-kerja pemasangan dan lengkapan rangkaian telah diselesaikan oleh pihak pembekal ICT membolehkan pejabat RAHSB beroperasi sepenuhnya bermula pada September 2023.

In line with the establishment of RAC's subsidiary, RAHSB, in April 2023, ICT infrastructure was prepared for the RAHSB office located on Level 14, IOI Tower 2. The ICT facilities provided included network infrastructure, security tools, internet readiness, personal computers, corporate domain, and email services.

The installation and setup of the network infrastructure were completed by the ICT provider, enabling the RAHSB office to become fully operational in September 2023.



PEROLEHAN

PROCUREMENT

Bagi pelaksanaan semua aktiviti pembangunan dan pengurusan aset, RAC sentiasa berusaha memastikan setiap perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus dan tatakelola yang baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, merealisasikan nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.

In implementing all asset development and management activities, RAC consistently strives to ensure that all procurement of supplies, services, and works is carried out based on good governance practices. This is done in adherence to the principles of Government procurement, including public accountability, transparency, achieving the best value for money, open competition, and fairness and equity.

PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM)

PBM merujuk kepada pihak yang bertanggung jawab untuk meluluskan sesuatu perolehan. RAC mempunyai tiga (3) peringkat PBM tertakluk kepada had nilai sesuatu perolehan seperti berikut:

APPROVING AUTHORITY (AA)

The Approving Authority (AA) refers to the party responsible for approving a procurement. RAC has three (3) levels of AA, subject to the value limits of a procurement as follows:

JENIS PEROLEHAN PROCUREMENT TYPE	HAD NILAI VALUE LIMIT	KATEGORI DANA FUND CATEGORY	PUNCA KUASA PROVISION	PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM) APPROVING AUTHORITY (AA)
BEKALAN DAN PERKHIDMATAN SUPPLY AND SERVICES	SEHINGGA RM50K UP TO RM50K	RAC	PPK RAC TAHUN 2021 PPK RAC YEAR 2021	CEO
	MELEBIHI RM50K HINGGA RM800K EXCEEDING RM50K TO RM800K	RAC	PPK RAC TAHUN 2021 PPK RAC YEAR 2021	JAWATANKUASA SEBUT HARGA QUOTATION COMMITTEE (JKSH) RAC
	MELEBIHI RM50K HINGGA RM500K EXCEEDING RM50K TO RM500K	PERSEKUTUAN FEDERAL	PK2	
	MELEBIHI RM800K EXCEEDING RM800K	RAC	PPK RAC TAHUN 2021 PPK RAC YEAR 2021	LEMBAGA PEROLEHAN RAC RAC PROCUREMENT BOARD
	MELEBIHI RM500K EXCEEDING RM500K	PERSEKUTUAN FEDERAL	PK2	
KERJA WORK	SEHINGGA RM100K UP TO RM100K	RAC	PPK RAC TAHUN 2021 PPK RAC YEAR 2021	CEO
	SEHINGGA RM50K UP TO RM50K	PERSEKUTUAN FEDERAL	PK2	
	MELEBIHI RM100K HINGGA RM800K EXCEEDING RM100K TO RM800K	RAC	PPK RAC TAHUN 2021 PPK RAC YEAR 2021	JAWATANKUASA SEBUT HARGA QUOTATION COMMITTEE (JKSH) RAC
	MELEBIHI RM50K HINGGA RM500K EXCEEDING RM50K TO RM500K	PERSEKUTUAN FEDERAL	PK2	
	MELEBIHI RM800K EXCEEDING RM800K	RAC	PPK RAC TAHUN 2021 PPK RAC YEAR 2021	LEMBAGA PEROLEHAN RAC RAC PROCUREMENT BOARD
	MELEBIHI RM500K EXCEEDING RM500K	PERSEKUTUAN FEDERAL	PK2	

Jadual 13: Had nilai perolehan dan peringkat kelulusan PBM
Table 13: Procurement value limits and approval authority levels

PEROLEHAN

PROCUREMENT


Sepanjang 2023, sejumlah 13 juta perolehan telah dilaksanakan merangkumi beberapa kaedah perolehan seperti sebut harga, tender, lantikan terus perunding berserta kos siling, rundingan terus di bawah PK7 dan pembelian terus secara Pesanan Kerajaan. Pecahan perolehan 2023 adalah seperti berikut:

In 2023, a total procurement amounting to RM13 million was executed, encompassing various procurement methods such as quotations, tenders, direct appointments of consultants with capped costs, direct negotiations under PK7 and direct purchases via Government Orders. The breakdown of procurements for 2023 is as follows:

KAEDAH PEROLEHAN PROCUREMENT METHOD	BILANGAN PEROLEHAN PROCUREMENT NUMBER	JUMLAH TOTAL
Sebut Harga <i>Quotation</i>	17	6,982,867.19
Tender	-	-
Lantikan Terus Perunding Berserta Kos Siling <i>Direct Appointment of Consultant with Ceiling Cost</i>	5	904,232.47
Rundingan Terus (PK7) <i>Direct Negotiation (PK7)</i>	7	1,339,226.95
Lantikan Terus (Kerja) <i>Direct Appointment (Work)</i>	17	1,009,540.28
Pembelian Terus (Perkhidmatan/Bekalan) Secara Pesanan Kerajaan <i>Direct Purchase (Service/Supply) by Government Order</i>	264	3,131,459.35
Pembelian Terus (Perkhidmatan/Bekalan) Perolehan Bermasa <i>Direct Purchase (Service/Supply) for Time-Based Procurement</i>	5	223,792.80
JUMLAH TOTAL		13,591,119.04

Jadual 14:Jumlah dan kaedah perolehan yang dilaksanakan RAC sepanjang 2023
Table 14: Total amount and procurement methods implemented by RAC throughout 2023

PEROLEHAN PROCUREMENT



SISTEM TENDERWIZARD

Sistem perolehan secara elektronik yang dikenali sebagai TenderWizard RAC telah digunakan Perbadanan ini dalam melaksanakan sesuatu proses perolehan sejak Julai 2020. Sistem ini dibangunkan selaras dengan pelaksanaan sistem e-Perolehan yang diperkenalkan oleh MOF. Sistem ini juga merupakan sistem yang lazim diguna pakai oleh pelbagai Badan Berkanun Persekutuan dan agensi kerajaan dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Sehingga kini RAC mempunyai 380 syarikat aktif yang berdaftar di dalam sistem TenderWizard RAC.

Sistem dalam talian ini mampu memudah cara kaedah perolehan khususnya bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang sebelum ini dilaksanakan secara manual di samping dapat mengurangkan penggunaan kertas. Sistem ini juga menggantikan kaedah pendaftaran pembekal/ perkhidmatan sedia ada kepada sesuatu yang lebih sistematik dan teratur.

Dengan pelaksanaan sistem ini, hanya syarikat yang berdaftar sebagai pembekal RAC yang boleh menyertai perolehan di RAC. Pendaftaran sebagai pembekal RAC boleh di buat melalui pautan <https://tenderwizard.my/RAC> dengan dikenakan Fi pendaftaran sebanyak RM150.00 bagi tempoh sah laku ialah 12 bulan daripada tarikh pendaftaran.

TENDERWIZARD SYSTEM

The electronic procurement system known as TenderWizard RAC has been utilised by the Corporation for its procurement processes since July 2020. This system was developed in line with the implementation of the e-Procurement system introduced by MOF. It is also commonly used by various Federal Statutory Bodies and government agencies for their procurement activities. To date, RAC has 380 active companies registered within the TenderWizard RAC system.

This online system facilitates procurement processes, particularly for the procurement of supplies and services that were previously carried out manually, while also reducing paper usage. Additionally, it replaces the existing supplier/ service registration method with a more systematic and organised approach.

With the implementation of this system, only companies registered as RAC suppliers can participate in procurement activities at RAC. Registration as an RAC supplier can be done through the link <https://tenderwizard.my/RAC> with a registration Fee of RM150.00, valid for 12 months from the registration date.





SEKSYEN
SECTION

08

PENGURUSAN ADUAN AWAM & PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC

*PUBLIC COMPLAINTS MANAGEMENT &
RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC*

PENGURUSAN ADUAN AWAM

MANAGEMENT OF PUBLIC COMPLAINTS

Pengurusan aduan merujuk kepada proses mengendalikan aduan yang diterima oleh sesebuah organisasi. Pengurusan aduan yang berkesan adalah penting bagi membolehkan aduan ditangani dengan segera, adil dan berkesan.

Dalam hal ini, RAC mengguna pakai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2022: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam dalam menguruskan aduan yang diterima.

Sehingga penghujung 2023, Perbadanan ini menerima sejumlah 251 kes. Berikut adalah butiran mengenai jumlah kes yang diterima mengikut bulan dan status kes-kes tersebut

Complaint management refers to the process of handling complaints received by an organisation. Effective complaint management is crucial to ensure that complaints are addressed promptly, fairly, and efficiently.

In this regard, RAC adheres to the Public Administration Circular No. 2 of 2022: Improvements to the Public Complaint Management Process in handling the complaints it receives.

As of the end of 2023, the Corporation received a total of 251 cases. Below are the details regarding the number of cases received by month and their status.

BULAN MONTH	JUMLAH KES ADUAN NO. OF COMPLAINT CASES (TERIMA / RECEIVED)	JUMLAH ADUAN NO. OF COMPLAINT (SELESAI/ CLOSED)	JUMLAH ADUAN NO. OF COMPLAINT (MASIH DALAM SIASATAN / ON-GOING INVESTIGATION)
Januari <i>January</i>	18	18	0
Februari <i>February</i>	17	17	0
Mac <i>March</i>	29	29	0
April	29	29	0
Mei <i>May</i>	18	18	0
Jun <i>June</i>	28	28	0
Julai <i>July</i>	25	25	0
Ogos <i>August</i>	23	23	0
September	20	20	0
Oktober <i>October</i>	14	14	0
November	22	17	5
Disember <i>December</i>	8	7	1
JUMLAH TOTAL	251	245	6

Jadual 15: Jumlah kes aduan yang diuruskan oleh RAC pada 2023
Table 15: Number of complaint cases handled by RAC in 2023

PENGURUSAN ADUAN AWAM

MANAGEMENT OF PUBLIC COMPLAINTS

Berdasarkan jadual di atas, pada tahun 2023 sebanyak 251 kes aduan telah direkodkan dan sehingga penghujung Disember 2023, sebanyak 245 aduan telah berjaya diselesaikan dengan enam (6) aduan masih di peringkat siasatan dan penyelesaian. Dijangka aduan-aduan ini akan dapat diselesaikan sebelum penghujung bulan Februari 2024.

ADUAN YANG DITERIMA TERUS OLEH PEJABAT-PEJABAT URUSAN WILAYAH

Selain daripada aduan-aduan yang diterima melalui ibu pejabat RAC, sepanjang 2023, terdapat juga maklum balas yang diterima secara terus oleh Pejabat Urusan Wilayah Utara, PUWU (bagi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak), Pejabat Urusan Wilayah Timur, PUWT (bagi Kelantan dan Pahang) dan Pejabat Urusan Wilayah Selatan, PUWS (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). Berikut adalah jumlah kes keseluruhan yang telah diuruskan oleh Pejabat-pejabat Urusan Wilayah RAC:

Based on the table above, a total of 251 complaint cases were recorded in 2023, and by the end of December 2023, 245 of these complaints were successfully resolved, leaving six (6) complaints still under investigation and resolution. It is expected that these complaints will be resolved by the end of February 2024.

COMPLAINTS RECEIVED DIRECTLY BY REGIONAL OFFICES

In addition to the complaints received through the RAC headquarters, there were also feedbacks received directly by the Northern Regional Office, PUWU (covering Perlis, Kedah, Penang, and Perak), the Eastern Regional Office, PUWT (covering Kelantan and Pahang), and the Southern Regional Office, PUWS (covering Negeri Sembilan, Melaka, and Johor) throughout 2023. The following is the total number of cases managed by the RAC Regional Offices:

NEGERI STATE	JUMLAH ADUAN DITERIMA PUWU TOTAL COMPLAINTS RECEIVED BY PUWU	JUMLAH ADUAN DITERIMA PUWT TOTAL COMPLAINTS RECEIVED BY PUWT	JUMLAH ADUAN DITERIMA PUWS TOTAL COMPLAINTS RECEIVED BY PUWS
Perlis	13		
Kedah	12		
Pulau Pinang	25		
Perak	34		
Kelantan		3	
Pahang		2	
Negeri Sembilan			30
Melaka			14
Johor			3
JUMLAH TOTAL	84	5	47
JUMLAH KESELURUHAN OVERALL TOTAL	136		

Jadual 16: Jumlah aduan yang diuruskan oleh pejabat-pejabat urusan wilayah utara, timur dan selatan
Table 16: Total complaints managed by northern, eastern and southern regional offices

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC

STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

Sepanjang 2023, pelbagai majlis rasmi/ separa rasmi termasuk kunjungan hormat, lawatan kerja dan beberapa program yang melibatkan kerjasama dengan pihak swasta telah dianjurkan.

Penganjuran program dan acara ini merupakan sebahagian daripada usaha Perbadanan ini untuk memperkukuh dan mempromosikan perniagaan teras dan jenama RAC kepada pihak-pihak berkepentingan.

Berikut adalah antara acara dan program rasmi penting yang telah dianjurkan:

Throughout 2023, various official/ semi-official events, including courtesy visits, working visits, and several programmes involving collaboration with private sector entities, were organised.

These events and programmes are part of the Corporation's efforts to strengthen and promote RAC's core business and brand to stakeholders.

Below are some of the key official events and programmes organised:



MAJLIS PERASMIAN STESEN KERETA API KAJANG KAJANG RAILWAY STATION INAUGURATION CEREMONY

Majlis perasmian stesen kereta api ini telah diadakan pada 10 Mac 2023 dengan disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Stesen yang mula beroperasi pada 13 Mac 2023 telah memberi pilihan kepada penduduk di kawasan Kajang dan Bangi untuk menikmati kemudahan pengangkutan awam yang lebih selamat dan kondusif.

Dengan kemampuan untuk mengendalikan 400 penumpang pada satu-satu masa, stesen kereta api ini dibina di kawasan seluas 87,120 kaki persegi dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya:

- 500 kawasan tempat letak kenderaan;
- Jejantas pejalan kaki dengan lif bagi menghubungkan penduduk di kawasan perumahan Seksyen 5, Kajang;
- empat (4) buah eskalator;
- fasiliti mesra OKU;
- lapan (8) kios jualan yang sedia untuk disewa;
- kamera pengawasan keselamatan di lokasi yang strategik;
- kawasan menurunkan penumpang (*drop-off area*); dan
- kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti tandas, surau dan platform berbumbung.

The inauguration ceremony of this railway station was held on 10 March 2023, officiated by the Minister of Transport, YB Loke Siew Fook. The station began operations on 13 March 2023, providing residents in the Kajang and Bangi areas with a safer and more conducive public transportation option.

With the capacity to handle 400 passengers at any given time, this railway station is built on an area covering 87,120 square feet and is equipped with various facilities, including:

- 500 parking spaces;
- pedestrian bridge with an elevator connecting residents in the Seksyen 5, Kajang residential area;
- four (4) escalators;
- OKU facilities;
- eight (8) retail kiosks available for rent;
- strategically placed security surveillance cameras;
- drop-off area; and
- other basic amenities such as restrooms, a surau (prayer room), and a covered platform.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND



02

PAMERAN HARTANAH RAC 2023 RAC PROPERTY SHOWCASE 2023

Sebanyak 10 tapak tanah kereta api yang berpotensi tinggi dengan keluasan keseluruhan berjumlah 369.452 ekar telah ditawarkan untuk dibangunkan dalam pameran yang julung kalinya diadakan oleh RAC.

Kesemua tapak ini terletak di enam (6) negeri iaitu di Pulau Pinang, Johor, Selangor, Kuala Lumpur, Perlis dan Kelantan dengan lima (5) daripada tapak tersebut berada di dalam jajaran kereta api yang tersedia, sesuai dimajukan dengan konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (Transit Oriented Development – TOD) antaranya di Kempas, Johor, Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan Salak Selatan di Kuala Lumpur, Stesen Keretapi Wakaf Bharu, Kelantan dan Stesen Keretapi Padang Besar di Perlis.

A total of 10 high-potential railway land sites, covering a total area of 369.452 acres, were offered for development at the first-ever property showcase organised by RAC.

These sites are located across six (6) states, namely Penang, Johor, Selangor, Kuala Lumpur, Perlis, and Kelantan. Five (5) of these sites are situated along existing railway lines and are suitable for development under the Transit-Oriented Development (TOD) concept. Notable locations include Kempas in Johor, Kuala Lumpur Railway Station and Salak Selatan in Kuala Lumpur, Wakaf Bharu Railway Station in Kelantan, and Padang Besar Railway Station in Perlis.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

Pameran tersebut yang diadakan pada 24 Ogos 2023 telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Seramai 40 pemaju dan pemain-pemain industri hartanah terkemuka antaranya Eco World Development Group Bhd., IOI Properties Group Bhd., UOA Development Bhd., Berjaya Land Bhd., MK Land Holding Bhd. dan YTL Land & Development Sdn. Bhd., Tropicana Corporation Bhd., Titijaya Land Bhd. dan Johor Land Bhd hadir ke acara ini.

The showcase, held on 24 August 2023, was officiated by the Minister of Transport, YB Loke Siew Fook. The event was attended by 40 prominent developers and industry players, including Eco World Development Group Bhd., IOI Properties Group Bhd., UOA Development Bhd., Berjaya Land Bhd., MK Land Holding Bhd., YTL Land & Development Sdn. Bhd., Tropicana Corporation Bhd., Titijaya Land Bhd., and Johor Land Bhd.



03

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN BAGI PEMBINAAN STESEN KERETA API SEGAMPUT 2 ANTARA PERBADANAN ASSET KERETAPI DENGAN IDP INDUSTRIAL DEVELOPMENT SDN. BHD.

SIGNING CEREMONY FOR THE DEVELOPMENT AGREEMENT OF SEGAMPUT 2 RAILWAY STATION BETWEEN RAILWAY ASSETS CORPORATION AND IDP INDUSTRIAL DEVELOPMENT SDN. BHD.

Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan bagi Pembinaan Stesen Kereta Api Segambut 2 antara RAC dengan IDP Industrial Development Sdn. Bhd. telah dimeterai antara Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad dan Pengarah IDP Industrial Development Sdn. Bhd, YBrs. Encik Kong Pak Lim.

The signing ceremony for the Development Agreement of Segambut 2 Railway Station between RAC and IDP Industrial Development Sdn. Bhd. was formalised today. The agreement was signed by the Chief Executive Officer of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, and the Director of IDP Industrial Development Sdn. Bhd., Mr. Kong Pak Lim.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

Pemeteraian perjanjian ini telah disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, Menteri Belia & Sukan merangkap Ahli Parlimen Segambut, YB Hannah Yeoh dan Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah.

Melalui perjanjian ini, sebuah stesen kereta api akan diwujudkan bersebelahan dengan pembangunan United Point Residence memberi peluang kepada penghuni di United Point Residence dan kawasan sekitar berhampiran memilih rel sebagai mod pengangkutan utama. Dengan anggaran keluasan 3.397 ekar, stesen kereta api baharu ini terletak di lokasi yang strategik di mana ia akan dihubungkan dengan jejantas pejalan kaki, berbanding dengan Stesen Keretapi Segambut sedia ada yang terletak kira-kira 1.25 km lebih jauh.

Pembinaan stesen kereta api ini juga merupakan contoh konsep Pembangunan Berorientasikan Transit yang berjaya diterjemahkan oleh pemain industri hartanah.

The signing was witnessed by the Minister of Transport, YB Loke Siew Fook; the Minister of Youth & Sports and Member of Parliament for Segambut, YB Hannah Yeoh; and the Deputy Minister of Transport, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah.

Under this agreement, a new railway station will be established adjacent to the United Point Residence development, providing residents of United Point Residence and the surrounding areas with the option of using rail as their primary mode of transportation. The new station, covering an estimated area of 3.397 acres, will be strategically located and connected via a pedestrian bridge, offering a more convenient alternative compared to the existing Segambut Railway Station, which is approximately 1.25 km further away.

This railway station development exemplifies the successful implementation of the Transit-Oriented Development (TOD) concept by industry players.



PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

04

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORADUM PERSEFAHAMAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA PERBADANAN ASET KERETAPI DAN THINK CITY SDN BHD BAGI MEREALISASIKAN PROGRAM REJUVENASI KERETA API WARISAN

SIGNING CEREMONY OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING FOR STRATEGIC COOPERATION BETWEEN RAILWAY ASSETS CORPORATION AND THINK CITY SDN. BHD. TO REALISE THE HERITAGE RAILWAY REJUVENATION PROGRAMME

Aset-aset kereta api milik yang mempunyai nilai sejarah dan warisan yang tinggi akan diberi wajah baharu dan suntikan elemen komersial dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara RAC dengan Think City Sdn. Bhd. (Think City).

Hasrat ini bakal direalisasikan di bawah Program Rejuvenasi Kereta Api Warisan yang menyaksikan RAC, sebagai pemilik dan pengurus aset-aset kereta api milik Kerajaan dan Think City, sebuah organisasi perunding, menjalinkan kerjasama strategik melalui satu model perniagaan yang berfokuskan kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap aset-aset kereta api tersebut dengan menerapkan nilai-nilai komersial.

Sebagai perintis pertama program ini Bangunan Malayan Railway yang dibina pada 1907 untuk kegunaan *Federated Malay States Railway* (FMS Railway) akan dipulih dan dipelihara bertepatan dengan perkembangan semasa hari ini yang menyaksikan banyak bangunan dan aset bersejarah di negara kita diberi suntikan elemen komersial sekali gus boleh dijadikan lokasi tarikan pelancongan.

Memorandum perjanjian tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad manakala Think City diwakili oleh Pengarah Urusannya, YBrs. Encik Hamdan Abdul Majeed dengan disaksikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook.

Railway assets with significant historical and heritage value will be revitalised with the injection of commercial element through the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between the Railway Assets Corporation (RAC) and Think City Sdn. Bhd. (Think City).

This vision will be brought to life under the Heritage Railway Rejuvenation Programme, where RAC, as the owner and manager of government railway assets, and Think City, a consulting organisation, will establish a strategic partnership through a business model focused on the conservation and preservation of these railway assets while incorporating commercial values.

As the first pioneer of this programme, the Malayan Railway Building, constructed in 1907 for the Federated Malay States Railway (FMS Railway), will be restored and preserved, aligning with the modern-day trend of revitalising historical buildings and assets in our country. These revitalised sites can serve as new tourism attractions by infusing them with commercial elements.

The Memorandum of Understanding was signed by the CEO of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, and the Managing Director of Think City, YBrs. En. Hamdan Abdul Majeed. The signing was witnessed by the Chief Minister of Penang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, and the Minister of Transport, YB Loke Siew Fook.



PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

05

PELANCARAN APLIKASI MUDAH ALIH RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS) RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS) MOBILE APPLICATION LAUNCH

Dalam usaha mendukung hasrat Kerajaan untuk memperkukuhkan agenda pendigitalan negara, usaha yang dibuat oleh RAC dengan melaksanakan aspirasi pendigitalan dalam pengurusan core business yang dijalankan adalah suatu pencapaian yang membanggakan.

Pada 21 Mac 2023, pelancaran aplikasi RAILS secara mudah alih telah disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Pendekatan ini adalah sebagai pilihan kepada pelanggan RAC untuk menggunakan aplikasi RAILS dengan cara yang lebih mudah dan cepat. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma melalui Google Playstore, Apps Store dan Huawei App Gallery.

In support of the government's aspiration to strengthen the nation's digitalisation agenda, RAC has made a significant achievement by integrating digitalisation into the management of its core business operations.

On 21 March 2023, the RAILS mobile application was officially launched by YB Loke Siew Fook, Minister of Transport. This initiative offers RAC customers a more convenient and faster way to access the RAILS application. The application is available for free download through Google Playstore, App Store, and Huawei App Gallery.



PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC

STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

01

KUNJUNGAN HORMAT COURTESY VISITS

Bagi tujuan pengukuhan kerjasama dan hubungan baik dengan pemegang-pemegang taruh, kunjungan hormat dan lawatan ke atas rakan sejawatan turut dilaksanakan dari semasa ke semasa yang melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad. Berikut adalah sebahagian daripada sesi yang telah dilaksanakan sepanjang 2023:

To strengthen collaboration and maintain good relations with stakeholders, courtesy visits and meetings with counterparts were conducted periodically by the Chief Executive Officer of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad. Below are some of the sessions held throughout 2023:



Kunjung hormat Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan pada 12 Disember 2023. Pertemuan ini diadakan bagi membincangkan isu-isu komersial antaranya berkaitan penyelarasan semula kadar sewaan tanah kereta api. Turut dibincangkan adalah perkongsian idea bagi meningkatkan hasil melalui kerjasama strategik yang boleh dibuat antara Majlis Perbandaran Teluk Intan dan RAC melalui penggunaan tanah-tanah rizab kereta api secara optimum



Yang Dipertua Teluk Intan Municipal Council courtesy visit on 12 December 2023. The meeting focused on discussing commercial issues, particularly regarding the adjustment of railway land rental rates. Additionally, ideas were shared to increase revenue through strategic collaborations between Teluk Intan Municipal Council and RAC by optimising the use of railway reserve lands.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND



Kunjungan hormat dari NS Corporation yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi, Encik Norazhar Musa pada 18 September 2023. Kunjungan hormat ini diadakan bagi membincangkan hal-hal berkaitan dengan pembangunan komprehensif untuk seluruh perairan di Port Dickson, Negeri Sembilan termasuk pembinaan Jeti NSC (jetty arang).



NS Corporation courtesy visit led by Chief Operating Officer, Mr. Norazhar Musa on 18 September 2023. This visit was held to discuss matters related to the comprehensive development of the entire waterfront area in Port Dickson, Negeri Sembilan, including the construction of the NSC Jetty.



Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad menerima kunjungan hormat daripada Turkish Railway Vehicles Industry Inc. (TURASAS) yang diketuai oleh Encik Yusuf Aldemir, Timbalan Pengurus Besar TURASAS pada 7 Nov 2023.

Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan bagi mengeratkan jalinan kerjasama di samping bertukar-tukar pandangan, idea serta maklumat antara kedua-dua pihak dalam sektor perkeretaapian. TURASAS adalah pemain industri perkeretaapian terbesar di Turkiye.



Turkish Railway Vehicles Industry Inc. (TURASAS) courtesy visit on 7 November 2023, the CEO of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, received a courtesy visit from TURASAS, led by Mr. Yusuf Aldemir, Deputy General Manager of TURASAS.

The purpose of this visit was to strengthen collaborative ties and exchange views, ideas, and information between the two parties in the railway sector. TURASAS is the largest railway industry player in Turkiye.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND



Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad menerima kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Puan Hajah Norita Mohd Sidek & wakil anak syarikat Perbadanan itu iaitu Kumpulan Hartanah Selangor Berhad & Smart Selangor Delivery Unit di pejabatnya pada 17 Julai 2023. Pertemuan itu bertujuan mewujudkan kolaborasi bagi membangunkan tanah-tanah kereta api milik RAC yang berpotensi di Selangor.



Courtesy Visit from CEO of Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI): On July 17, 2023, the CEO of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, received a courtesy visit from Puan Hajah Norita Mohd Sidek, CEO of Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI), along with representatives from its subsidiaries, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad and Smart Selangor Delivery Unit. The meeting aimed to establish collaboration in developing RAC's potentially valuable railway lands in Selangor.



Kunjungan hormat oleh Ketua Jajahan Pejabat Tanah & Jajahan Gua Musang, Tuan Haji Ab. Pattah Hasbullah dan delegasinya ke atas Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah dibuat pada 1 Jun 2023.

Antara agenda perbincangan adalah cadangan pembinaan baharu Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di atas sebahagian tanah hak milik RAC, Lot 445 & 446, Kg 5 & Kg 6, Mukim Renok, Gua Musang. Cadangan tersebut mendapat reaksi positif daripada RAC demi membantu penduduk di kampung itu yang sering terjejas ketika banjir.



Courtesy visit by the District Officer of Gua Musang on 1 June 2023, Tuan Haji Ab. Pattah Hasbullah, the District Officer of Pejabat Tanah & Jajahan Gua Musang, and his delegation visited the CEO of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad.

The discussion included a proposal for constructing a new Temporary Evacuation Centre (PPS) on part of RAC-owned land, Lot 445 & 446, Kg 5 & Kg 6, Mukim Renok, Gua Musang. This proposal received a positive response from RAC, aimed at assisting residents in the village who are frequently affected by floods.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC *STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND*



Kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Ipoh Cargo Terminal (ICT), Encik Wan Azli Wan Mohamed Ali, ke atas Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad di pejabat RAC bagi membincangkan hala tuju penempatan semula tapak operasi ICT telah diadakan pada 25 Mei 2024.

Syarikat tersebut merupakan pemajak RAC dan penempatan semula itu adalah sejajar dengan cadangan pembangunan Ipoh Sentral yang akan dilaksanakan secara berfasa kelak. Anggaran luas tapak operasi ICT yang terlibat dengan pembangunan Ipoh Sentral ialah 29 ekar.



Courtesy visit by the CEO of Ipoh Cargo Terminal (ICT), Mr. Wan Azli Wan Mohamed Ali on 25 May 2024 to the CEO of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, at RAC's office to discuss the future direction of relocating the ICT operational site.

ICT, a lessee of RAC, is involved in this relocation in line with the proposed development of Ipoh Sentral, which will be implemented in phases. The estimated area of the ICT operational site affected by the Ipoh Sentral development is 29 acres.



Pada 23 Februari 2023, sesi Kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad ke atas Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI), Encik Zulkefli Abdullah telah diadakan di pejabat SSI.



A courtesy visit on 23 February 2023 was held where the CEO of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, met with the Acting CEO of Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI), Encik Zulkefli Abdullah, at SSI's office.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

Turut diadakan mesyuarat penyelarasan bagi membincangkan terma-terma yang terkandung dalam cadangan perjanjian usaha sama antara RAHSB, anak syarikat RAC dan Silver Smart Sdn. Bhd., anak syarikat SSI Perak bagi merealisasikan cadangan pembangunan Ipoh Sentral yang bakal memberi impak yang tinggi kepada pembangunan Bandaraya Ipoh.

A coordination meeting was also conducted to discuss the terms of the proposed joint venture agreement between RAHSB, a subsidiary of RAC, and Silver Smart Sdn. Bhd., a subsidiary of SSI Perak. This agreement aims to realise the development proposal for Ipoh Sentral, which is expected to significantly impact the development of Ipoh City.

02

LAWATAN KERJA WORKING VISIT



Lawatan Ahli Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Muhamed dan Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad ke Bangunan Malayan Railway di George Town, Pulau Pinang bagi meninjau keadaan dalam dan persekitaran bangunan bersejarah tersebut. Dalam lawatan tersebut, beliau telah diberi taklimat oleh Think City mengenai cadangan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan milik RAC yang berusia 116 tahun.



A visit was made by RAC Board Member, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Muhamed and CEO of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad to the Malayan Railway Building in George Town, Penang, to inspect the condition and surrounding areas of the historic building. During the visit, they were briefed by Think City on the proposed conservation and preservation plans for the 116-year-old building owned by RAC.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC *STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND*



Selain itu, pada 29 November 2023, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara RAC dan Network Rail bagi mempromosikan kerjasama teknikal dua hala dalam bidang pengurusan aset dan akses landasan telah diadakan di Stesen King's Cross.



Additionally, on 29 November 2023, the Memorandum of Understanding (MoU) signing ceremony between RAC and Network Rail, aimed at promoting technical bilateral cooperation in the areas of asset management and track access, was held at King's Cross Station.



Satu sesi lawatan kerja bagi meninjau platform Hentian Kuala Gris telah diadakan pada 21 Julai 2023 oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBhg. Dato' Azhar Ahmad. Platform tersebut merupakan antara platform di 24 buah stesen dan hentian kereta api di Kelantan yang dinaiktaraf selaras dengan penggantian lokomotif dan koc penumpang yang lama kepada tren *Diesel Multiple Unit (DMU)* yang dibuat oleh Kerajaan pada 2021.

Turut dinaiktaraf adalah platform di 13 buah stesen dan hentian di Pahang. Kemudahan yang dibina melalui peruntukan Tabung PEMERKASA 2021 ini turut dilengkapi dengan kemudahan untuk OKU. Projek ini dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan JKR selaku agensi pelaksana.



A working visit to inspect the Kuala Gris Bus Terminal platform was conducted on 21 July 2023, by RAC Chief Executive Officer, YBhg. Dato' Azhar Ahmad. The platform is one of the 24 upgraded railway stations and bus terminals in Kelantan, aligned with the replacement of old locomotives and passenger coaches with Diesel Multiple Unit (DMU) trains implemented by the Government in 2021.

Also upgraded are platforms at 13 stations and terminals in Pahang. The facilities, funded through the PEMERKASA 2021 allocation, are equipped with amenities for disabled individuals (OKU). This project is managed by the Transport Infrastructure Engineering Branch of JKR as the implementing agency.

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Kluang bagi meninjau aset dan projek yang akan dilaksanakan di daerah itu. Antara lokasi yang dilawati adalah Kluang Rail Coffee yang terletak di dalam Stesen Keretapi Kluang.

Kluang Rail Coffee merupakan antara rakan niaga RAC yang telah meraih pengiktirafan oleh Malaysia Book of Records sebagai kopitiam kereta api tertua di Malaysia (*the oldest railway kopitiam in Malaysia*) pada 2022.

Bermula sebagai sebuah kantin, kopitiam ini yang dibuka pada 1938 menyediakan perkhidmatan kepada para penduduk dan kakitangan pejabat Kerajaan pada zaman itu. Pada masa itu, kereta api merupakan tulang belakang kepada rangkaian pengangkutan dan komunikasi di Tanah Melayu.

Beliau juga turut diberi taklimat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mengkibol, YB Chew Chong Sin berkenaan cadangan *Kluang Station Linear Park Urban Regeneration*. Usai taklimat, satu lawatan tapak telah diatur oleh Think City Sdn. Bhd. ke sekitar tapak cadangan tersebut. Cadangan ini dilihat dapat mengubah landskap sekitar Stesen Keretapi Kluang khususnya di jajaran keretapi lama sebagai kawasan riadah dan rekreasi yang lebih indah dan ceria.



RAC Chief Executive Officer, YBhg. Dato' Azhar Ahmad conducted a working visit to Kluang to inspect assets and projects planned for the district. Among the locations visited was Kluang Rail Coffee, located within the Kluang Railway Station.



Kluang Rail Coffee is one of RAC's partners that has been recognised by the Malaysia Book of Records as the oldest railway kopitiam in Malaysia in 2022.

Initially starting as a canteen, this kopitiam, which opened in 1938, served the local residents and government office staff of that era. At that time, railways were the backbone of transportation and communication in Malaya.

During the visit, YBhg. Dato' Azhar Ahmad was also briefed by the Mengkibol State Assembly Member (ADUN), YB Chew Chong Sin, about the proposed Kluang Station Linear Park Urban Regeneration. Following the briefing, a site visit was arranged by Think City Sdn. Bhd. to the proposed site area. This proposal is expected to transform the area around Kluang Railway Station, particularly the old railway corridor, into a more attractive and vibrant recreational and leisure space.



PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC STRENGTHENING RAC'S IMAGE AND BRAND



Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad turun padang meninjau keadaan jejantas pejalan kaki berhampiran Stesen Keretapi Batu Caves yang tidak lagi kondusif bagi kegunaan orang ramai. Lawatan ini turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin dan wakil dari Majlis Perbandaran Selayang.

Di akhir lawatan ini, kerja-kerja pembaikan jejantas ini akan dibuat oleh RAC di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat bagi memastikan kemudahan ini dapat terus digunakan oleh orang ramai terutama pengguna rel.



The Chief Executive Officer of RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, conducted an on-site inspection of the pedestrian bridge near Batu Caves Railway Station, which is no longer conducive for public use. The visit was also attended by the Chief Executive Officer of KTMB Group, YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin, and representatives from the Selayang Municipal Council.

At the end of the visit, it was decided that the repair work for the pedestrian bridge will be undertaken by RAC under the CSR.

PROGRAM TANGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMMES

Pelaksanaan program di bawah CSR mampu memberikan laluan yang kondusif dan efektif dalam mempromosi fungsi dan jenama sesebuah organisasi. Sebagai Agensi Kerajaan, RAC tidak ketinggalan untuk melaksanakan program seumpama ini bagi melahirkan rasa keprihatinan, memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dititikberatkan di samping meningkatkan imej organisasi. Pada tahun ini, beberapa program CSR telah dilaksanakan melibatkan pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Menerusi program-program berkenaan, usaha untuk memperkenalkan RAC sebagai sebuah Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan infrastruktur dan projek kereta api di negara ini dapat dilaksanakan.

The implementation of CSR projects and programmes can effectively promote the functions and brand of an organisation. As a Government Agency, RAC is committed to carrying out such programmes to demonstrate care, ensure the welfare and well-being of the public, and enhance the organisation's image. This year, several CSR programmes have been executed, involving various levels and segments of society. Through these programmes, RAC aims to establish itself as a responsible Government Agency in the development of infrastructure and railway projects in the country.

Pada 13 Mac 2024, Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook telah menyampaikan sumbangan kepada Pertubuhan Pusat Jagaan Baitul Hidayah dan Pertubuhan Pusat Jagaan Limpahan Kasih semasa menghadiri Majlis Iftar Ramadan RAC 2023 yang diadakan sejurus selepas Majlis Perasmian Stesen Kereta Api Kajang 2. Beliau juga turut menyampaikan sumbangan duit Raya kepada 43 anak-anak yatim selain beramah mesra bersama warga kerja RAC.

Turut hadir YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan Ketua Setiausaha MOT merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif RAC serta para pemegang taruh.



On 13 March 2024, YB Loke Siew Fook, Minister of Transport, delivered contributions to Pertubuhan Pusat Jagaan Baitul Hidayah and Pertubuhan Pusat Jagaan Limpahan Kasih during the RAC 2023 Ramadan Iftar event held right after the official opening of Kajang 2 Railway Station. He also provided Raya money to 43 orphans and engaged with RAC staff.

Also present were YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Secretary-General of the MOT and Chairman of the RAC Board of Directors, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Chief Executive Officer of RAC, and other stakeholders.



PROGRAM TANGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMMES

01

MAJLIS PENYERAHAN PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN HENTIAN KERETAPI KUALA GRIS KEPADA JAWATANKUASA MASJID MUKIM KAMPUNG KUALA GRIS HAND OVER EVENT OF THE MANAGEMENT AND MAINTENANCE OF KUALA GRIS RAILWAY STATION TO THE KUALA GRIS VILLAGE MOSQUE COMMITTEE

Hentian Keretapi Kuala Gris telah dikenal pasti oleh MOT melalui RAC untuk dinaiktaraf dengan peruntukan daripada Tabung PEMERKASA 2021.

Ini berdasarkan keadaan hentian tersebut yang sebelum ini sempit dan tidak selesa untuk menampung jumlah pengguna yang begitu ramai terutama pada waktu puncak dan ketika hari hujan. Selain itu, ketiadaan platform yang tinggi telah menyukarkan pengguna terutama golongan warga emas dan OKU untuk naik dan turun daripada gerabak kereta api.

Sesi penyerahan kemudahan tersebut kepada Jawatankuasa Masjid Mukim Kampung Kuala Gris telah diadakan pada 21 Julai 2023 oleh YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif RAC. Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan rel di kawasan luar bandar bagi memastikan keselesaan rakyat dan peningkatan kualiti pengangkutan awam.

Peningkatan kemudahan ini dibuat selaras dengan penggantian lokomotif dan koc penumpang yang lama kepada tren Diesel Multiple Unit (DMU) yang dibuat oleh Kerajaan pada tahun 2021 selain membuktikan bahawa Kerajaan serius dalam usahanya yang berterusan untuk meningkatkan kemudahan awam.

Kuala Gris Railway Station was identified by the MOT through RAC for upgrading with funds from the PEMERKASA 2021 allocation.

This decision was made due to the station's previous condition, which was cramped and uncomfortable for the large number of users, especially during peak hours and rainy days. Additionally, the absence of a high platform made it difficult for users, particularly the elderly and OKU, to board and alight from the train.

The handover of the facility to the Kuala Gris Village Mosque Committee took place on 21 July 2023, by YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Chief Executive Officer of RAC. This project was carried out to enhance the infrastructure and facilities for rail transport in rural areas, ensuring public comfort and improving the quality of public transportation.

This improvement is in line with the replacement of old locomotives and passenger coaches with Diesel Multiple Unit (DMU) trains introduced by the Government in 2021, demonstrating the Government's ongoing commitment to enhancing public facilities.



PROGRAM TANGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMMES

02

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA PERBADANAN ASET KERETAPI, MAJLIS PERBANDARAN KLUANG, SIPP - YTL JV DAN THINK CITY SDN. BHD. BAGI PEMBINAAN KLUANG HERITAGE RAILWAY LINEAR PARK
SIGNING CEREMONY OF THE STRATEGIC COOPERATION MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN RAILWAY ASSETS CORPORATION, KLUANG MUNICIPAL COUNCIL, SIPP - YTL JV, AND THINK CITY SDN. BHD. FOR THE CONSTRUCTION OF KLUANG HERITAGE RAILWAY LINEAR PARK

Pemeteraian Memorandum Persefahaman ini telah dibuat pada 7 September 2023 bertujuan bagi pembinaan sebuah taman rekreasi yang akan dikenali dengan nama *Kluang Heritage Railway Linear Park*. Cadangan pembinaan taman ini telah diwartakan dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kluang Tahun 2030 yang berhasrat untuk mengubah landskap persekitaran kawasan tersebut bagi mewujudkan jaringan hijau dan menyokong pembangunan rendah karbon.

Pembinaan taman rekreasi ini merupakan pendekatan serampang dua mata yang dilihat oleh RAC sebagai konsep baharu dalam penggunaan tanah-tanah kereta api sebagai kawasan rekreasi awam dan juga sebagai aset pelancongan di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat.

Langkah ini secara tidak langsung akan membantu RAC mengurangkan kos penyelenggaraan tanah tersebut dan seterusnya meningkatkan imej Perbadanan ini selaku pemilik dan pengurus aset. Setiap tahun RAC memperuntukkan kira-kira RM5 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tanah-tanah kereta api di sepanjang jajaran kereta api miliknya.

The Memorandum of Understanding was signed on 7 September 2023, with the aim of constructing a recreational park to be named Kluang Heritage Railway Linear Park. The proposed construction of this park has been gazetted in the Kluang Municipal Council Local Plan for 2030, with the intent to transform the landscape of the area to create a green network and support low-carbon development.

The construction of this recreational park is viewed by RAC as a dual-purpose approach, introducing a new concept in the use of railway lands as public recreational areas and as a tourism asset under the Corporate Social Responsibility Programme.

This initiative will indirectly help RAC reduce maintenance costs for the land and enhance the Corporation's image as the owner and manager of the assets. Each year, RAC allocates approximately RM5 million to carry out maintenance work on railway lands along its railway line.



PROGRAM TANGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMMES

Sebuah karya telah dilukis oleh Miey Ali, Syamsul Adenno (*Onwall*) dan Safwan Nasiar (*Ruwang Studio Mural*), mural ini menggambarkan gabungan antara seni dan integriti. Tujuan mural ini dihasilkan adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan integriti dan antirasuah.

Dihasilkan oleh Rasuah Busters, dengan tajaan Majlis Perbandaran Klang, RAC dan Balai Seni Negara, 'masterpiece' ini hanya memerlukan 10 hari untuk menjadi sebuah simbol kebanggaan daerah Klang.

Bertempat di dinding bangunan Park & Ride Stesen Keretapi Klang, projek ini telah dilancarkan dan dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang YBrs. TPr. Puan Hajah Noraini Roslan pada 26 November 2023 sempena program Hari Klang Tanpa Kenderaan dan Fiesta Warisan Bandar Diraja Klang.

Selain itu, Perbadanan ini turut mengadakan pertandingan swafoto terbaik berlatar belakangnya mural ini.



*A masterpiece was created by Miey Ali, Syamsul Adenno (*Onwall*) and Safwan Nasiar (*Ruwang Studio Mural*), depicting the fusion of art and integrity. The purpose of this mural is to raise awareness about the importance of integrity and anti-corruption.*

Produced by Rasuah Busters and sponsored by the Klang Municipal Council, RAC and the National Art Gallery, this masterpiece took only 10 days to become a symbol of pride for the Klang district.

Located on the wall of the Park & Ride building at Klang Railway Station, the project was launched and officiated by the Yang Dipertua of Klang Municipal Council, YBrs. TPr. Puan Hajah Noraini Roslan, on 26 November 2023, in conjunction with the Klang Car-Free Day and Royal Klang Heritage Fiesta.

Additionally, RAC also organised a selfie competition with the mural as the backdrop, encouraging participants to capture their best shots with this iconic artwork.



KEBERKESANAN MEDIA SOSIAL


EFFECTIVENESS OF SOCIAL MEDIA

Komunikasi digital memainkan peranan penting dalam strategi RAC menyampaikan maklumat serta pendedahan berkaitan dasar, publisiti, promosi dan pelaksanaan program/ aktiviti yang dianjurkan. Saluran ini turut menjadi medium komunikasi interaktif dengan orang awam menggunakan platform media sosial iaitu Facebook, Instagram dan X bagi menempatkan mesej secara strategik agar peranan dan fungsi RAC selaku pemilik dan pengurus aset dapat diterjemahkan dengan berkesan.

Berikut adalah jumlah hantaran yang dibuat oleh RAC dan jumlah pengikut berdasarkan saluran media sosial sepanjang 2023:

Digital communication plays a crucial role in RAC's strategy to disseminate information and provide exposure related to policies, publicity, promotions, and the implementation of programmes/activities organised by the corporation. This channel also serves as an interactive communication medium with the public through social media platforms such as Facebook, Instagram and X, strategically positioning messages to effectively convey RAC's role and functions as the owner and manager of assets.

Below are the number of posts made by RAC and the follower count across social media channels throughout 2023:



Rajah 12: Jumlah hantaran dan pengikut saluran-saluran media sosial RAC bagi tahun 2023.
Diagram 12: Number of posts and followers on RAC's social media channels for 2023

KEBERKESANAN MEDIA SOSIAL

EFFECTIVENESS OF SOCIAL MEDIA

Selain hantaran-hantaran di media sosial, sesi *engagement* dengan orang ramai juga dibuat melalui pertandingan-pertandingan yang diadakan antaranya:

In addition to social media posts, engagement sessions with the public were also conducted through various competitions, including:



MALAYSIA MADANI
TikTok Creative Video Competition

PERTANDINGAN VIDEO KREATIF
TIKTOK RAC MERDEKA 2023

Menangi Hadiah Menarik

- Tempat Pertama: Wang Tunai RM700
- Tempat Kedua: Wang Tunai RM500
- Tempat Ketiga: Wang Tunai RM300
- Saguhati X10 Wang Tunai RM150

#teamRAC
TARIKH TUTUP: 24 JULAI 2023

*Imbas kod QR untuk maklumat lanjut berkenaan terma dan syarat pertandingan

#merdeka2023RAC #tekdperpaduanpenuhilharapan

Railway Assets Corporation



railwayassetscorporation

railwayassetscorporation **PERTANDINGAN VIDEO KREATIF RAC MERDEKA 2023**

Anda mempunyai bakat dalam membuat video kreatif. Mempunyai minat yang mendalam untuk menghasilkan video yang lain dan yang lain.

Jom sahut cabaran daripada kami dan anda berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai sehingga RM3,000. Imbas QR berikut untuk mengetahui terma dan syarat pertandingan dan sertailah sekarang!

Terikh tutup adalah pada 24 Julai 2023.

Jangan lupa follow sosial media RAC dan tag 5 rakan anda untuk meningkatkan peluang anda memenangi hadiah yang

View insights Boost post

Liked by hoytadison1999 and 5 others
June 26, 2023

Add a comment...



RAC
RAILWAY ASSETS CORPORATION

#APANIAGARAC


1. **UMMI SYUHADA BINTI ABDUL AZIZ**

2. **AMIRUL HAFIZ DANIAL BIN AZAM**

3. **MAZRI BIN MALEK**

TAHNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG!

Railway Assets Corporation RAC.GOV.MY



railwayassetscorporation

railwayassetscorporation Pengumuman pemenang PERTANDINGAN #APANIAGARAC.

Terima kasih atas sokongan yang diberikan. Sebanyak 30 penyertaan di terima Railway Assets Corporation sehingga tarikh pertandingan ini ditutup.

Kepada yang tidak berjaya jangan berputus asa. RAC amat menghargai bakat dan kreativiti anda.

65w See translation

View insights Boost post

Liked by hoytadison1999 and 23 others
February 9, 2023

Add a comment...





SEKSYEN
SECTION

09

INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU DAN KELESTARIAN HIJAU

*RENEWABLE ENERGY AND GREEN
SUSTAINABILITY INITIATIVES*

INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU

RENEWABLE ENERGY INITIATIVES

Sejak 2021, RAC telah memulakan inisiatif Tenaga Boleh Baharu (TBB) dengan tujuan mengenal pasti peluang bagi mengurangkan kos operasi iaitu kos penggunaan tenaga di dalam sektor pengangkutan rel dan sekali gus menjana pendapatan melalui ladang solar.

Inisiatif ini sehaluan dengan aspirasi Sustainable Development Goal (SDG) 2030 terutamanya bagi mencapai matlamat berikut:

Since 2021, RAC has embarked on a Renewable Energy (RE) initiative aimed at identifying opportunities to reduce operational costs, particularly energy consumption in the rail transport sector, while simultaneously generating revenue through solar farms.

The initiative aligns with the aspirations of the 2030 Sustainable Development Goals (SDG), particularly in achieving the following goals:

01**Matlamat 9**
Goal 9

- Membina Infrastruktur Kukuh, Mempromosikan Industri yang Menyeluruh dan Mampan serta Meransang Inovasi
Build resilient infrastructure, promote inclusive and sustainable industrialisation, and foster innovation

02**Matlamat 11**
Goal 11

- Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Menyeluruh, Selamat, Kukuh dan Mampan
Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable

Kedua-dua matlamat ini tertumpu kepada penyediaan sistem pengangkutan yang mampan dan infrastruktur yang berdaya tahan untuk memungkinkan pembangunan sosio ekonomi. Bagi merealisasikan aspirasi ini, RAC sentiasa bekerjasama dengan rakan-rakan strategik yang berkebolehan dan berpengalaman.

These goals focus on providing sustainable transportation systems and resilient infrastructure to catalyse socio-economic development. To realise these aspirations, RAC continually collaborates with capable and experienced strategic partners.

INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU RENEWABLE ENERGY INITIATIVES

MENYOKONG INISIATIF MOBILITI HIJAU: KERJASAMA DENGAN MALAKOFF RADIANCE

RAC dan pihak operator KTMB bersama Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) pada 12 Disember 2023 telah mengumumkan kerjasama di dalam inisiatif yang menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). Usaha ini bertujuan untuk mempercepat peralihan tenaga di Malaysia dan mencapai 70% campuran kapasiti Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) menjelang 2050.

Malakoff, melalui anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya, Malakoff Radiance Sdn. Bhd. (Malakoff Radiance) telah memeterai perjanjian solar dengan RAC dan KTMB untuk pembangunan, operasi dan penyelenggaraan sistem solar carport dan pemasangan sistem solar di bumbung di stesen-stesen kereta api, depoh dan bangunan park and ride di Perak, Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan.

Dengan jangkaan penjimatan elektrik bernilai RM 9.7 juta bagi RAC dan KTMB, projek ini berupaya menjana kapasiti sehingga 1.42 MWp. Penjimatan ini penting dalam menyumbang kepada pengurangan pengeluaran karbon tahunan sebanyak 19,376 tCO₂e, bersama dengan pemeliharaan 484,400 batang pokok matang. Usaha kolaboratif ini juga selaras dengan projek utama mobiliti hijau di bawah NTER, yang memberi tumpuan khusus kepada penggunaan sistem *fotovoltaik solar* (PV) untuk operasi rel.

Majlis menandatangani perjanjian ini telah diadakan antara Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin dan Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malakoff, YBrs. Encik Anwar Syahrin Abdul Ajib dan disaksikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha MOT yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan.

SUPPORTING GREEN MOBILITY INITIATIVES: COLLABORATION WITH MALAKOFF RADIANCE

On 12 December 2023, RAC, together with KTMB and Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), announced a collaboration in an initiative that supports the National Energy Transition Roadmap (NETR). This effort aims to accelerate Malaysia's energy transition and achieve a 70% Renewable Energy (RE) capacity mix by 2050.

Malakoff, through its wholly-owned subsidiary, Malakoff Radiance Sdn. Bhd. (Malakoff Radiance), has signed a solar agreement with RAC and KTMB for the development, operation, and maintenance of solar carport systems and rooftop solar installations at railway stations, depots, and park-and-ride buildings in Perak, Penang, Selangor, Johor, and Negeri Sembilan.

With expected electricity savings of RM 9.7 million for RAC and KTMB, the project is set to generate a capacity of up to 1.42 MWp. These savings are significant in contributing to an annual reduction of 19,376 tCO₂e in carbon emissions, equivalent to preserving 484,400 mature trees. This collaborative effort is also in line with the green mobility flagship project under NTER, which focuses on the use of solar photovoltaic (PV) systems for rail operations.

The agreement signing ceremony was held between RAC CEO, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, KTMB Group CEO, YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin, and Malakoff Managing Director & Group CEO, YBrs. Encik Anwar Syahrin Abdul Ajib, and was witnessed by the Deputy Minister of Transport, YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah.

Also present were the Secretary-General of MOT, who is also the Chairman of the RAC Board of Directors, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan.

INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU RENEWABLE ENERGY INITIATIVES



Kolaborasi ini membuktikan sokongan berterusan RAC terhadap inisiatif hijau yang dilaksanakan kerajaan dan konsisten dengan dasar-dasar Kerajaan termasuk penggunaan tenaga boleh baharu melalui pemasangan panel solar di stesen kereta api, depoh dan bangunan Park & Ride.

Menjelang suku ketiga 2024, RAC merancang untuk melaksanakan fasa kedua inisiatif tenaga boleh baharu di 17 lokasi, termasuk 16 stesen kereta api dan satu bangunan park and ride di Selangor, Negeri Sembilan dan Perlis. Bagi fasa ketiga, inisiatif ini akan dilaksanakan di 25 lagi lokasi aset kereta api di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kajian kebolehlaksanaan di bawah inisiatif ini sedang dijalankan dan RAC berhasrat untuk mempromosikan penggunaan tenaga boleh baharu dalam industri pengangkutan rel dalam usaha membantu KTMB untuk mengurangkan penggunaan elektriknya sebanyak 30 peratus melalui pengagihan kuasa yang dihasilkan untuk keperluan operasi (pengurusan) di stesen-stesen kereta api.



This collaboration demonstrates RAC's continued support for the green initiatives implemented by the government and is consistent with the government's policies, including the use of renewable energy through the installation of solar panels at railway stations, depots, and Park & Ride buildings.

By the third quarter of 2024, RAC plans to implement the second phase of the renewable energy initiative at 17 locations, including 16 railway stations and one Park & Ride building in Selangor, Negeri Sembilan, and Perlis. For the third phase, the initiative will be extended to 25 additional railway asset locations across Peninsular Malaysia.

Feasibility studies for this initiative are currently underway, and RAC aims to promote the use of renewable energy in the rail transport industry, assisting KTMB in reducing its electricity consumption by 30% through the distribution of generated power for operational needs (management) at railway stations.







SEKSYEN
SECTION

10

PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

*FINANCIAL AND ACCOUNTS
MANAGEMENT*



PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN FINANCIAL AND ACCOUNT MANAGEMENT

Pengurusan Kewangan dan Akaun merupakan elemen penting dalam sesebuah organisasi bagi memastikan sumber kewangan diurus dan diselia baik serta mematuhi Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan yang sedang berkuatkuasa.

Penyata Kewangan RAC disediakan berdasarkan Piawaian Perakaunan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang menggunakan asas akrual manakala bagi penyata kewangan anak syarikat RAH pula dilaporkan berdasarkan Piawaian Perakaunan 'Malaysian Private Entities Reporting Standard' (MPERS).

Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, RAC menggunakan Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan atau ringkasnya SAGA untuk menguruskan rekod kewangan dan perakaunan di Perbadanan ini selaras dengan arahan yang dikeluarkan Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1/2011.

Financial and Account Management is a crucial element in an organisation to ensure that financial resources are managed and supervised effectively while complying with the Treasury Instructions and Financial Regulations currently in force.

RAC's Financial Statements are prepared based on the Accounting Standards set by the Accountant General's Department of Malaysia, namely the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS), which adopt the accrual basis. Meanwhile, the financial statements of RAC's subsidiary, RAH, are reported in accordance with the Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS).

As a Federal Statutory Body, RAC utilises the Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) to manage financial and accounting records within the Corporation, in line with the directives issued by the Government through the Administrative Development Circular No. 1/2011.

PENUBUHAN KUMPULAN WANG PERBADANAN ASET KERETAPI *ESTABLISHMENT OF THE RAILWAY ASSETS CORPORATION FUND*

Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (Kumpulan Wang RAC) secara rasminya ditubuhkan pada 2011 dengan kelulusan Lembaga Pengarah RAC agar urusan kewangan RAC dikenali dengan satu Kumpulan Wang.

Penubuhan Kumpulan Wang RAC adalah selaras dengan Seksyen 98 (1) Akta Keretapi 1991 "Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut "Kumpulan Wang").

Mengikut Seksyen 98 (2) Akta Keretapi 1991, Kumpulan Wang terdiri daripada:

- a) "apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Perbadanan di bawah bahagian ini;
- b) apa-apa jumlah wang yang disedia adakan dari semasa ke semasa bagi Perbadanan melalui pinjaman; dan
- c) wang yang didapatkan atau berbangkit daripada apa-apa jualan harta atau apa-apa urusan lain yang berhubungan dengan harta atau pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Perbadanan."

Dalam pada itu, Seksyen 98 (3) Akta Keretapi 1991 menjelaskan bahawa "Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bahagian ini, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat yang dilantik dan diambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, penceen atau ganjaran".

The Railway Assets Corporation Fund (RAC Fund) was officially established in 2011 with the approval of the RAC Board of Directors to ensure that RAC's financial transactions are recognised under a unified fund.

The establishment of the RAC Fund aligns with Section 98(1) of the Railways Act 1991: "For the purposes of this Part, there shall be established the Railway Assets Corporation Fund (hereinafter referred to as the 'Fund')."

- a) *"any amount of money allocated by the Federal Government from time to time for the purposes of the Corporation under this part;*
- b) *any amount of money made available from time to time to the Corporation through loans; and*
- c) *money obtained or arising from any sale of property or any other transaction related to property or investments, mortgages, charges, or debentures acquired by or vested in the Corporation."*

In addition, Section 98(3) of the Railways Act 1991 specifies that: "The Fund shall be expended for the purposes of paying any expenses lawfully incurred by the Corporation in implementing the provisions of this part, and the remuneration for officers and employees appointed and employed by the Corporation, including retirement allowances, pensions, or gratuities."

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN


FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Prestasi kewangan RAC dapat dilihat berdasarkan pencapaian kutipan hasil daripada urusan niaga pertukaran dan urusan niaga bukan pertukaran berbanding dengan perbelanjaan pentadbiran dan operasi yang menentukan sama ada RAC memperoleh hasil yang lebih atau kurang pada tahun semasa.

Melalui laporan penyata kewangan RAC yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, RAC telah mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM1.127 bilion yang terdiri daripada urusan niaga pertukaran sebanyak RM78 juta dan daripada urusan niaga bukan pertukaran sebanyak RM1.049 bilion.

RAC's financial performance can be assessed based on the revenue collected from exchange and non-exchange transactions compared to administrative and operational expenses, which determine whether RAC has generated a surplus or deficit for the current year.

According to RAC's audited financial statements for the year ending 31 December 2023, RAC recorded a revenue of RM1.127 billion, consisting of RM78 million from exchange transactions and RM1.049 billion from non-exchange transactions.



Rajah 13: Kategori hasil dan jumlah pendapatan RAC pada 2023
Diagram 13: RAC revenue category and total income in 2023


ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Pada tahun semasa juga, sejumlah RM685 juta telah dibelanjakan untuk kegunaan pentadbiran dan operasi termasuk perbelanjaan bukan tunai iaitu peruntukan susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM615 juta.

Situasi ini menyebabkan RAC memperoleh lebihan (surplus) sebelum cukai sebanyak RM442 juta dan lebihan bersih selepas cukai sebanyak RM434 juta, yang menyaksikan kenaikan 118.98 peratus atau RM236 juta jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

In the current year, a total of RM685 million was spent on administration and operations, including non-cash expenses such as depreciation provisions for properties, plants, and equipment amounting to RM615 million.

This resulted in a pre-tax surplus of RM442 million and a net surplus after tax of RM434 million, reflecting an increase of 118.98% or RM236 million compared to the previous year.



Graf 7: Prestasi kewangan RAC dari tahun 2019 hingga 2023

Graph 7: RAC's financial performance from 2019 to 2023

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Berikut adalah penerangan kepada analisa prestasi kewangan RAC pada 2023.

SUMBER HASIL

Sumber hasil RAC boleh dikategorikan kepada dua (2) iaitu urusniaga pertukaran dan urusniaga bukan pertukaran berdasarkan piawaian perakaunan yang sedang diguna pakai iaitu Perakaunan Sektor Awam (MPSAS).


Hasil langsung yang terdiri daripada komponen sewaan tanah, tumpang lalu, keuntungan atas pelupusan aset dan pendapatan-pendapatan lain dikenali dengan nama Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran manakala hasil daripada pelunasan geran dikenali sebagai Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran.

Below is an explanation of RAC's financial performance analysis for 2023.

REVENUE SOURCES

RAC's sources of revenue can be categorised into two (2) main types: exchange transactions and non-exchange transactions, based on the accounting standards currently in use, namely the Public Sector Accounting Standards (MPSAS).

Direct revenue, which consists of components such as land rental, right-of-way fees, profits from asset disposals, and other income, is classified as Revenue from Exchange Transactions. Meanwhile, revenue from the disbursement of grants is classified as Revenue from Non-Exchange Transactions.



Graf 8: Trend kutipan hasil RAC bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2019 hingga 2023
Graf 8: Trend of RAC's revenue collection over five (5) years period from 2019 to 2023

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Pada tahun semasa, RAC mencatatkan jumlah keseluruhan hasil sebanyak RM1.127 billion dan RM1.049 billion yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran. Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran ini tidak melibatkan tunai, sebaliknya direkodkan sebagai aset yang diterima melalui pemberian geran daripada Kerajaan Persekutuan. Geran ini diperuntukkan untuk melaksanakan projek pembangunan serta perbelanjaan penyelenggaraan infrastruktur yang dikenali sebagai pelunasan geran.


Baki RM78 juta pula merupakan hasil utama daripada urus niaga pertukaran yang melibatkan tunai, diperoleh daripada aktiviti penyewaan, faedah simpanan tetap dan pendapatan lain-lain. Kutipan hasil daripada urus niaga pertukaran ini telah digunakan untuk menampung perbelanjaan mengurus RAC sejak tahun 2015, selepas Perbadanan ini tidak lagi menerima geran mengurus daripada Kerajaan Persekutuan.

Pada tahun 2023, RAC telah mencatat peningkatan hasil urusniaga pertukaran sebanyak RM21 juta berbanding RM57 juta yang direkodkan untuk tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan dalam terimaan faedah daripada simpanan tetap serta kutipan hasil sewaan yang lebih tinggi susulan penambahbaikan proses sewaan.

In the current year, RAC recorded a total revenue of RM1.127 billion, of which RM1.049 billion was derived from non-exchange transactions. Revenue from non-exchange transactions does not involve cash; instead, it is recorded as assets received through grants provided by the Federal Government. These grants are allocated for the implementation of development projects and infrastructure maintenance expenditures, known as grant disbursement.

The remaining RM78 million represents the primary revenue from exchange transactions involving cash, obtained from activities such as leasing, fixed deposit interest, and other income. The revenue from these exchange transactions has been used to cover RAC's operational expenses since 2015, after the Corporation no longer received operational grants from the Federal Government.

In 2023, RAC recorded an increase of RM21 million in revenue from exchange transactions, compared to RM57 million recorded in the previous year. This increase was attributed to higher interest income from fixed deposits and improved rental income collections due to enhancements in the leasing process.



Carta 4: Peningkatan tersebut disebabkan oleh peningkatan dalam terimaan faedah daripada simpanan tetap serta kutipan hasil sewaan yang lebih tinggi susulan pelaksanaan polisi sewaan baharu.

Chart 4: The increase was driven by higher interest income from fixed deposits and higher rental income collections following the implementation of the new leasing policy.

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Perincian utama urus niaga pertukaran RAC adalah seperti berikut:

- Hasil sewaan mencatatkan kutipan sebanyak RM46 juta, meningkat sebanyak RM7 juta berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM39 juta;
- Faedah simpanan tetap menunjukkan peningkatan terbesar iaitu daripada RM7 juta pada tahun sebelumnya kepada RM24 juta pada tahun semasa; dan
- Hasil-hasil lain termasuk kutipan jualan barang lusuh, faedah pinjaman kakitangan, penjualan tender dan pelbagai penerimaan lain telah mencatatkan penurunan sebanyak RM4.2 juta daripada RM11.8 juta pada tahun sebelumnya.

The key details of RAC's exchange transactions are as follows:

- Rental income recorded a collection of RM46 million, an increase of RM7 million compared to RM39 million in the previous year;
- Fixed deposit interest showed the largest increase, rising from RM7 million in the previous year to RM24 million in the current year; and
- Other revenues including proceeds from the sale of scrap goods, staff loan interest, tender sales, and various other receipts, saw a decline of RM4.2 million, a decline from RM11.8 million in the previous year.

PERBELANJAAN

Perbelanjaan di RAC dikategorikan seperti berikut:

EXPENDITURE

Expenditure at RAC is categorised as follows:




Rajah 14: Jumlah perbelanjaan mengurus di RAC bagi tahun 2023

Diagram 14: Total operating expenditure at RAC for the year 2023

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS



Graf 9: Jumlah perbelanjaan pentadbiran di RAC dari 2019 hingga 2023
Graf 9: Total administrative expenditure at RAC from 2019 to 2023.

Graf di atas menunjukkan perbelanjaan mengurus RAC yang melibatkan tunai bagi tempoh 2019 hingga 2023. Pada tahun 2023, perbelanjaan mengurus RAC meningkat sebanyak RM32.4 juta berbanding yang dicatatkan pada 2022 iaitu RM37.51 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kos pembaikan dan penyelenggaraan lif serta eskalator, selain kerja-kerja pembersihan dan pelbagai kerja lain yang berkaitan di atas tanah milik RAC. Kesemua perbelanjaan ini dibiayai menggunakan dana RAC sendiri.

Penyata kedudukan kewangan adalah laporan yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai keupayaan kewangan RAC. Laporan ini menunjukkan jumlah aset yang dimiliki oleh RAC berbanding tanggungan liabiliti semasa.

The graph above shows RAC's operating expenditure involving cash for the period from 2019 to 2023. In 2023, RAC's operating expenses increased by RM32.4 million compared to the RM37.51 million recorded in 2022. This increase was due to the costs of repairs and maintenance of lifts and escalators, as well as cleaning and various other related works on RAC-owned land. All these expenses were financed using RAC's own funds.

The statement of financial position provides a comprehensive overview of RAC's financial capability. This report highlights the total assets owned by RAC compared to its current liabilities.

ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN


FINANCIAL POSITION ANALYSIS

ASET DAN LIABILITI SEMASA RAC

Sehingga 31 Disember 2023, jumlah tunai dan kesetaraan tunai RAC adalah sebanyak RM610 juta, di mana RM571 juta adalah rizab dalaman manakala RM39 juta adalah baki tunai daripada dana pembangunan yang akan digunakan untuk menampung projek-projek pembangunan yang masih berjalan. Nilai aset semasa RAC melebihi liabiliti semasa dengan perbezaan sebanyak RM153 juta. Nisbah semasa antara aset dan liabiliti adalah 1.32 kali ganda. Ini menunjukkan bahawa RAC mampu menanggung liabiliti semasa dan terus membuktikan keupayaan untuk kekal relevan serta berkesan dalam melaksanakan fungsi utamanya sebagai pemilik aset kereta api di negara ini.

CURRENT ASSETS AND LIABILITIES OF RAC

As of December 31, 2023, RAC's total cash and cash equivalents amounted to RM610 million, with RM571 million representing internal reserves and RM39 million being the cash balance from development funds earmarked for ongoing development projects. RAC's current assets exceeded its current liabilities by a margin of RM153 million. The current ratio between assets and liabilities is 1.32 times. This indicates that RAC is capable of meeting its current liabilities and continues to demonstrate its ability to remain relevant and effective in performing its primary role as the railway asset owner in the country.



Graf 10: Nisbah aset semasa dan liabiliti semasa RAC dari 2019 hingga 2023
Graph 10: RAC's current assets to current liabilities ratio from 2019 to 2023.

ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN FINANCIAL POSITION ANALYSIS

ASET BUKAN SEMASA RAC

Komponen utama aset bukan semasa RAC merangkumi hartanah, loji dan peralatan (PPE), kerja dalam pelaksanaan serta pelaburan dalam syarikat subsidiari.

Pada tahun 2023, faktor utama peningkatan jumlah aset bukan semasa adalah disebabkan oleh permodalan kerja dalam pelaksanaan bagi projek-projek seperti KVDT Lembah Klang dan PLBE Gemas-JB dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM985 juta. Selain itu, pelaburan dalam syarikat subsidiari, Railway Assets Holding Sdn. Bhd., turut menyumbang kepada kenaikan sebanyak RM2 juta.

Pengurangan liabiliti bukan semasa RAC berlaku adalah disebabkan pembayaran pinjaman dan juga pelunasan geran pembangunan melalui pembayaran berdasarkan kemajuan kerja bagi pelaksanaan projek-projek dibawah dana persekutuan.

PEMBAYARAN BALIK HUTANG

Bermula 1992, RAC telah mengambil alih pinjaman berjumlah RM1.550 bilion daripada KTM. Baki terkini yang masih tertunggak adalah berjumlah RM419.9 juta di bawah pinjaman UK Aid Malaysia dan Pinjaman Semula. Pembayaran balik hutang akan dibuat seperti yang telah dijadualkan.

RAC'S NON-CURRENT ASSETS

The main components of RAC's non-current assets include property, plant and equipment (PPE), work in progress and investments in subsidiary companies.

In 2023, the primary factor contributing to the increase in non-current assets was the capitalisation of work in progress for projects such as the Klang Valley Double Tracking (KVDT) and the Gemas-JB Electrified Double Track Project, amounting to a total of RM985 million. Additionally, the investment in the subsidiary company, Railway Assets Holding Sdn. Bhd., contributed to an increase of RM2 million.

The reduction in RAC's non-current liabilities was due to loan repayments and the amortisation of development grants through payments based on project progress under federal funding.

DEBT REPAYMENT


Since 1992, RAC has assumed loans totaling RM1.550 billion from KTM. The current outstanding balance is RM419.9 million under the UK Aid Malaysia Loan and the Rescheduled Loan. Debt repayments will be made as per the established schedule.



Rajah 15: Jenis pinjaman RAC yang masih berbaki sehingga 31 Disember 2023
Diagram 15: The types of loans outstanding for RAC as of December 31, 2023.

ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

FINANCIAL POSITION ANALYSIS



Rajah 16: Baki Hutang Pinjaman Kerajaan pada 2023
Diagram 16: Outstanding Government Loan balance in 2023







SEKSYEN
SECTION

11

LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN ASET
KERETAPI BAGI TAHUN
BERAKHIR

31 DISEMBER 2022

AUDITOR-GENERAL'S REPORT ON RAC'S
FINANCIAL STATEMENT FOR THE YEAR
ENDED 31 DECEMBER 2022



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN ASET KERETAPI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 33.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dikehendaki selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Perbadanan Aset Keretapi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Aset Keretapi atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Aset Keretapi atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Saya ingin menarik perhatian terhadap hasil jualan barang lusuh dan harta benda Kerajaan yang diiktiraf oleh Perbadanan Aset Keretapi di dalam Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Perbadanan Aset Keretapi hendaklah merekodkan pelupusan aset di dalam akaun Hartanah, Loji, dan Peralatan bagi aset-aset yang telah diiktiraf sebagai hasil jualan barang lusuh dan harta benda Kerajaan bagi memastikan Hartanah, Loji dan Peralatan direkodkan dengan tepat dan betul.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Aset Keretapi berdasarkan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
18 NOVEMBER 2024



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Perbadanan
PERBADANAN ASET KERETAPI**

Kami, DATO' JANA SANTHIRAN MUNIAYAN dan DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Perbadanan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERBADANAN ASET KERETAPI pada 31 DISEMBER 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Perbadanan,



NAMA : DATO' JANA SANTHIRAN
MUNIAYAN
GELARAN : PENERUSI
TARIKH : 26 JUN 2024
TEMPAT : KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA
ARAS 9, NO. 26, JALAN TUN HUSSIEN
PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Bagi pihak Anggota Perbadanan,



NAMA : DATO' DR. AMIRUDDIN BIN
MUHAMED
GELARAN : AHLI
TARIKH : 26 JUN 2024
TEMPAT : KEMENTERIAN KEWANGAN
SEKTOR PENGURUSAN
STRATEGIK BADAN BERKANUN
BAHAGIAN SYARIKAT
PELABURAN KERAJAAN
NO. 5 JALAN PERSIARAN
PERDANA PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN ASET KERETAPI**

Saya, DATO' AZHAR BIN AHMAD, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Bandar Baru Bangi)
di Selangor)
pada 26 JUN 2024)


 Di hadapan saya,

 PESURUHJAYA SUMPAH
 310A Diamond Complex,
 Bangi Business Park,
 Jalan Medan Off Jln Persiaran,
 43650 Bandar Baru Bangi,
 Selangor.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023

		<u>KUMPULAN</u>		<u>PERBADANAN</u>	
		<u>2023</u>	<u>2022</u>	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM'000</u>	<u>Dinyatakan semula</u> <u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>	<u>Dinyatakan semula</u> <u>RM'000</u>
ASET					
Aset Semasa					
Akaun Belum Terima	6	22,620	21,004	22,620	21,004
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	7	611,613	608,293	610,049	608,293
Jumlah Aset Semasa		634,233	629,297	632,669	629,297
Aset Bukan Semasa					
Hartanah, Loji Dan Peralatan	8	26,480,040	27,027,830	26,480,040	27,027,830
Aset Tak Ketara	9	5	-	5	-
Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan	10	10,586,173	9,567,254	10,586,173	9,567,254
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	11	-	-	2,004	-
Akaun Belum Terima	6	63,910	82,170	63,910	82,170
Jumlah Aset Bukan Semasa		37,130,128	36,677,254	37,132,132	36,677,254
Jumlah Aset		37,764,361	37,306,551	37,764,801	37,306,551
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Akaun Belum Bayar	12	49,706	51,427	49,703	51,427
Pinjaman	13	410,547	410,547	410,547	410,547
Tanggungan Cukai Pendapatan		18,791	17,275	18,791	17,275
Jumlah Liabiliti Semasa		479,044	479,249	479,041	479,249
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman	13	8,637	9,390	8,637	9,390
Liabiliti Cukai Tertunda	14	64	80	64	80
Geran Kerajaan Persekutuan	15	39,188	58,098	39,188	58,098
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		47,889	67,568	47,889	67,568
Jumlah Liabiliti		526,933	546,817	526,930	546,817
Aset Bersih		37,237,428	36,759,734	37,237,871	36,759,734
ASET BERSIH/EKUITI					
Rizab Penilaian Aset	16	-	-	-	-
Keuntungan Berkumpul	17	37,237,428	36,759,734	37,237,871	36,759,734
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		37,237,428	36,759,734	37,237,871	36,759,734

Nota-nota di halaman 8 hingga 33 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

		KUMPULAN		PERBADANAN	
		2023	2022	2023	2022
		RM'000	Dinyatakan semula RM'000	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Hasil					
Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran	18	1,048,899	781,600	1,048,899	781,600
Hasil daripada Urusniaga Pertukaran	19	78,213	57,306	78,213	57,306
Jumlah Hasil		1,127,112	838,906	1,127,112	838,906
Perbelanjaan					
Emolumen	20	4,373	4,370	4,000	4,370
Perkhidmatan dan Bekalan	21	25,887	11,296	25,817	11,296
Penajaan, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	22	2,907	999	2,907	999
Perbelanjaan Lain	23	652,392	625,471	652,392	625,471
Jumlah Perbelanjaan		685,559	642,136	685,116	642,136
Lebihan sebelum cukai		441,553	196,770	441,996	196,770
Cukai	24	(7,460)	1,467	(7,460)	1,467
Lebihan bersih tahun semasa		434,093	198,237	434,536	198,237

Nota-nota di halaman 8 hingga 33 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KUMPULAN
2022

	Rezab Penilaian Aset RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Dinyatakan Semula			
Pada 1 Januari 2022			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,177	18,028,362	25,992,539
	7,964,177	18,028,362	25,992,539
Pelarasan tahun semasa	(7,964,177)	18,533,135	10,568,958
Lebihan bersih bagi tahun semasa	-	198,237	198,237
Pada 31 Disember 2022	-	36,759,734	36,759,734

2023

Pada 1 Januari 2023	7,964,177	17,546,083	25,510,260
	7,964,177	17,546,083	25,510,260
Pelarasan tahun lalu	(7,964,177)	19,213,651	11,249,474
Dinyatakan Semula	-	36,759,734	36,759,734
Pelarasan Tahun Semasa	-	43,601	43,601
Lebihan bersih bagi tahun semasa	-	434,093	434,093
Pada 31 Disember 2023	-	37,237,428	37,237,428

2023 - Pelarasan melibatkan rekod restrospektif bagi hasil pelarasan Geran Kerajaan Persekutuan, Kerja Dalam Pelaksanaan dan pelarasan aset Seremban-Gemas serta pengiraan susut nilai aset.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

<u>PERBADANAN</u> <u>2022</u>	Rezas Penilaian Aset RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2022			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,177	18,028,362	25,992,539
- Pelarasan tahun semasa	(7,964,177)	18,533,135	10,568,958
Dinyatakan Semula	-	36,561,497	36,561,497
Lebihan bersih bagi tahun semasa	-	198,237	198,237
Pada 31 Disember 2022	-	36,759,734	36,759,734
<u>2023</u>			
Pada 1 Januari 2023			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,177	17,546,083	25,510,260
- Pelarasan tahun lalu	(7,964,177)	19,213,651	11,249,474
Dinyatakan Semula	-	36,759,734	36,759,734
Lebihan bersih bagi tahun semasa	-	434,536	434,536
Pelarasan tahun semasa		43,601	43,601
Pada 31 Disember 2023	-	37,237,871	37,237,871

2023 - Pelarasan melibatkan rekod retrospektif bagi hasil pelarasan Geran Kerajaan Persekutuan, Kerja Dalam Pelaksanaan dan pelarasan aset Seremban-Gemas serta pengiraan susut nilai aset.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2023	2022	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</u>				
Lebihan Sebelum Cukai	441,553	196,770	441,996	196,770
<u>Pelarasan untuk:</u>				
Susutnilai	(615,200)	(604,624)	(615,200)	(604,624)
Cukai	(6,016)	-	(6,016)	-
Peningkatan dalam peruntukan bagi hutang ragu	4,937	13,434	4,937	13,434
Peningkatan dalam geran persekutuan	26,254	36,621,140	26,254	36,621,140
(Pengurangan)/Peningkatan dalam pemiutang	(9,293)	52,674	(9,296)	52,674
(Pengurangan)/Peningkatan dalam pinjaman	5,193	438,811	5,193	438,811
Peningkatan dalam peruntukan berkaitan dengan kos pekerja	114	219	114	219
Peningkatan dalam aset semasa lain	(10,522)	(1,804)	(10,522)	(1,804)
Peningkatan dalam kerja dalam pembinaan	(1,018,920)	(9,567,252)	(1,018,920)	(9,567,252)
Pengurangan/(Peningkatan) dalam penghutang	22,263	(114,606)	22,263	(114,606)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	(1,601,190)	26,837,992	(1,601,193)	26,837,992
(Pengurangan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(1,159,637)	27,034,762	(1,159,197)	27,034,762
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u>				
Belian hartanah, loji dan peralatan	1,162,989	(26,993,449)	1,162,989	(26,993,449)
Pelaburan di Syarikat Subsidiari	-	-	(2,004)	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	1,162,989	(26,993,449)	1,160,985	(26,993,449)
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</u>				
Hasil daripada pinjaman	(32)	(199)	(32)	(199)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	(32)	(199)	(32)	(199)
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	3,320	41,114	1,756	41,114
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	608,293	567,179	608,293	567,179
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	611,613	608,293	610,049	608,293

Nota-nota di halaman 8 hingga 33 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Jumlah Bajet		Jumlah	Varian
	Asal	Akhir	Sebenar [^]	Bajet ^{^^}
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
TERIMAAN	95,820	95,820	75,213	20,607
Faedah dan Simpanan Tetap	24,000	24,000	24,246	(246)
Lain-lain Hasil	23,005	23,005	4,577	18,428
Sewaan dan Pajakan	48,815	48,815	46,390	2,425
EMOLUMEN	3,945	4,025	4,000	25
Bayaran Imbuhan Tahunan & Bantuan kewangan	49	529	528	1
Elaun Lebih Masa	50	50	46	4
Elaun Tetap	1,267	1,127	1,123	4
Faedah Kewangan Yang Lain	315	255	251	4
Gaji dan Upahan	1,955	1,755	1,750	5
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	309	309	302	7
PERKHIDMATAN & BEKALAN	21,167	25,835	25,817	18
Bekalan & Bahan-bahan lain	178	314	313	1
Bekalan Bahan Mentah & Bahan untuk Penyelenggaraan & Pembaikan	239	119	116	3
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli	1,774	3,795	3,794	1
Perbelanjaan Perjalanan dan sara hidup	617	422	419	3
Perhubungan dan Utiliti	461	272	271	1
Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Lain Yang dibeli & Hospitaliti	13,622	18,207	18,202	5
Sewaan	4,276	2,706	2,702	4
ASET	32,863	28,916	23,920	4,996
Kerja Dalam Pelaksanaan	27,543	23,591	20,686	2,905
Pelaburan di Syarikat Subsidiari	2,000	2,005	2,004	1
Hartanah, Loji dan Peralatan	3,320	3,320	1,230	2,090
PENAJAAN, PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	4,322	3,672	3,659	13
Bayaran Pinjaman	1,303	103	97	6
Faedah, Dividen & Kenaan				
Bayaran Hutang Negara	2,340	2,340	2,339	1
Gantian Cuti Rehat	109	109	104	5
Pemberian Dalam Negeri	570	1,120	1,119	1
PERBELANJAAN LAIN	32,474	32,323	32,309	14
Bayaran lain-Tanah Rezab dan Milik	19,311	28,920	28,919	1
Bayaran-bayaran lain	10,043	433	425	8
Cukai Pendapatan	3,120	2,970	2,965	5
JUMLAH PERBELANJAAN	94,771	94,771	89,705	5,066
JUMLAH LEBIHAN	1,049	1,049	(14,492)	15,541

[^] Terimaan dan Perbelanjaan adalah bagi transaksi dalam tunai sahaja

^{^^} Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota-nota di halaman 8 hingga 33 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT UMUM

1.1 Kegiatan Utama

Kegiatan utama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ini adalah untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggara semua aset, liabiliti dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dipindahmilik kepada Kumpulan dan Perbadanan melalui Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan juga membangunkan infrastruktur kereta api. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama ini di sepanjang tahun.

1.2 Kegiatan Utama Anak Syarikat

Aktiviti utama yang dirancang Syarikat adalah untuk menjalankan pengurusan aset keretapi. Tiada perubahan signifikan dalam aktiviti ini sepanjang tempoh kewangan. Syarikat masih belum memulakan aktiviti yang dirancang sepanjang tempoh kewangan tersebut.

1.3 Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata kewangan ini telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Anggota Perbadanan pada 13 Jun 2024.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS). Piawaian ini bertujuan untuk meningkatkan kerelevanan dan kebolehpercayaan penyata kewangan serta kebolehbandingan penyata kewangan ini dari semasa ke semasa dengan penyata entiti lain.

Geran mengurus adalah geran yang diterima untuk tujuan membiayai kos operasi Perbadanan dan diambilkira sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Manakala geran pembangunan adalah geran yang diterima untuk tujuan projek-projek tertentu. Sebarang perbelanjaan dana pembangunan akan dilunaskan apabila ia dibelanjakan.

2.2 Perubahan Polisi Perakaunan

Piawaian berikut akan berkuatkuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2019. Perbadanan memilih untuk menerima pakai awal piawaian ini bermula pada tahun 2021 dan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2023.

- MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Penjelasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan tentang Sektor Kerajaan Am
- MPSAS 23, Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

2.2 Perubahan Polisi Perakaunan (samb.)

- MPSAS 24, Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Kakitangan
- MPSAS 26, Penjelasan Nilai Aset Menjana Tunai
- MPSAS 31, Aset Tak Ketara
- MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan

2.3 Tukaran Matawang

Urus niaga dalam matawang asing di sepanjang tempoh telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang menghampiri kadar berkuatkuasa pada tarikh urus niaga. Aset-aset dan tanggungan matawang asing bersifat kewangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan telah dinilai kepada Ringgit Malaysia pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh itu. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran telah diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Asas penyatuan perakaunan

Penyata kewangan yang disatukan adalah termasuk penyata kewangan Perbadanan dan Syarikat subsidiarinya melalui perakaunan ekuiti, yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

2.4.1 Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah entiti (termasuk entiti tujuan khas) di mana Perbadanan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan syarikat subsidiari yang dikawalanya disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan syarikat subsidiari telah disediakan menurut piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan mematuhi keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Penggabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pertubuhan syarikat baru. Di bawah kaedah ini, keputusan kewangan syarikat subsidiari disatukan dalam penyata kewangan dari tarikh di mana pertubuhan syarikat.

Kos penggabungan perniagaan termasuk nilai saksama aset yang diperolehi, liabiliti yang ditanggung atau diandaikan dan instrumen ekuiti yang diterbitkan, termasuk sebarang kos yang berkaitan secara langsung dengan penggabungan perniagaan tersebut. Semua urus niaga antara Kumpulan telah dihapuskan semasa penyatuan. Rugi belum direalisasi akan dihapuskan kecuali kos tidak boleh diperolehi semula. Jika perlu, pelarasan dan pengkelasan akan dibuat ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari supaya konsisten dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Urus niaga dengan kepentingan bukan kawalan yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga ekuiti. Sebarang perbezaan di antara jumlah yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima akan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Apabila Kumpulan tidak lagi mengawal syarikat subsidiari, perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan syarikat subsidiari dan jumlah yang dibawa pada tarikh kawalan hilang diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan subsidiari. Jumlah dibawa bagi apa-apa kepentingan ekuiti dalam subsidiari pada tarikh kawalan tidak lagi wujud dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal bagi perakaunan berikutnya sebagai instrumen kewangan, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)****2.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta deposit jangka pendek yang mempunyai kecairan yang tinggi dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

2.6 Nilai Aset Terjejas

Pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan Perbadanan mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan. Nilai aset terjejas akan dilaksanakan apabila Kumpulan dan Perbadanan dapat mengenalpasti dengan jelas aset yang tidak ekonomi dan perlu dirosot nilai.

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan dimana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenalpasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan.

2.7 Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan telah menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Instrumen-instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti selaras dengan pengaturan kontrak. Faedah, dividen dan laba serta kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Instrumen-instrumen kewangan diseimbangkan apabila Kumpulan dan Perbadanan mempunyai hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan sama ada atas dasar bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.7.1 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk di bank dan deposit yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai, bersih daripada overdraf bank belum jelas.

2.7.2 Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalis dijangka. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran peruntukan rosot nilai penghutang dibuat pada nilai hutang bagi penghutang yang telah menerima Letter of Demand (LOD) dan pada kadar 100% ke atas semua penghutang yang tertunggak melebihi 3 bulan. Kadar faedah 100% adalah ditentukan berdasarkan pertimbangan oleh Perbadanan Pengarah.

2.7.3 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diterima.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)****2.8 Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan**

Kerja-kerja dalam pelaksanaan merupakan projek-projek infrastruktur kereta api dan projek pembangunan yang dilaksanakan dan dibiayai oleh Perbadanan serta projek pembangunan yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan yang masih belum siap sepenuhnya semasa penyata ini disediakan. Ianya diakaunkan sebagai kerja-kerja dalam pelaksanaan apabila kontraktor projek yang berkaitan membuat tuntutan pembayaran kemajuan. Manakala, kerja-kerja dalam pelaksanaan yang melibatkan perbelanjaan modal oleh Kerajaan akan dilunaskan sebagai hasil bukan pertukaran. Kerja-kerja dalam pelaksanaan akan dipermodalkan ke aset tetap selepas menerima *Certificate of Practical Completion (CPC)*.

2.9 Permodalan Aset

Aset Tetap terdiri daripada hartanah, loji dan peralatan dan kerja-kerja dalam pelaksanaan yang mana pengiktirafan aset adalah berasaskan MPSAS 17-Hartanah, Loji dan Peralatan, dan dipermodalkan apabila aset-aset berkenaan siap sepenuhnya mengikut kontrak yang dibuat kecuali dalam kes-kes yang tertentu. Bagi aset-aset yang dibeli, hanya aset kos seunit RM3,000 atau lebih akan dianggap sebagai aset tetap. Aset-aset yang dinilai kurang RM3,000 akan dianggap sebagai belanja dan direkodkan di bawah inventori peralatan pejabat.

2.10 Penyelenggaraan Infrastruktur

Penyelenggaraan infrastruktur adalah kerja-kerja penyelenggaraan besar infrastruktur keretapi sedia ada termasuk pengukuhan dan penambahbaikan infrastruktur tersebut. Dalam keadaan biasa, kos penyelenggaraan yang dibiayai oleh Kerajaan akan dimasukkan ke dalam kerja-kerja pelaksanaan. Ianya akan dikira sebagai belanja apabila sesuatu projek penyelenggaraan itu selesai.

2.11 Pinjaman Jangka Pendek

Pinjaman Jangka Pendek merupakan jumlah tunggakan Pinjaman yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan. Jumlah Pinjaman Jangka Panjang ditolak jumlah ini menjadikan baki Pinjaman Jangka Panjang kelihatan rendah.

2.12 Geran Dan Pelunasan Geran

Geran Operasi yang diterima untuk operasi Perbadanan daripada urus niaga bukan pertukaran diambil kira sebagai hasil. Geran Kerajaan diterima untuk pembiayaan aset dan penyelenggaraan infrastruktur daripada urus niaga bukan pertukaran diiktiraf sebagai liabiliti dan dikira sebagai pendapatan tertunda. Apabila pembiayaan dan penyelenggaraan selesai geran kerajaan diiktiraf sebagai aset atau perbelanjaan infrastruktur, pelunasan geran hendaklah dilaksanakan dengan mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu. Perbadanan merujuk kepada peruntukan MPSAS 23-Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran, para 44, 45 dan 50.

2.13 Peruntukan Cukai Pendapatan

Peruntukan cukai pendapatan Perbadanan adalah berdasarkan P.U.(A) 207, Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian No. 22) 2006 yang mana sebarang hasil diterima daripada aktiviti monetisation adalah dikecualikan cukai berdasarkan warta ini dan juga Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Ini adalah bermula pada tahun 2022 di mana Perbadanan ini menerima pengecualian cukai korporat ke atas hasil Railway Assets Corporation daripada aktiviti penajaan hasil aset-aset keretapi yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

2.13 Peruntukan Cukai Pendapatan (samb.)

Peruntukan cukai pendapatan Perbadanan adalah berdasarkan P.U.(A) 207, Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian No. 22) 2006 yang mana sebarang hasil diterima daripada aktiviti monetisation adalah dikecualikan cukai berdasarkan warta ini dan juga Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Ini adalah bermula pada tahun 2022 di mana Perbadanan ini menerima pengecualian cukai korporat ke atas hasil Railway Assets Corporation daripada aktiviti penajaan hasil aset-aset keretapi yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Belanja cukai pendapatan Perbadanan dipersembahkan pada penyata prestasi kewangan Perbadanan manakala tanggungan cukai pendapatan belum dibayar pula akan dipersembahkan pada penyata kedudukan kewangan Perbadanan di bawah liabiliti semasa.

Sekiranya terdapat lebih amaun cukai bagi tahun semasa yang dibayar, lebih bayaran berkenaan akan direkod sebagai aset semasa manakala jika cukai semasa berkenaan berkurang bayar akan direkod sebagai liabiliti semasa pada penyata kedudukan kewangan Perbadanan.

Cukai tertunda adalah cukai perbadanan yang perlu dibayar tetapi ditangguhkan untuk suatu tempoh tertentu. Ini adalah kerana terdapat perbezaan antara pengiktirafan pendapatan atau perbelanjaan dalam penyata kewangan dan pengiraan cukai.

Cukai tertunda Perbadanan dicatat sebagai aset atau liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan, bergantung sama ada berlaku penjimatan cukai di masa hadapan atau sebaliknya.

3. ASET-ASET DAN SUSUT NILAI

- 3.1 Sebelum tahun 2005, Aset Tetap telah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul. Pada tahun 2005, Perbadanan telah menilai semula aset-aset tetap Perbadanan dengan menetapkan nilai pada masa itu dan baki usia guna aset-aset berkenaan pengiraan susut nilai tahunan. Perbadanan menggunakan nilai-nilai baru ini bermula tahun 2006.
- 3.2 Aset tidak ketara yang diperolehi direkodkan mengikut kos perolehan pada awal pengiktirafan. Pada tahun kewangan berikutnya, aset tidak ketara direkodkan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Perisian komputer dilunaskan secara garis lurus berdasarkan usia guna selama 3 tahun.
- 3.3 Susut nilai tidak diperuntukkan bagi semua jenis tanah milik bebas dan tanah rizab. Bagi kesemua aset yang lain, susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus dengan memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Susut nilai aset dikira dari seperti berikut:
 - 3.3.1 Aset diperolehi pada 15hb atau sebelumnya, susut nilai aset dikira pada awal bulan tersebut; dan
 - 3.3.2 Aset diperolehi pada 16hb atau selepasnya, susut nilai aset dikira pada awal bulan berikutnya.
- 3.4 Anggaran hayat kegunaan aset-aset seperti berikut :-

	<u>Jumlah Tahun</u>
Grading dan Terowong	99
Jambatan dan Pembetung	99
Tanah Pajakan	50-1,000
Landasan	60
Yad Atur	60
Semboyan dan Komunikasi	33
Bangunan & Parkir	50

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. ASET-ASET DAN SUSUT NILAI (samb.)

3.4 Anggaran hayat kegunaan aset-aset seperti berikut :- (samb.)

	<u>Jumlah Tahun</u>
Sistem Elektrifikasi	25
Loji & Jentera	25
Kenderaan Keretapi	20-25
Pagar	15-25
Kenderaan Jalan Raya	10
Sistem Tiket	10
Ubahsuai pejabat	10
Komputer dan Perisian komputer	3
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	5
Peralatan Latihan	5
Inventori	-
3.5	Selepas proses penilaian semula aset, aset yang masih ada nilai, disusutnilaikan berdasarkan nilai baru dan anggaran usia guna baru yang diberikan oleh jurunilai yang menilai aset-aset Perbadanan.
3.6	Aset-aset yang diperolehi selepas penilaian semula direkodkan mengikut kos perolehan dan disusutnilaikan secara garis lurus berdasarkan usia guna seperti yang dinyatakan dalam nota 3.4.
3.7	Pada masa ini, aset-aset infrastruktur keretapi milik Perbadanan digunakan oleh satu pelanggan sahaja. Sekiranya syarikat tersebut ditutup dan aset-aset infrastruktur ini dijual, kemungkinan besar Perbadanan tidak mendapat pulangan menyamai dengan nilai buku bersih (kecuali tanah dan bangunan), sebaliknya Perbadanan akan mendapat nilai harga barang lusuh sahaja.
3.8	Oleh kerana aset-aset infrastruktur kereta api selalu dianggara (<i>major</i> atau <i>minor</i>), penjejasan aset adalah rendah dan mencukupi dengan susut nilai tahunan yang dikenakan ke atas aset-aset tersebut.

4. PENGIKTIRAFAN HASIL

4.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset akan diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, Perbadanan akan mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut nilai kos diiktiraf sebagai projek yang telah siap, aset yang dibeli atau belanja.

4.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**4. PENGIKTIRAFAN HASIL (samb.)****4.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran (samb.)**

- 4.2.1 Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset tersebut ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.
- 4.2.2 Hasil sewa dari hartanah merupakan pendapatan sewaan dan pajakan ke atas tanah-tanah dan aset-aset di atas tanah hak milik dan tanah rizab kereta api. Hasil sewa dari hartanah yang dikutip oleh Perbadanan melalui pengeluaran inbois bulanan berdasarkan prinsip perakaunan terakru.
- 4.2.3 Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

5. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN**5.1 Manfaat Jangka Pendek**

- 5.1.1 Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

5.2 Pelan Sumbangan Terancang

- 5.2.1 Seperti diperuntukan oleh undang-undang, Perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 5.2.2 Ahli Lembaga Pengarah tidak dibayar pencen oleh Perbadanan. Manakala bagi kakitangan yang memilih opsyen pencen, Perbadanan mencarum ke dalam Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) setiap bulan, manakala bayaran pencen kakitangan dibuat oleh kumpulan wang tersebut apabila mereka bersara kelak.

5.3 Manfaat Jangka Panjang

- 5.3.1 Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.
- 5.3.2 Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akrual adalah bayaran Gantikan Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.
- 5.3.3 Perbadanan juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pegawai kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 5.3.4 Perbadanan tidak membuat bayaran kepada Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan Perbadanan kecuali apa-apa yang layak kepada mereka berdasarkan lantikan dan arahan-arahan Kerajaan.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

5. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN (samb.)

5.3 Manfaat Jangka Panjang (samb.)

5.3.5 Perbadanan tidak pernah membuat apa-apa kontrak bagi mana-mana pihak kakitangan atau Ahli Lembaga Pengarah. Perbadanan juga tidak pernah dalam keadaan yang mengetahui memasuki mana-mana kontrak atau perjanjian bagi menguntungkan mana-mana Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan Perbadanan.

6. AKAUN BELUM TERIMA

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023	2022
	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000
Deposit Dan Prabayar	12,327	1,804
Faedah Akan Diterima	5,187	-
Penghutang Pelbagai	500	324
Penghutang Sewaan	22,746	32,111
Pinjaman Kakitangan	231	199
Pembayaran Berjadual LTS	63,910	82,170
	104,901	116,608
Tolak: Peruntukan Rosot Nilai Penghutang	(18,371)	(13,434)
	86,530	103,174
Dedahkan Sebagai:		
Aset Semasa	22,620	21,004
Aset Bukan Semasa	63,910	82,170
	86,530	103,174

7. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2023	2022	2023	2022
	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000
Baki Tunai Di Bank	52,213	24,270	50,649	24,270
Simpanan Tetap	559,400	584,023	559,400	584,023
	611,613	608,293	610,049	608,293

MPSAS 2 – Termasuk dalam tunai dan kesetaraan tunai adalah simpanan tetap yang mempunyai kecairan yang tinggi dan sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20238. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN
KUMPULAN/PERBADANAN

2023 Kos	Pada 1.1.2023	Permodalan	Pelupusan	Pengelasan Semula	Pada 31.12.2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Alat Komunikasi	532,686	-	-	-	532,686
Alat Semboyan	1,523,458	-	-	-	1,523,458
Bangunan Operasi Kereta api	439,911	-	-	-	439,911
Bangunan Parkir	86,768	-	-	-	86,768
Bangunan Pejabat	38,488	329	-	-	38,817
Grading	443,930	-	-	-	443,930
Inventori Keretapi	23,793	-	-	-	29,499
Jambatan	5,080,412	5,706	-	-	5,080,412
Kelengkapan Pejabat	1,527	385	-	-	1,912
Kenderaan Keretapi	3,041,653	57,149	-	-	3,098,802
Kenderaan Pejabat	3,414	700	(434)	-	3,680
Komputer	3,531	50	-	-	3,581
Kuarters	115,495	-	-	-	115,495
Lain-lain Bangunan	286,147	-	-	-	286,147
Landasan	7,049,473	-	(1,000)	-	7,048,473
Loji & Jentera	735,362	-	-	-	735,362
Pagar	63,778	-	-	-	63,778
Pembentung	1,021,204	-	-	-	1,021,204
Pencawang	229	-	-	-	229
Sistem Elektrifikasi	3,194,133	-	-	-	3,194,133
Sistem Tiket	113,341	-	-	-	113,341
Stesen	1,245,322	3,706	-	-	1,249,028
Tanah – Milik Bebas	721,662	-	-	132,770	854,432
Tanah – Pajakan	337,639	-	-	(124,032)	213,607*
Tanah – Rizab	7,272,029	-	-	(8,738)	7,263,291
Terowong	650,917	-	-	-	650,917
	34,026,302	68,025	(1,434)	-	34,092,893

*Sebahagian tanah milik Perbadanan bernilai RM22 juta yang didaftarkan di bawah Rizab keretapi telah bertukar hak milik kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan dan juga persetujuan Perbadanan. Tanah tersebut adalah milik Perbadanan, seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 104 Akta Keretapi 1991. Meskipun hak milik telah ditukar kepada pihak ketiga secara tidak sah, tanah tersebut masih direkodkan atas nama Perbadanan. Tindakan susulan dengan Kerajaan Negeri yang terlibat sedang diambil untuk mendapatkan kembali hak milik ke atas tanah tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

KUMPULAN/PERBADANAN

2023	Pada	Susut nilai	Susut nilai	Susut nilai	Pada
Susut nilai terkumpul	1.1.2023	Semasa	Pelupusan	31.12.2023	
(sambungan)	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Alat Komunikasi	154,303	16,142	-	-	170,445
Alat Semboyan	456,935	46,165	-	-	503,100
Bangunan Operasi Kereta api	172,583	8,798	-	-	181,381
Bangunan Parkir	9,956	1,735	-	-	11,691
Bangunan Pejabat	11,859	816	-	-	12,675
Grading	157,793	4,484	-	-	162,277
Jambatan	684,578	51,317	-	-	735,895
Kelengkapan Pejabat	1,206	58	-	-	1,264
Kenderaan Kereta api	1,594,138	152,416	-	-	1,746,554
Kenderaan Pejabat	1,972	378	(253)	-	2,097
Komputer	3,531	14	-	-	3,545
Kuarters	55,543	2,310	-	-	57,853
Lain-lain Bangunan	48,691	5,724	-	-	54,415
Landasan	1,473,907	116,296	(566)	-	1,589,637
Loji & Jentera	173,979	27,984	-	-	201,963
Pagar	27,334	4,252	-	-	31,586
Pembentung	201,684	10,315	-	-	211,999
Pencawang	45	5	-	-	50
Penyelesaian nilai aset – kereta api	73,048	-	-	-	73,048
Sistem Elektrifikasi	1,165,928	121,965	-	-	1,287,893
Sistem Tiket	71,094	10,342	-	-	81,436
Stesen	285,427	24,952	-	-	310,379
Tanah – Milik Bebas	-	-	-	-	-
Tanah – Pajakan	57,623	2,157	-	-	59,780
Terowong	115,315	6,575	-	-	121,890
	6,998,472	615,200	(819)		7,612,853

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

KUMPULAN/PERBADANAN

2022	Pada	Permodalan	Pelarasan	Pada
<u>Dinyatakan semula</u>	<u>1.1.2022</u>	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>	<u>31.12.2022</u>
Kos	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Alat Komunikasi	315,039	-	217,647	532,686
Alat Semboyan	1,382,485	-	140,973	1,523,458
Bangunan Operasi Kereta api	323,451	-	116,460	439,911
Bangunan Parkir	86,174	594	-	86,768
Bangunan Pejabat	38,524	-	(36)	38,488
Grading	443,930	-	-	443,930
Inventori Kereta api	15,392	8,401	-	23,793
Jambatan	3,952,373	-	1,128,039	5,080,412
Kelengkapan Pejabat	1,463	-	64	1,527
Kenderaan Kereta api	3,041,653	-	-	3,041,653
Kenderaan Pejabat	3,324	90	-	3,414
Komputer	3,531	-	-	3,531
Kuarters	115,495	-	-	115,495
Lain-lain Bangunan	286,147	-	-	286,147
Landasan	9,157,013	-	(2,107,540)	7,049,473
Loji & Jentera	651,352	84,010	-	735,362
Pagar	63,778	-	-	63,778
Pembentung	904,120	-	117,084	1,021,204
Pencawang	229	-	-	229
Sistem Elektrifikasi	2,899,423	-	294,710	3,194,133
Sistem Tiket	113,341	-	-	113,341
Stesen	945,574	-	299,748	1,245,322
Tanah – Milik bebas	721,828	-	(166)	721,662
Tanah – Pajakan	256,153	-	81,486	337,639
Tanah – Rizab	7,352,029	-	(80,000)	7,272,029
Terowong	650,917	-	-	650,917
	33,724,738	93,095	208,469	34,026,302

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

KUMPULAN/PERBADANAN

2022	Pada	Susut nilai	Pada	Pada
	<u>1.1.2022</u>	<u>Semasa</u>	<u>Pelarasan</u>	<u>31.12.2022</u>

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

KUMPULAN/PERBADANAN

Nilai buku bersih

	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000
Alat Komunikasi	362,241	378,383
Alat Semboyan	1,020,358	1,066,523
Bangunan Operasi Kereta api	258,530	267,328
Bangunan Parkir	75,077	76,812
Bangunan Pejabat	26,142	26,629
Grading	281,653	286,137
Inventori Kereta api	29,499	23,793
Jambatan	4,344,517	4,395,834
Kelengkapan Pejabat	648	321
Kenderaan Keretapi	1,352,248	1,447,515
Penjejasan nilai aset – kereta api	(73,048)	(73,048)
Kenderaan Pejabat	1,583	1,442
Komputer	36	-
Kuarters	57,642	59,952
Lain-lain Bangunan	231,732	237,456
Landasan	5,458,836	5,575,566
Loji & Jentera	533,399	561,383
Pagar	32,192	36,444
Pembentung	809,205	819,520
Pencawang	179	184
Sistem Elektrifikasi	1,906,240	2,028,205
Sistem Tiket	31,905	42,247
Stesen	938,649	959,895
Tanah – Milik bebas	854,432	721,662
Tanah – Pajakan	153,827	280,016
Tanah – Rizab	7,263,291	7,272,029
Terowong	529,027	535,602
	26,480,040	27,027,830

2021

Pelarasan pengiraan susut nilai bagi aset-aset kereta api termasuk aset di bawah Projek Seremban-Gemas dan Tanah Pajakan.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

9. ASET TAK KETARA

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Kos		
Pada awal tahun kewangan	5,052	5,052
Pelarasan	-	-
Tambahan	5	-
Pada akhir tahun kewangan	5,057	5,052
Pelunasan Terkumpul		
Pada awal tahun kewangan	5,052	4,954
Pelarasan	-	98
Tambahan	-	-
Pada akhir tahun kewangan	5,052	5,052
	5	-

10. KERJA-KERJA DALAM PELAKSANAAN

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Baki pada awal tahun	9,567,254	6,883,743
Pelarasan/Tambahan	1,086,949	2,776,606
Pindahan ke hartanah,loji dan peralatan	(68,030)	(93,095)
Baki pada akhir tahun	10,586,173	9,567,254

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	PERBADANAN	
	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Saham tidak siar – pada nilai Kos	2,004	-
	2,004	-

Maklumat berkaitan pelaburan dalam anak syarikat yang telah ditubuhkan di Malaysia pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut :

Syarikat	Pegangan Ekuiti		Aktiviti Prinsipal
	2023	2022	
Railway Assets Holding Sdn. Bhd.	100%	-	Dormant

* Syarikat subsidiari telah di audit oleh AI – Jafree Salihin Kuzaimi PLT.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

12. AKAUN BELUM BAYAR

Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2023	2022	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Deposit Pelaksanaan Tender/Sebut Harga	7,292	7,299	7,292	7,299
Deposit Sewa	6,147	4,968	6,147	4,968
Pemiutang/Pemiutang Projek	10,974	5,592	10,971	5,592
Peruntukan Manfaat Pekerja	333	219	333	219
Wang Jaminan Pelaksanaan	2,670	1,392	2,670	1,392
Sewaan Kehadapan	8,142	8,889	8,142	8,889
Pelbagai Deposit Diterima	14,148	17,336	14,148	17,336
Terimaan Tidak Dikenalpasti	-	5,732	-	5,732
	49,706	51,427	49,703	51,427

(a) PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Baki awal tahun	219	200
Pelarasan	(13)	-
Peruntukan tahun semasa	158	19
Pembayaran tahun semasa	(31)	-
Baki pada akhir tahun	333	219

Peruntukan manfaat pekerja di selaraskan hanya di peruntukan bagi pegawai tetap lantikan Perbadanan tidak termasuk pegawai pinjaman dan pegawai kontrak. Peruntukan manfaat pekerja adalah atas nilai obligasi masa depan mungkin timbul dan dikira pada nilai terdiskaun tahun semasa.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

13. PINJAMAN

KUMPULAN/PERBADANAN

	Nota	Pokok RM'000	Faedah RM'000	Jumlah RM'000
<u>2023</u>				
UK Malaysian Aids (Lebih 12 bulan)	(a)	8,063	574	8,637
UK Malaysian Aids (Kurang 12 bulan)		14,127	18,658	32,785
Relending Loan	(b)	267,369	110,393	377,762
		289,559	129,625	419,184
<u>2022</u>				
<u>(Dinyatakan Semula)</u>				
UK Malaysian Aids (Lebih 12 bulan)	(a)	8,645	745	9,390
UK Malaysian Aids (Kurang 12 bulan)		14,298	18,487	32,785
Relending Loan	(b)	267,369	110,393	377,762
		290,312	129,625	419,937

Nota (a)

Pinjaman UK Malaysia Aids merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada 2 September 1974 untuk pembelian 25 buah Lokomotif diesel, 150 Bogie Pallet Wagon dan membayar elaun kepada jurutera pelatih. Dalam tahun 2012, pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah membuat penjadualan semula pembayaran pokok dan faedah bermula dari tahun 2004 sehingga tahun 2028 dan faedah yang ditangguhkan adalah sebanyak RM15,223,519. Kadar faedah adalah 6.5% setahun dan pembayaran tahunan sebanyak RM2,339,897.

Nota (b)

Pinjaman *Relending Loan* adalah pinjaman daripada Kerajaan Jepun untuk membiayai pembelian lokomotif. Jumlah Yen(¥) yang diterima adalah sebanyak ¥13,395,261,040. Jumlah tersebut telah selesai dibayar oleh Kerajaan Persekutuan bagi pihak RAC. Amaun di atas adalah jumlah terhutang kepada Kerajaan Persekutuan pada tarikh lembaranimbangan.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

14. LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000
Pada 1 Januari	80	4,606
Peruntukan Cukai Tertunda tahun Semasa (Nota 24)	(16)	(4,526)
Pada 31 Disember	64	80

15. GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000
Baki pada awal tahun	58,098	68,615
Terimaan Geran pada tahun semasa	25,000	7,234
Perbelanjaan tahun semasa	(43,910)	(11,573)
Pelarasan	-	(6,178)
Baki pada akhir tahun		
	39,188	58,098

16. RIZAB PENILAIAN ASET

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	<u>2023</u>	<u>2022</u>
	RM'000	RM'000
Baki pada awal tahun	-	7,964,177
Pelarasan	-	(7,964,177)
Baki pada akhir tahun	-	-

Rizab penilaian aset telah dikelaskan semula kepada Keuntungan Terkumpul kerana Perbadanan menggunakan polisi perekodan aset pada harga kos.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

17. KEUNTUNGAN TERKUMPUL

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2023	2022	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Pada 1 Januari	36,759,734	18,028,362	36,759,734	18,028,362
Lebihan bersih tahun semasa	434,093	198,237	434,536	198,237
Pelarasan tahun lalu	-	18,533,135	-	18,533,135
Pelarasan tahun semasa	43,601	-	43,601	-
Pada 31 Disember	37,237,428	36,759,734	37,237,871	36,759,734

2022 – Pelarasan melibatkan rekod hasil yang perlu dilunaskan pada tahun kewangan sebelum.

18. HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan Semula RM'000
Pelunasan Geran :		
Pelunasan Geran Kerajaan Persekutuan	1,048,899	781,600
	1,048,899	781,600

Pelunasan geran adalah daripada jumlah pembayaran yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi projek kereta api dibawah kategori perbelanjaan modal.

19. HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023	2022
	RM'000	Dinyatakan Semula RM'000
Faedah atas Simpanan	24,246	6,643
Faedah Pinjaman Kakitangan	6	10
Hasil Jualan/Jualan Barang Lusuh	7,566	11,763
Sewa daripada Hartanah	46,390	38,890
Pelbagai Penerimaan	5	-
	78,213	57,306

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

20. EMOLUMEN

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	528	326	528	326
Elaun Lebih Masa	46	53	46	53
Elaun Tetap	1,123	1,468	1,123	1,468
Faedah Kewangan Yang Lain	251	256	251	256
Gaji dan Upahan	2,123	1,478	1,750	1,478
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	302	789	302	789
	4,373	4,370	4,000	4,370

21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Bekalan dan Bahan-bahan lain	313	287	313	287
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	116	54	116	54
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	3,794	911	3,794	911
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	489	559	419	559
Perhubungan dan Utiliti	271	139	271	139
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang dibeli	18,202	7,115	18,202	7,115
dan Hospitaliti Sewaan	2,702	2,231	2,702	2,231
	25,887	11,296	25,817	11,296

22. PENAJAAN, PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Faedah,Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara	1,587	777
Ganjaran	97	26
Gantian Cuti Rehat	104	33
Pemberian Dalam Negeri	1,119	163
	2,907	999

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

23. PERBELANJAAN LAIN

	<u>2023</u>	<u>2022</u> <u>Dinyatakan</u> <u>semula</u> <u>RM'000</u>
	RM'000	
Bayaran lain-tanah rizab dan milik	28,919	17,891
Bayaran-Bayaran Lain	8,273	2,956
Bayaran lain-penyelesaian aset	615,200	604,624
	652,392	625,471

24. CUKAI

Perbelanjaan cukai tahun
semasa terdiri daripada:

	<u>2023</u>	<u>2022</u> <u>Dinyatakan</u> <u>semula</u> <u>RM'000</u>	<u>2023</u>	<u>2022</u> <u>Dinyatakan</u> <u>semula</u> <u>RM'000</u>
	RM'000		RM'000	
Cukai pendapatan tahun semasa	5,822	3,059	5,822	3,059
Lebihan cukai pendapatan tahun semasa	1,654	-	1,654	-
Cukai tertunda tahun semasa (Nota 14)	(16)	(4,526)	(16)	(4,526)
	7,460	(1,467)	7,460	(1,467)
Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan:				
Kurangan bersih sebelum cukai	441,553	196,770	441,996	196,770
Kadar cukai pendapatan pada 24%	105,973	47,225	106,079	47,225
Penggunaan kerugian cukai yang sebelum ini tidak diiktiraf Pelarasan kesan cukai terhadap:-	-	(5,185)	-	(5,185)
Pendapatan tidak dikenakan cukai	164,416	175,696	164,416	175,696
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	(264,579)	(214,698)	(264,685)	(214,698)
Lebihan cukai pada tahun sebelum	1,654	-	1,654	-
Peruntukkan cukai tertunda tahun semasa	(4)	(4,505)	(4)	(4,505)
Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan berakhir	7,460	(1,467)	7,460	(1,467)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

25. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Berikut adalah ringkasan item yang dilaporkan semula disebabkan terdapat pelarasan tahun lalu terhadap penyata kewangan 2022.

PERBADANAN

Hartanah, Loji Dan Peralatan

	Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu 2022 RM'000	Sebagaimana Dilaporkan Semula 2022 RM'000
Alat Komunikasi	222,120	378,383
Alat Semboyan	962,477	1,066,523
Bangunan Operasi Kereta api	172,373	267,328
Bangunan Parkir	76,671	76,812
Bangunan Pejabat	26,730	26,629
Grading	285,998	286,137
Inventori Keretapi	23,793	23,793
Jambatan	3,372,739	4,395,834
Kelengkapan Pejabat	312	321
Kenderaan Keretapi	1,435,623	1,447,515
Kenderaan Pejabat	1,419	1,442
Komputer	-	-
Kuarters	59,594	59,952
Lain-lain Bangunan	237,018	237,456
Landasan	7,342,844	5,575,566
Loji & Jentera	559,297	561,383
Pagar	36,091	36,444
Pembentung	713,119	819,520
Pencawang	184	184
Penjejasan nilai aset - keretapi	(73,048)	(73,048)
Sistem Elektrifikasi	1,836,110	2,028,205
Sistem Tiket	41,369	42,247
Stesen	719,187	959,895
Tanah - Freehold	721,663	721,662
Tanah - Leasehold	298,405	280,016
Tanah - Reserve	7,272,029	7,272,029
Terowong	535,238	535,602
	26,879,355	27,027,830

Susut nilai terkumpul berdasarkan pengiraan semula aset yang dipermodalkan dan dilupuskan.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

25. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (samb.)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH

PERBADANAN

	Rezab Penilaian Aset RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
2022			
Pada 1 Januari 2022			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,177	18,028,362	25,992,539
- Pelarasan tahun semasa	(7,964,177)	18,533,135	10,568,958
Dinyatakan Semula	-	36,561,497	36,561,497
Lebih bersih bagi tahun semasa	-	198,237	198,237
Pada 31 Disember 2022	-	36,759,734	36,759,734
2022			
Pada 1 Januari 2022			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,177	17,546,083	25,510,260
- Pelarasan tahun lalu	(7,964,177)	19,213,651	11,249,474
Dinyatakan Semula	-	36,759,734	36,759,734
Kurangan bersih bagi tahun semasa	-	434,536	435,536
Pelarasan tahun semasa	-	43,601	43,601
Pada 31 Disember 2022	-	37,237,871	37,237,871

Pelarasan keuntungan terkumpul dikelaskan semula untuk Rizab Penilaian Aset termasuk geran kerajaan persekutuan dan kerja dalam pelaksanaan.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

25. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (samb.)

KERJA-KERJA DALAM PELAKSANAAN

	PERBADANAN	
	Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu	Sebagaimana Dilaporkan Semula
	2022 RM'000	2022 RM'000
Kerja Dalam Pelaksanaan - KTMB	4,786,637	-
Kerja Dalam Pelaksanaan - NKRA KTMB	2,051,954	-
Kerja Dalam Pelaksanaan - Rehabilitation	-	242,857
Kerja Dalam Pelaksanaan - PLBE Gemas-JB	-	7,988,882
Kerja Dalam Pelaksanaan - Track Machinerie	-	12,349
Kerja Dalam Pelaksanaan - New Depot & Upgr	-	23,265
Kerja Dalam Pelaksanaan - Refurbishment-64	-	120,926
Kerja Dalam Pelaksanaan - Upgrading East Co	-	28,142
Kerja Dalam Pelaksanaan - Upgrading KVDI KL	-	476,719
Kerja Dalam Pelaksanaan - SkyPark	-	521,330
Kerja Dalam Pelaksanaan - Baikpulih Bukit Tembok	7,003	7,003
Kerja Dalam Pelaksanaan - FACADE Lighting	4,911	4,911
Kerja Dalam Pelaksanaan - Menara Sentral RAC	125,000	125,000
Kerja Dalam Pelaksanaan - Pagar KVDI KL	243	243
Kerja Dalam Pelaksanaan - Pagar KVDI Rawang	116	116
Kerja Dalam Pelaksanaan - Pagar&PTanda Gemas	57	57
Kerja Dalam Pelaksanaan - Pelbagai	2,317	2,317
Kerja Dalam Pelaksanaan - Projek Baikpulih St. Kuala Lumpur	50	50
Kerja Dalam Pelaksanaan - Projek DMU Sektor Timur	285	285
Kerja Dalam Pelaksanaan - Projek PEMERKASA	4,877	4,877
Kerja Dalam Pelaksanaan - Projek Pre Prihatin	2,193	2,193
Kerja Dalam Pelaksanaan - Baikpulih Pagar KVDI	734	734
Kerja Dalam Pelaksanaan - Ubahsuai Pejabat	1,524	1,524
Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan - Pagar KVDI P.Klang	49	49
Projek KTMB-RAC	3,425	3,425
	6,991,375	9,567,254

Pelarasan rekod kerja dalam pelaksanaan adalah melibatkan perekodan perbelanjaan terkumpul berdasarkan projek-projek kereta api Kerajaan.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

25. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (samb.)

GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

	Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu 2022 RM'000	Sebagaimana Dilaporkan Semula 2022 RM'000
Baki pada awal tahun	8,568,047	68,615
Terimaan Geran pada tahun semasa	217,942	7,234
Perbelanjaan tahun semasa	(116,528)	(11,573)
Pelarasan	-	(6,178)
	8,669,461	58,098

Pelarasan rekod geran kerajaan persekutuan adalah melibatkan perekodan perbelanjaan terkumpul berdasarkan projek-projek kereta api Kerajaan.

ASET TAK KETARA

	Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu 2022 RM'000	Sebagaimana Dilaporkan Semula 2022 RM'000
<u>Kos</u>		
Pada awal tahun kewangan	5,052	5,052
Pelarasan/Tambahan	-	-
Pada akhir tahun kewangan	5,052	5,052
<u>Pelunasan Terkumpul</u>		
Pada awal tahun kewangan	4,948	4,954
Pelarasan	-	98
Tambahan	6	-
Pada akhir tahun kewangan	4,954	5,052
	98	-

Pelarasan aset tak ketara adalah membabitkan perekodan jangka hayat aset dan susut nilai aset.

AKAUN BELUM BAYAR

	Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu 2022 RM'000	Sebagaimana Dilaporkan Semula 2022 RM'000
Pemiutang Kastam GST	84	-
Pemiutang Pembekal	72	33
Terimaan Sewa kehadapan - Tanah Milik	4,070	4,050
Terimaan Sewa Kehadapan - Tanah Rizab	5,175	4,839
Wang Jaminan Pelaksanaan - Pelarasan	-	(183)
	9,401	8,739

Pelarasan perekodan akaun belum bayar adalah membabitkan terimaan sewa kehadapan dan wang jaminan pelaksanaan projek kereta api.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**26. MANFAAT PEKERJA**

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023 RM'000	2022 RM'000
<u>Manfaat Jangka Pendek</u>		
Gaji dan upah	7,216	5,774
Bonus	465	150
Sumbangan keselamatan sosial	90	61
<u>Manfaat Jangka Panjang</u>		
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	200	203
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	695	533
Gantian Cuti Rehat	104	37

Jumlah staf yang berkhidmat di Perbadanan ialah 148 orang yang terdiri daripada jawatan tetap 35 orang, kontrak (COS) 60 orang, kontrak (CFS) 10 orang dan pekerja khidmat RAC (PKRAC) 43 orang.

Kumpulan Pengurusan & Profesional : 33 orang
Kumpulan Pelaksana : 62 orang

27. ANGGOTA PENGURUSAN UTAMA RAC

	KUMPULAN/PERBADANAN	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Elaun Tetap	843	493
Lain-lain elaun (Faedah tahunan, <i>In-kind</i>)	34	24
	877	517

MPSAS 20 - Anggota pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti Perbadanan secara langsung dan tidak langsung.

28. KONTINGENSI ASET**Projek Usaha Sama Di Atas Tanah Milik RAC oleh pihak KTMB: Pembangunan Projek Usaha Sama Yang Melanggar Akta Kereta api 1991.**

Selepas tarikh Lembaran Imbangan 2010, pihak Perbadanan mendapati wujud kontigensi aset hasil daripada proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengurusan aset dan hartanah Perbadanan. Kontigensi aset ini adalah kerana projek usaha sama di atas tanah milik Perbadanan yang dilaksanakan oleh pihak KTMB dengan pihak swasta bagi membangunkan projek hartanah di atas tanah kereta api antara tahun 1993 hingga 1996. Projek usaha sama tersebut dilaksanakan di atas tanah Perbadanan selepas Akta Kereta api 1991 berkuatkuasa.

KTMB telah didapati membuat penukaran status milikan tanah kepada 5 syarikat usaha sama yang dinyatakan di atas secara milik kekal atau pajakan tanpa pengetahuan Perbadanan. Tindakan ini telah mengakibatkan Perbadanan kehilangan hak ke atas tanah-tanah tersebut yang bernilai RM335.32 juta. Selain daripada itu, Perbadanan juga telah dinafikan hak atas faedah-faedah yang diterima oleh KTMB sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai berjumlah RM915.99 juta.

PERBADANAN ASET KERETA API
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2023

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

28. KONTINGENSI ASET (samb.)

Jadual dibawah menunjukkan keluasan dan kos tanah bagi 5 lokasi tanah yang telah dipindah milik selepas Akta Kereta api 1991 serta faedah dalam bentuk tunai dan bukan tunai yang diterima oleh pihak KTMB:

Lokasi tanah RAC	Keluasan tanah (Ekar)	Kos tanah (RM'Juta)	Faedah bukan dalam bentuk tunai (RM'Juta)	Faedah dalam bentuk tunai (RM'Juta)	Faedah dalam bentuk tunai yang telah diterima oleh KTMB (RM'Juta)
Bukit Tunku, Kuala Lumpur	42.5	26.70	-	100.58	77.2
Port Dickson, Negeri Sembilan	10.9	16.10	35.630 (Unit Kondominium)	15.69	0.6
Prai Perdana, Pulau Pinang	54.7	8.90	7.128 (Unit apartment) 5.2 (Unit bangunan pejabat)	11.15	8.45
Sentul Raya, Kuala Lumpur	294.0	105.62	2.4 (Saham) 100.0 (Call Option) 69.210 (Unit kediaman)	34.00	34.00
KL Sentral, Kuala Lumpur	75.3	178.00	13.0 (Saham) 390.0 (Stesen Kereta api) 7.0 (Loan stocks)	125.00	10.00
	477.40	335.32	629.568	286.42	130.25

Isu *ultra vires* terhadap Akta Kereta api 1991 [Akta 463] berhubung pelaksanaan projek usaha sama antara Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan pihak-pihak swasta bagi lima (5) tanah hak milik/rizab kereta api yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) melalui Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2009 telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Anggota Perbadanan Kali ke-96 yang bersidang pada 24 Disember 2021.

Berdasarkan ketetapan yang telah diputuskan melalui Mesyuarat *Problem Solving Committee* yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2016 yang telah bersetuju supaya isu tanah ini tidak dilanjutkan dan Perbadanan akur dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia melalui surat RAC.100-15/3/2 Jld. 2 (10) bertarikh 11 Februari 2022.



**Perbadanan Aset Keretapi
(Railway Assets Corporation)**

-  Level 16, IOI City Tower 2,
Lebuh IRC, IOI Resort City,
63502 Putrajaya Sepang,
Selangor Darul Ehsan
-  603-8733 2020
-  603-8733 2222 / 6018
-  Perbadanan Aset Keretapi/Railway Assets Corporation
-  RailwayAssetsMy
-  aduan@rac.gov.my

www.rac.gov.my